



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PERAK
TAHUN 2010



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010

NEGERI PERAK



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PERAK
TAHUN 2010**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3
Pelbagai Jabatan Pengurusan Emolumen Penjawat Awam Negeri Perak	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Pengurusan Perumahan Rakyat	10
Jabatan Perhutanan Negeri Perak Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingananya Terhadap Alam Sekitar	32
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak Program Ternakan Lembu Daging Melalui Skim PINTAF	62
Majlis Bandaraya Ipoh Pengurusan Premis Perniagaan	79
Lembaga Air Perak Pengurusan Pengebilan Air	102
Pihak Berkuasa Tempatan Sistem e-Pihak Berkuasa Tempatan (e-PBT)	110
BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	125
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak Perak E-Organisation Sdn. Bhd.	125
Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak Perak SADC Management Services Sdn. Bhd.	136
Lembaga Air Perak Millenia Aqua Services Sdn. Bhd.	145
BAHAGIAN III - PERKARA AM	
Pendahuluan	157
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009	157
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2009	158
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Perak	158
PENUTUP	165



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Perak Darul Ridzuan. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** untuk menilai sama ada aktiviti Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2010 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 4 buah Jabatan, 3 Agensi dan 3 buah Syarikat Kerajaan Negeri. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

- Bahagian I : Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri**
- Bahagian II : Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**
- Bahagian III : Perkara Am**

3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapati terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2010 seperti yang saya laporkan dalam Laporan ini. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 37 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.

4. Saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat kerajaan. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara selaras dengan slogan “**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**” bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi/ Syarikat Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

20 Mei 2011



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGensi NEGERI

1. PELBAGAI JABATAN

- Pengurusan Emolumen Penjawat Awam Negeri Perak

1.1. Berdasarkan Perintah Am Bab B, elaun dan imbuhan dalam perkhidmatan awam merupakan satu keistimewaan dan bukan bersifat kekal yang patut dibayar kepada pegawai berkeelayakan berdasarkan syarat dan kadar yang ditetapkan. Jabatan bertanggungjawab menyelenggara rekod emolumen dan dokumen perkhidmatan untuk memproses pembayaran emolumen. Pembayaran Emolumen dilaksanakan oleh Unit Gaji di Pejabat Kewangan Negeri.

1.2. Kajian terhadap Pengurusan Emolumen Penjawat Awam Negeri Perak telah dilaksanakan pada penghujung tahun 2010 yang merangkumi Pejabat Pegawai Kewangan Negeri dan 7 Jabatan lain iaitu Jabatan Kerja Raya Hilir Perak, Pejabat Pertanian Daerah Manjung, Jabatan Pengairan Dan Saliran Perak Tengah, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Perak, Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Pejabat Daerah Dan Tanah Gerik serta Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak. Antara penemuan Audit yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

1.2.1. Elaun terlebih dan terkurang dibayar kepada penjawat awam sama ada berkaitan dengan Imbuhan Tetap Perumahan, Bantuan Sara Hidup, Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Elaun Tanggung Kerja, Tunggakan Emolumen, Bonus, Elaun Luar Penghulu dan bayaran Gaji Pokok.

1.2.2. Berlaku bayaran emolumen 2 kali kepada penjawat awam yang berpindah atau berlaku pertukaran tempat kerja.

1.2.3. Analisis Audit juga menunjukkan ada penjawat awam berpendapatan bersih bulanan kurang 40% daripada gaji pokok.

1.3. Secara keseluruhannya, pengurusan emolumen penjawat awam di Negeri Perak adalah memuaskan. Kelemahan yang ditemui telah diambil tindakan sewajarnya. Bagaimanapun, pihak pengurusan di PTJ perlu mempertingkatkan lagi pengurusan emolumen dengan mewujudkan sistem kawalan dalaman yang berkesan, memberi latihan yang bersesuaian, pematuhan kepada pekeliling dan peraturan kewangan serta pemantauan yang berterusan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

2. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

- Pengurusan Perumahan Rakyat

2.1. Mulai tahun 1959 hingga 2001, sebanyak 150 projek RPA dilaksanakan di Negeri Perak dengan kos berjumlah RM132 juta. Di bawah RPA, sebanyak 13,191 unit rumah telah dibina dan dijual secara sewa beli melalui pinjaman Kerajaan selama 25 hingga 27 tahun. Mulai tahun 2004, Kerajaan Negeri Perak memutuskan untuk menjual terus rumah RPA kepada pembeli yang layak dengan harga bagi lot seragam tidak melebihi RM35,000. Manakala Program Perumahan Rakyat Disewa (PPR) pula dilaksanakan dengan cara menyewakan rumah kepada golongan berpendapatan rendah dan setinggan. Keutamaan diberi kepada pemohon yang telah berkahwin, orang kurang upaya dan ibu tunggal.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan perumahan rakyat untuk menyediakan rumah kediaman yang selesa dan berkualiti telah dapat membantu meringankan beban golongan yang berpendapatan rendah. Program ini mendapat sambutan yang baik daripada orang awam. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dari aspek pengurusan PPR kerana beberapa kelemahan seperti berikut:

2.2.1. Kelewatan pindah milik kepada penyewa beli yang telah selesai membuat bayaran harga rumah mengakibatkan hasil cukai tanah tidak dapat dikutip.

2.2.2. Tindakan tidak diambil terhadap penyewa beli atau penyewa yang melanggar syarat perjanjian.

2.2.3. Kelemahan dari segi integriti data SPAP dan Sistem e-Sewa.

2.2.4. Kelemahan pengurusan kutipan hasil dan wang deposit serta rekod kewangan yang tidak lengkap dan kemas kini.

2.3. Bagi mengatasi kelemahan dan menambah baik pengurusan PPR, Bahagian Perumahan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri disyorkan mengambil langkah-langkah berikut:

2.3.1. Menyemak semula PPR yang telah tamat tempoh perjanjian untuk menentukan bilangan penyewa beli yang telah menyelesaikan bayaran harga rumah tetapi urusan pindah milik masih belum dilakukan. Tindakan susulan diambil terhadap kes yang telah dikenal pasti dan menghebahkan kepentingan penyewa beli menuntut hak milik daripada BPA.

2.3.2. Menambah baik sistem berkomputer yang sedang beroperasi dan membuat pembersihan data untuk memastikan data dalam sistem adalah tepat dan lengkap.

2.3.3. Meningkatkan penguatkuasaan dan mengurangkan tunggakan hasil.

2.3.4. Membayar balik wang deposit yang telah mencapai tujuannya atau dilaraskan ke hasil sekiranya pendeposit mempunyai tunggakan atau melanggar syarat perjanjian.

3. JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

- Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar

3.1. Hutan Paya Laut (HPL) adalah satu daripada jenis kawasan hutan yang terdapat di persisiran laut atau pantai, pulau dan kuala-kuala sungai. HPL mempunyai ciri-ciri ekologi yang unik dengan tanah yang berlumpur dan beberapa tumbuhan dapat hidup dalam keadaan banjir air masin pasang dan surut dari semasa ke semasa. Keluasan HPL di Negeri Perak adalah seluas 41,617 hektar yang terdiri daripada 40,535 hektar atau 97.4% di Daerah Larut Matang dan bakinya 1,082 hektar atau 2.6% di Daerah Manjung. Manakala HPL yang terletak dalam kawasan Tanah Kerajaan adalah lebih kurang 1,885 hektar iaitu di sekitar Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Matang, Setiawan, Manjung, Teluk Intan dan Bagan Datoh.

3.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati Pengurusan Hutan Paya Laut adalah baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan Hutan Paya Laut. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

3.2.1. Kelemahan pemantauan terutamanya di kawasan yang bersempadan dengan tanah milik, kawasan penempatan, zon penampakan persisiran pantai dan kawasan HPL Tanah Kerajaan mendedahkan kawasan ini kepada pencerobohan dan penggunaan tanah yang boleh mengancam kepelbagaian biologi dan kehilangan penyerap daya pukulan ombak yang boleh mempercepatkan lagi proses hakisan kawasan pantai.

3.2.2. Tindakan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan supaya pencerobohan HSK dapat dibendung dan diambil tindakan sewajarnya.

3.2.3. Keperluan guna tenaga, logistik dan kewangan perlu dikenal pasti supaya program peyelenggaraan tanaman dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

3.3. Bagi mengatasi kelemahan dan menambah baik pengurusan Hutan Paya Laut, Jabatan Perhutanan adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Rancangan Kerja Hutan dan Rancangan Kerja Hutan Tahunan perlu mengambil kira pengurusan HSKPL Tanjung Burung yang berkeluasan 1,079 hektar.

3.3.2. Zon penampakan perlu dikawal dan dipelihara bagi mengelakkan daripada sebarang pencerobohan atau penebangan yang boleh mendatangkan ancaman hakisan kawasan garisan pantai.

3.3.3. Kawasan HPL di tanah Kerajaan yang berada di kawasan garisan pantai/zon penampakan dan kawasan bersesuaian perlu dikenal pasti untuk diwartakan sebagai HSK yang berfungsi sebagai zon penampakan, perlindungan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi.

3.3.4. Penguatkuasaan perlu dipertingkatkan supaya pencerobohan HSK dapat dibendung dan diambil tindakan sewajarnya.

4. JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PERAK

- Program Ternakan Lembu Daging Melalui Skim Pinjaman Tanpa Faedah (PINTAF)

4.1. Skim Pinjaman Tanpa Faedah ini dikenali sebagai Skim Pawah dan mulai tahun 2000 ditukar kepada skim PINTAF. Di bawah skim PINTAF, lembu yang dibekalkan kepada peserta dibahagi kepada tiga kategori iaitu lembu induk betina berumur lebih kurang 2 tahun atau lebih yang terdiri dari lembu betina dara dan lembu betina bunting dibekalkan untuk dijadikan induk pembiakan. Objektif skim PINTAF adalah mewujudkan lebih ramai penternak secara komersial di bidang ternakan ruminan, membantu meningkatkan populasi ternakan ruminan sebagai model replika untuk membuat *reengineering* program pembangunan ruminan dan projek pembasmian kemiskinan desa, mewujudkan penternak lembu dan kambing secara fidlot dan memantapkan industri ternakan yang berdaya saing. Setiap peserta perlu menandatangani Surat Perjanjian Pawah Lembu dan Perjanjian Rancangan Pemeliharaan Anak-anak Lembu bagi setiap kategori lembu yang dibekalkan mengikut nilai masing-masing.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati pengurusan Skim PINTAF adalah memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan skim. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

4.2.1. Rekod PINTAF *Online* tidak menunjukkan perkembangan lembu di bawah skim tersebut walaupun kajian impak menunjukkan pertambahan bilangan ternakan lembu daging di Negeri Perak.

4.2.3. Tunggakan bayaran balik masih belum dikutip sepenuhnya.

4.2.4. Jabatan masih menggunakan Manual Operasi Prosedur Kualiti Pengurusan bertajuk Penyediaan Dan Penyampaian Perkhidmatan Veterinar Melalui Pembangunan Penternakan Ruminan Kaedah PINTAF di bawah Sistem Kualiti MS ISO 9002:1994 sebagai manual pelaksanaan skim PINTAF. Bagaimanapun, manual tersebut telah tamat tempoh dan tidak diperbaharui sejak tahun 2005.

4.3. Bagi mengatasi kelemahan dan menambah baik Skim PINTAF, Jabatan Perkhidmatan Veterinar disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

4.3.1. Menyediakan satu Manual Pelaksanaan Skim PINTAF yang lengkap termasuk menilai semula objektif dan kaedah pelaksanaan skim PINTAF dengan mengambil kira peruntukan kewangan dan golongan sasaran.

4.3.2. Mengemas kini rekod di PINTAF *Online* agar semua maklumat ternakan, prestasi pengembangan penternak dan ternakannya adalah lengkap dan kemas kini.

4.3.3. Aktiviti pemantauan dilakukan secara berkala dan berterusan di peringkat ladang penternak.

4.3.4. Penternak perlu menyelenggara fail sejarah, rekod ternakan supaya Jabatan dapat memantau dengan lebih berkesan.

4.3.5. Mengambil tindakan mengutip bayaran balik tunggakan.

5. MAJLIS BANDARAYA IPOH

- Pengurusan Premis Perniagaan

5.1. Fungsi utama Majlis Bandaraya Ipoh adalah membuat perancangan dan kawalan pembangunan, kawalan terhadap bangunan, iklan dan papan tanda, memberikan perkhidmatan pungutan sampah dan kawalan kebersihan bandaraya, pelesenan dan kawalan perniagaan/penjajaan, pembinaan dan penyenggaraan jalan, pengurusan lalu lintas, penyediaan kemudahan awam serta memperbaiki dan menaik taraf kampung baru/tradisi/tersusun dengan penyediaan kemudahan asas. Majlis Bandaraya Ipoh telah membelanjakan sejumlah RM3.45 juta bagi kerja-kerja penyenggaraan premis perniagaan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Fungsi tersebut meliputi perancangan pembinaan, pengisian, pengurusan, penyenggaraan serta pemantauan terhadap kesemua premis perniagaan di bawah kawalan Majlis.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan premis perniagaan oleh Majlis adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

5.2.1. Premis perniagaan tidak disewa atau di lesen oleh peniaga,

5.2.2. Kajian semula bagi kadar lesen dan kadar sewa tidak dilakukan.

5.2.3. Kelemahan pengurusan tunggakan hasil sewa dan lesen.

5.2.4. Ketidakpatuhan terhadap syarat pelesenan dan sewaan serta kelemahan pemantauan.

5.2.5. Promosi untuk menarik minat peniaga menjalankan aktiviti perniagaan juga tidak dilaksanakan dengan memuaskan.

5.3. Bagi mempertingkatkan mutu pengurusan premis perniagaan, adalah disyorkan Majlis mengambil langkah-langkah seperti berikut:

5.3.1. Perancangan pembinaan premis perlu diberi penekanan bagi memastikan setiap pembinaan dapat memberikan pulangan kepada pihak Majlis.

5.3.2. Mengambil tindakan serta-merta dan tegas terhadap penyewa yang mempunyai tunggakan melebihi tempoh tertentu.

5.3.3. Kaedah pemantauan yang dilaksanakan perlu dipertingkatkan dan dikaji dari semasa ke semasa supaya lebih bersesuaian dan mendatangkan kesan yang positif terhadap Majlis dan peniaga.

5.3.4. Kaedah dan kadar kutipan sewa dan lesen perlu dikaji semula dari semasa ke semasa dengan mengambil kira faktor nilaian semasa serta kaedah pemantauan yang dilaksanakan perlu dipertingkatkan.

5.3.5. Promosi untuk menarik minat peniaga menjalankan aktiviti perniagaan di Premis Perniagaan MBI dipergiatkan.

6. LEMBAGA AIR PERAK

- Pengurusan Pengebilan Air

6.1. Lembaga Air Perak (LAP) merupakan agensi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab memproses dan membekalkan air bersih yang selamat kepada pengguna sama ada untuk kegunaan industri, domestik atau komersial. Bagi memastikan pengurusan pengebilan diuruskan dengan cekap, LAP telah menggunakan *Water Billing System (WBS)* secara berpusat mulai bulan Jun 2006. Pada tahun 2007 hingga 2010, Lembaga Air Perak telah mencatatkan peningkatan jumlah pengebilan daripada RM240.41 juta kepada RM271.63 juta selari dengan pertambahan akaun pengguna sementara jumlah kutipan meningkat daripada RM243.84 juta kepada RM268.94 juta.

6.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pengebilan air oleh LAP adalah baik kerana prestasi pungutan hasil berbanding dengan pengebilan melebihi 99% bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010. Namun LAP kurang melaksanakan beberapa langkah yang sepatutnya bagi mengatasi kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

6.2.1. Meter rosak masih belum diganti walaupun telah lebih daripada 2 kali bacaan berturut-turut dibuat.

6.2.2. Peratusan bacaan anggaran antara 2.1% dan 2.2% sementara bacaan hitung panjang antara 1.5% dan 1.6% berbanding bacaan sebenar bagi tahun 2007 hingga 2010.

6.3. Bagi memastikan kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan diambil tindakan sewajarnya, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

6.3.1. LAP perlu menetapkan bilangan bacaan anggaran yang dibenarkan supaya penggantian meter rosak dapat dilakukan dengan segera di samping menyediakan rancangan tahunan penggantian meter. Langkah segera yang diambil akan dapat mengurangkan peratusan bacaan anggaran.

6.3.2. Tindakan mengeluarkan notis pemotongan dan pemotongan bekalan air perlu dibuat berterusan bagi mengurangkan tunggakan.

6.3.3. Bahagian Pusat Aduan Pengguna perlu di naik taraf agar ianya dapat memberi keselesaan kepada kakitangan dan pelanggan yang datang berurusan.

7. PIHAK BERKUASA TEMPATAN

- Sistem e-Pihak Berkuasa Tempatan (e-PBT)

7.1. Sistem e-PBT dibangunkan dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran dan pelaksanaan selaras dengan rancangan atau dasar Kerajaan berkenaan ICT, merapatkan jurang perbezaan teknologi maklumat antara PBT yang berkemampuan dengan PBT yang kurang berkemampuan dan memaksimumkan kegunaan sumber melalui budaya perkongsian pintar. Perjanjian bernilai RM2.95 juta bagi projek Perintis dan RM5.65 juta bagi Perluasan Fasa 1 Sistem e-Pihak Berkuasa Tempatan telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh KPKT dengan G.W. *Intech* Sdn. Bhd. dan Syarikat *Innovision Business Solution* (M) Sdn. Bhd. Ciri-ciri penting Sistem e-PBT adalah seperti modul sistem dibangunkan secara integrasi antara semua modul, mampu melaksanakan kutipan luar (*off-line*), mampu membuat kutipan bagi PBT lain dalam Negeri yang sama, mampu melaksanakan kaunter setempat kerana semua sistem boleh dicapai melalui satu skrin.

7.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan Sistem e-PBT adalah tidak memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang menyebabkan kemudahan yang disediakan tidak berfungsi sepenuhnya untuk dimanfaatkan oleh pengguna. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

7.2.1. Penyata kewangan tidak dapat dijana sepenuhnya melalui Sistem e-PBT. Penyata Kewangan terdiri daripada lima elemen utama iaitu Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Nota-nota Kepada Penyata Kewangan. Sistem e-PBT tidak menyediakan kemudahan tersebut sepenuhnya.

7.2.2. Pembekal lewat membekal peralatan *hardware* dan *software*. Pelaksanaan pengujian kesediaan sistem juga tidak memuaskan kerana *User Acceptance Test (UAT)* dan *Final Acceptance Test (FAT)* lewat atau tidak dilaksanakan oleh Pembekal.

7.2.3. Perkhidmatan meja bantuan tidak berkesan kerana aduan lewat diambil tindakan oleh pembekal.

7.2.4. Pelaksanaan modul-modul seperti Sistem ID Pelanggan, Sistem Taksiran dan Sistem Kutipan tidak memuaskan kerana rekod menunjukkan data yang tidak tepat.

7.3. Bagi tujuan penambahbaikan, adalah disyorkan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan mengambil tindakan berikut:

7.3.1. Mendapatkan salinan dokumen perjanjian yang ditandatangani oleh KPKT dan pihak pembekal.

7.3.2. Memastikan pembekal menyediakan Kamus Data Sistem e-PBT dan *Entity Relationship Diagrams (ERD)* kepada semua PBT.

7.3.3. PBT menggunakan sepenuhnya semua modul yang diwujudkan dalam Sistem e-PBT.

7.3.4. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan hendaklah membuat penambahbaikan kepada Sistem e-PBT dengan menyediakan 3 elemen Penyata Kewangan iaitu Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai Dan Nota-nota Kepada Akaun. Elemen yang disediakan hanyalah Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan.

7.3.5. PBT perlu memastikan semua data Sistem e-PBT melalui Sistem ID Pelanggan, Modul Sistem Taksiran dan Modul Sistem Kutipan dapat dibersihkan dengan sempurna supaya data yang tepat dapat dihasilkan.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

8. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

- Perak E-Organization Sdn. Bhd.

8.1. Perak E-Organization Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (Perbadanan) dengan 100% ekuiti. Syarikat ditubuhkan pada 23 Mei 2001 di bawah Akta Syarikat 1965 bagi menjalankan aktiviti perniagaan berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Sehingga 31 Disember 2009, Syarikat beroperasi dengan modal dibenarkan RM10 juta dan modal berbayar RM6.50 juta. Syarikat mempunyai 2 syarikat subsidiari iaitu Perak Multimedia Dotcom.Sdn. Bhd. dan Nova Beta (M) Sdn. Bhd.

8.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai 2010 hingga Oktober 2010 mendapati pengurusan aktiviti utama Syarikat adalah tidak memuaskan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan-kelemahan berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti serta pematuhan terhadap peraturan dan kewangan Syarikat adalah seperti berikut:

8.2.1. Syarikat mengalami kerugian bersih sejumlah RM3.34 juta pada tahun 2009 berbanding kerugian bersih sejumlah RM4.08 juta pada tahun 2008. Adalah didapati Syarikat tidak mempunyai kecairan tunai yang mencukupi untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya. Sehingga 31 Disember 2009, kerugian terkumpul Syarikat berjumlah RM8.35 juta.

8.2.2. Perjanjian pembangunan dan penyenggaraan *Data Centre* hendaklah ditandatangani antara Syarikat *Perak E-Organization Sdn. Bhd.* dan Syarikat yang menguruskan perkhidmatan berkenaan.

8.2.3. Penyewa premis *Perak Techno Trade Centre (PTTC)* tidak mematuhi syarat perjanjian dengan Syarikat sehingga mengakibatkan tunggakan sewa yang tinggi.

8.3. Bagi memastikan pengurusan Syarikat *Perak E-Organization Sdn. Bhd.* diurus dengan teratur dan seterusnya mengatasi kelemahan-kelemahan yang dihadapi, Syarikat disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

8.3.1. Mengenal pasti punca kerugian Syarikat supaya kerugian tidak berterusan. Ini bagi menjaga kepentingan Perbadanan yang memegang 100% ekuiti saham dalam Syarikat.

8.3.2. Mengadakan polisi risiko sebagai panduan bagi memperkemaskan lagi pengurusan Syarikat.

8.3.3. Tindakan penguatkuasaan terhadap syarat perjanjian berhubung penyewaan bangunan PTTC dan mengutip tunggakan sewa berjumlah RM0.88 juta.

8.3.4. Memastikan perjanjian ditandatangani dengan Syarikat bagi pengurusan *Data Centre* bagi menjaga kepentingan Syarikat.

8.3.5. Memastikan perjanjian berkaitan pinjaman/pendahuluan di antara Syarikat dengan Perbadanan disediakan.

8.3.6. Memastikan aset Syarikat disenggara dan dijaga dengan baik serta daftar aset di selenggara dengan lengkap, tepat dan kemas kini.

8.3.7. Memastikan kejayaan pelaburan Syarikat dalam bidang ICT membawa pulangan seperti yang dirancang.

9. PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK

- Perak SADC Management Services Sdn. Bhd.

9.1. Tujuan utama penubuhan Syarikat ialah menjalankan aktiviti di bidang pengurusan ladang-ladang milik Perbadanan dan pemprosesan Buah Tandan Segar (BTS) bagi penghasilan Minyak Sawit Mentah (MSM). Sehingga akhir tahun 2010, modal dibenarkan Syarikat adalah RM25 juta dan modal berbayar RM10.3 juta. Syarikat menguruskan sebanyak 27 buah ladang di bawah kumpulan Perbadanan. Pemprosesan buah tandan segar kelapa sawit untuk minyak mentahnya adalah sebanyak 60% daripada ladang-ladang kumpulan Perbadanan. Manakala selebihnya adalah pekebun-pekebun kecil dan peniaga-peniaga BTS di persekitaran kilang yang dapat menyumbang bekalan BTS tambahan.

9.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati kedudukan kewangan Syarikat adalah baik kerana Syarikat didapati mampu memberi pulangan kepada Perbadanan yang memegang 100% ekuiti sahamnya. Bagaimana pun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan Syarikat seperti berikut:

9.2.1. Syarikat didapati tidak mempunyai satu dasar keselamatan *Information and Communication Technology (ICT)* memandangkan tiada satu garis panduan berhubung pengendalian data yang dikeluarkan. Pegawai yang bertanggungjawab juga tidak dibekalkan dengan kata laluan yang dikawal bagi memasuki sistem.

9.2.2. Syarikat didapati tidak menyediakan Rancangan Korporat sebagai Misi syarikat untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang.

9.3. Pada keseluruhannya, pengurusan Syarikat adalah baik. Bagaimanapun bagi tujuan peningkatan prestasi kewangan dan pengurusan Syarikat, beberapa langkah penambahbaikan perlu diambil terutama aspek tadbir urus korporat. Adalah disyorkan Syarikat mengambil tindakan berikut:

9.3.1. Menyediakan dengan segera Rancangan Korporat yang menggariskan hala tuju Syarikat.

9.3.2. Mempertingkatkan kawalan terhadap akses ICT dan keselamatan data bagi menjamin integriti data dan sistem tidak dicerobohi atau dipinda oleh pihak lain.

10. LEMBAGA AIR PERAK

- Millenia Aqua Services Sdn. Bhd.

10.1. Millenia Aqua Services Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah syarikat subsidiari milik penuh Lembaga Air Perak (LAP) yang memiliki 100% ekuiti. Syarikat ditubuhkan pada 20 Mei 2002 di bawah Akta Syarikat 1965. Sehingga akhir tahun 2009, modal dibenarkan adalah RM10 juta dan modal berbayar RM2 juta. Objektif penubuhan Syarikat adalah untuk menjalankan aktiviti berkaitan kadar pengurangan Air Tidak Berhasil (*NRW*) kepada Lembaga Air Perak (LAP). Syarikat berfungsi sebagai Kontraktor Utama dalam mengesan dan mengurangkan kadar kebocoran air dalam sistem bekalan. Aktiviti Syarikat meliputi 3 lokasi utama iaitu Daerah Kinta, Daerah Hilir Perak dan Daerah Wilayah Barat. Kontrak bagi projek *NRW* Daerah Kinta dan Daerah Hilir Perak pula dilaksanakan bagi tempoh 5 tahun bermula dari 1 Ogos 2007 sehingga 31 Julai 2012.

10.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2010 mendapati, aktiviti perniagaan yang berteraskan perkhidmatan berkaitan dengan industri air adalah tidak memuaskan kerana Syarikat masih tidak mencapai sasaran penurunan *NRW* seperti yang telah digariskan dalam kontrak. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan mengesan dan mengurangkan kadar Air Tak Berhasil. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

10.2.1. Kontraktor yang dilantik bagi melaksanakan kerja tidak mempunyai permit SPAN.

10.2.2. Syarikat masih tidak mampu mencapai sasaran yang ditetapkan.

10.2.3. Syarikat tidak mewujudkan Unit Audit Dalam.

10.2.4. Rekod kewangan tidak diselenggara dengan baik.

10.3. Bagi mengatasi kelemahan dan menambah baik pengurusan Syarikat, Syarikat disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

10.3.1. Memastikan kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan perkhidmatan memiliki permit pembaikan dan penyelenggaraan daripada SPAN.

10.3.2. Menyediakan Polisi mengenai Peraturan Kewangan dan Perakaunan yang lengkap tentang fungsi, prosedur dan proses dalam penyelenggaraan dokumen kewangan Syarikat.

10.3.3. LAP perlu melaksanakan tanggungjawab sebagai badan yang memantau dan mengawal melalui Unit Audit Dalamnya.



BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6 Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti Jabatan/Agensi/Syarikat. Tujuan pengauditan prestasi adalah untuk menilai sama ada sesuatu program atau aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan tidak berlaku pembaziran. Bagi memenuhi peruntukan Akta ini, 7 aktiviti bagi 19 Jabatan/Agensi dan 3 Syarikat Kerajaan Negeri telah dijalankan. Tujuh aktiviti tersebut ialah Pengurusan Emolumen Penjawat Awam Negeri Perak di Pejabat Kewangan Negeri Perak dan 7 Jabatan lain iaitu Jabatan Kerja Raya Hilir Perak, Pejabat Pertanian Daerah Manjung, Jabatan Pengairan Dan Saliran Perak Tengah, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Perak, Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Pejabat Daerah Dan Tanah Gerik serta Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak. Enam aktiviti lain ialah Pengurusan Perumahan Rakyat di Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar di Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Program Ternakan Lembu Daging Melalui Skim PINTAF di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak, Pengurusan Premis Perniagaan di Majlis Bandaraya Ipoh, Pengurusan Pengebilan Air di Lembaga Air Perak dan Sistem e-PBT di enam Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Majlis Perbandaran Manjung, Majlis Daerah Tanjong Malim, Majlis Daerah Batu Gajah, Majlis Daerah Lenggong, Majlis Daerah Kampar serta pengurusan 3 Syarikat Kerajaan Negeri iaitu Perak E-Organisation Sdn. Bhd., Perak SADC Management Services Sdn. Bhd. dan Millenia Aqua Services Sdn. Bhd.

PELBAGAI JABATAN

2. PENGURUSAN EMOLUMEN PENJAWAT AWAM NEGERI PERAK

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Emolumen merangkumi gaji pokok, bayaran elaun dan imbuhan yang diluluskan oleh Kerajaan. Gaji pokok merujuk mata gaji dalam struktur emolumen Sistem Saraan Malaysia yang berkuat kuasa dan diambil kira untuk faedah pencen. Berdasarkan Perintah Am Bab B, elaun dan imbuhan dalam perkhidmatan awam merupakan satu keistimewaan dan bukan bersifat kekal yang patut dibayar kepada pegawai berkeelayakan berdasarkan syarat dan kadar yang ditetapkan. Jabatan bertanggungjawab menyelenggara rekod emolumen dan dokumen perkhidmatan untuk memproses pembayaran emolumen. Pembayaran Emolumen dilaksanakan oleh Unit Gaji di Pejabat Kewangan Negeri. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, sejumlah RM631.24 juta telah dibayar kepada penjawat awam di Negeri Perak.

Pada tahun 2010, sejumlah RM215.93 juta dibayar kepada 7,157 penjawat awam di Negeri Perak. Butiran berkaitan adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Kedudukan Perbelanjaan Emolumen Penjawat Awam
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Bilangan			Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)
	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan	
2008	9,878	7,107	2,771	209.91
2009	9,882	7,088	2,794	205.40
2010	10,287	7,157	3,130	215.93
Jumlah	30,047	21,352	8,695	631.24

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan Negeri

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pembayaran emolumen diuruskan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan dan pekeliling yang ditetapkan di samping menentukan rekod emolumen diselenggara dengan sempurna dan kemas kini.

2.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pembayaran emolumen bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 di Pejabat Kewangan Negeri dan 7 Pusat Tanggungjawab iaitu Jabatan Kerja Raya Hilir Perak, Pejabat Pertanian Daerah Manjung, Jabatan Pengairan Dan Saliran Perak Tengah, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Perak, Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Pejabat Daerah Dan Tanah Gerik dan Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak. Pengauditan dijalankan dengan mengambil 13% sampel daripada jumlah jawatan yang diisi dan menyemak dokumen sokongan penyediaan bayaran emolumen, undang-undang dan peraturan berkaitan. Selain itu analisis Audit menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) dibuat terhadap semua pembayaran elaun dan potongan serta pendapatan bersih bulanan bagi semua Jabatan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 mendapati beberapa kelemahan seperti surat perwakilan kuasa tidak disediakan, elaun terlebih dan terkurang dibayar kepada Penjawat Awam sama ada berkaitan dengan Imbuhan Tetap Perumahan, Bantuan Sara Hidup, Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Elaun Tanggung Kerja, Tunggakan Emolumen, Bonus, Elaun Luar Penghulu dan bayaran gaji pokok serta bayaran emolumen dua kali kepada Penjawat Awam. Berikut adalah perkara-perkara yang dibangkitkan:

2.4.1. Surat Perwakilan Kuasa Tidak Disediakan

Arahan Perbendaharaan (AP)11(a) menghendaki kewajipan kewangan dan perakaunan bagi pegawai bawahan yang bekerja di bawah seseorang Pegawai Pengawal mesti dinyatakan dengan jelas olehnya dan menetapkan setakat mana mereka dibenarkan menjalankan tugas bagi pihaknya. Tugas yang menjadi tanggungjawabnya mestilah dinyatakan secara bertulis. Penyata Perubahan Emolumen (Kew.8) adalah satu dokumen sokongan yang digunakan untuk pembayaran emolumen. Semakan Audit mendapati dokumen Kew.8 pada tahun 2008 hingga 2010 diluluskan oleh pegawai selain daripada Ketua Jabatan. Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan untuk pegawai yang menjalankan kewajipan kewangan dan perakaunan itu. Bagaimanapun selepas mendapat teguran Audit, pihak Jabatan telah mengambil tindakan menyediakan surat perwakilan kuasa atas nama individu yang meluluskan urusan pembayaran emolumen. Pejabat Kewangan Negeri, Jabatan Kerja Raya Hilir Perak, Pejabat Pertanian Daerah Manjung, Jabatan Pengairan Dan Saliran Perak Tengah, Pejabat Daerah Dan Tanah Gerik serta Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak mematuhi peraturan AP 11(a) kecuali pejabat seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Surat Perwakilan Kuasa Tidak Disediakan

Bil.	Jabatan	2008	2009	2010
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Perak	x	x	/
2.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Perak	x	x	x
3.	Jabatan Agama Islam Negeri Perak	x	x	/

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan Negeri

X tiada surat perwakilan kuasa

/ surat perwakilan kuasa disediakan

2.4.2. Bayaran Emolumen Dan Elaun

2.4.2.1. Emolumen Dan Elaun Terlebih Bayar

Semakan Audit di 6 Jabatan mendapati 14 penjawat awam telah terlebih dibayar bayaran Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (COLA) berjumlah RM32,977. Jabatan tidak menyediakan penyata perubahan emolumen Kew.8 bagi kakitangan yang menduduki kuarters yang melibatkan bayaran ITP dan COLA kerana tidak mempunyai maklumat mengenainya. Tindakan telah diambil setelah mendapat teguran daripada pihak Audit. Tiga daripada 6 Jabatan telah memberikan maklum balas iaitu satu Jabatan telah mengutip semula bayaran yang terlebih dibayar, 2 Jabatan lagi telah mengeluarkan surat peringatan manakala 3 Jabatan masih tidak memberikan maklum balas.

2.4.2.2. Emolumen Dan Elaun Terkurang Bayar

- a. Pemeriksaan Audit di 2 Jabatan menunjukkan 5 penjawat awam terkurang dibayar elaun ITP dan COLA berjumlah RM9,195. Keadaan ini berlaku kerana Bahagian Kewangan lewat membuat pelarasan emolumen di antara 6 hingga 41 bulan. Pejabat-pejabat yang terlibat adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Kelewatan Pelarasan Emolumen

Bil.	Jabatan	Bil. Penjawat Awam Yang Terlibat	Tarikh Kenaikan BSH/ITP	Tarikh Diaudit	Tempoh Kelewatan (Bulan)	Catatan
1.	Jabatan Perancang Bandar & Desa	1	1.7.2007	30.9.2010	39	Kadar BSH telah dinaikkan tetapi pegawai masih dibayar kadar lama sehingga tarikh pengauditan.
2.	Jabatan Agama Islam Perak	4	1.1.2011	11.11.2010	11	Pegawai mengosongkan rumah kerajaan tetapi masih dibayar kadar separuh BSH.
			1.4.2010	30.11.2010	8	Pegawai sepatutnya layak menerima ITP kadar 50%
			1.6.2009	30.11.2010	6	Pegawai telah berpindah dari Parit Buntar ke Ipoh.
			1.7.2007	30.11.2010	41	Pegawai mengosongkan rumah kerajaan tetapi ITP masih dipotong dan BSH masih dibayar kadar lama.

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan Negeri

- b. Semakan Audit menunjukkan 10 Jabatan melibatkan 19 penjawat awam telah terkurang menerima bayaran elaun ITP berjumlah RM14,684. Selepas mendapat teguran Audit, Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Jabatan Pengairan Dan Saliran Perak Tengah dan Pejabat Daerah Dan Tanah Gerik telah mengambil tindakan untuk membayar semula ITP kepada 9 penjawat awam berjumlah RM2,272.

2.4.2.3. Bayaran Emolumen Kepada Anggota Yang Bersara, Letak Jawatan, Cuti Tanpa Gaji Dan Ditahan Emolumen

Pemeriksaan Audit menunjukkan 3 Jabatan melibatkan 8 penjawat awam telah dibayar emolumen sejumlah RM18,746 walaupun telah bersara, letak jawatan, cuti tanpa gaji dan ditahan emolumen. Keadaan ini berlaku kerana Bahagian Kewangan lewat mengambil tindakan, silap mengira jumlah pelarasan dan tiada tindakan oleh Jabatan untuk mengutip semula. Setelah mendapat teguran Audit, Jabatan Agama Islam Negeri Perak mengutip balik sejumlah RM1,619 daripada seorang kakitangan manakala kakitangan lain telah dihantar surat peringatan.

2.4.2.4. Imbuhan Tetap Khidmat Awam Terlebih Dibayar

Pembayaran Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) bagi pegawai dalam Kumpulan Sokongan adalah tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2006. Semakan Audit mendapati, 7 Jabatan melibatkan 11 penjawat awam telah terlebih dibayar ITKA sejumlah RM9,234.

2.4.2.5. Imbuhan Tetap Khidmat Awam Dan Elaun Tanggung Kerja Terkurang Dibayar

Pembayaran Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) bagi pegawai dalam Kumpulan Sokongan adalah tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.8 Tahun 2006. Semakan Audit mendapati 2 Jabatan melibatkan 4 penjawat awam telah terkurang dibayar ITKA sejumlah RM1,500. Ini disebabkan pelarasan emolumen lewat dibuat kerana kenaikan pangkat pegawai dan kesilapan pengiraan jumlah pelarasan. Semakan Audit juga mendapati bayaran ETK bagi 3 orang penjawat awam di 2 Jabatan telah terkurang dibayar sejumlah RM1,648.

2.4.2.6. Elaun Tanggung Kerja Terlebih Dibayar

Peraturan mengenai urusan penanggungan kerja dalam perkhidmatan awam adalah seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.17 Tahun 2007. Semakan Audit mendapati 2 Jabatan melibatkan 15 penjawat awam telah terlebih dibayar ETK berjumlah RM5,497. Ini disebabkan kesilapan mengira kadar elaun dan lewat memberhentikan bayaran elaun walaupun telah tamat tempoh tanggung kerja. Jabatan juga tidak mengambil tindakan untuk mengutip semula ETK terlebih bayar.

2.4.2.7. Emolumen Pokok Dan Tunggakan Terkurang Dibayar

Semakan Audit mendapati 2 Jabatan terkurang membayar emolumen pokok kepada 2 penjawat awam berjumlah RM2,322. Ini disebabkan kelewatan membuat pelarasan emolumen dan kesilapan mengira kenaikan tahunan. Selain itu, didapati 3 Jabatan melibatkan 12 penjawat awam telah terkurang menerima bayaran tunggakan emolumen berjumlah RM12,238. Kekurangan pembayaran ini adalah disebabkan Jabatan tidak mengenakan kadar baru yang berkuat kuasa mulai bulan Julai 2009.

2.4.2.8. Elaun Penghulu Dan Penolong Pegawai Tanah Terkurang Dibayar

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.11 Tahun 2009 menetapkan kadar baru Elaun Luar Penghulu mulai 2 Julai 2009. Penghulu Gred NP 27 layak menerima elaun berjumlah RM200 sebulan dan Penghulu Gred NP 32 menerima elaun berjumlah RM250 sebulan. Semakan Audit mendapati seramai 4 orang penghulu tidak dibuat pelarasan elaun mereka bagi tempoh bulan Julai 2009 hingga Februari 2010 berjumlah RM2,000. Perkara ini berlaku disebabkan pihak Jabatan gagal mematuhi peraturan baru tersebut. Begitu juga kadar elaun lama dibayar kepada 3 Penolong Pegawai Tanah bagi tempoh bulan September hingga Disember 2008 berjumlah RM2,585.

2.4.3. Pendapatan Bersih Kurang 40%

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil.7 Tahun 1993, semua potongan termasuk potongan ansuran kenderaan yang ditanggung oleh seseorang pegawai tidak boleh melebihi 60% daripada jumlah emolumen. Ini bermaksud baki pendapatan bersih bulanan tidak boleh kurang 40% daripada jumlah emolumen bulanan. Semakan Audit menunjukkan 443 penjawat awam menerima emolumen bersih kurang 40% di mana 40 orang daripadanya adalah dari 8 PTJ yang dipilih untuk diaudit secara manual. Perkara ini berlaku adalah disebabkan kelemahan kawalan dalaman dan kurang pemantauan.

2.4.4. Bayaran Emolumen Dua Kali

Semakan Audit menunjukkan terdapat 10 Jabatan melibatkan 13 penjawat awam telah terlebih dibayar emolumen berjumlah RM49,333 kerana menerima 2 kali emolumen. Punca berlakunya bayaran 2 kali ialah PTJ lama dan PTJ baru membayar emolumen kepada pegawai yang sama yang ditukarkan ke Jabatan lain. Keadaan ini berlaku disebabkan Jabatan tidak mengemas kini rekod emolumen, kawalan dalaman tidak berkesan dan kurang pemantauan. Bagaimanapun setelah mendapat teguran Audit, Jabatan telah mengutip semula bayaran emolumen daripada 6 penjawat awam sejumlah RM16,734. Berdasarkan maklum balas, Jabatan masih meneruskan usaha mendapatkan kembali semua bayaran emolumen yang terlebih dibayar itu di samping mengemaskinikan prosedur dan tatacara kerja berkaitan jika ada pertukaran pegawai. Pihak Bendahari Negeri juga akan memantau dari semasa ke semasa sijil emolumen akhir bagi pegawai yang bertukar.

2.4.5. Latihan Kepada Kakitangan Yang Mengurus Kewangan Dan Emolumen

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 telah menetapkan Ketua Jabatan diberi kuasa dan bertanggungjawab merancang dan mengenal pasti keperluan latihan anggota Jabatan masing-masing supaya selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang ditetapkan. Antara objektif dasar ini adalah untuk menyediakan pegawai yang berkeelayakan, berkebolehan, berkompetensi serta mencapai hasil kerja yang berkualiti dan meningkatkan produktiviti. Semakan Audit mendapati, 8 daripada 39 penjawat awam yang terlibat sebagai penyedia, penyemak dan pelulus di 8 PTJ yang diaudit pernah menghadiri kursus berkaitan pengurusan emolumen manakala seramai 31 penjawat awam lagi tidak menghadiri kursus berkaitan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Justeru itu, berlaku beberapa kelemahan semasa proses penyediaan dan meluluskan pembayaran emolumen penjawat awam di Negeri Perak. Pegawai yang bertanggungjawab juga kurang memberi tumpuan mengenai aspek latihan kepada kakitangan yang terlibat dengan urusan pembayaran emolumen Jabatan.

2.4.6. Pelan Pemulihan Bencana

Data emolumen adalah maklumat terperingkat yang perlu diberi perhatian sewajarnya. Maklumat emolumen perlu disimpan dan dilindungi supaya sistem dan proses urusan bayaran emolumen dapat diteruskan sekiranya berlaku kecurian, kehilangan dan kemusnahan. Oleh itu, Jabatan perlu mengadakan Pelan Pemulihan Bencana bagi memastikan data dan sistem dapat terus digunakan sekiranya berlaku kecurian, kehilangan atau kemusnahan. Keselamatan dan perlindungan harus diutamakan untuk mengelakkan sebarang kesulitan pada masa akan datang. Semakan Audit mendapati Pelan Pemulihan Bencana ini masih belum disediakan. Menurut pegawai sistem maklumat, perkara ini ada dibincangkan bersama dengan pihak Jabatan Akauntan Negara tetapi disebabkan melibatkan jumlah peruntukan yang besar, ianya telah ditangguhkan ke Rancangan Malaysia Ke-10.

Pada pendapat Audit, Pelan Pemulihan Bencana perlu disediakan dengan segera bagi melindungi data dan sistem supaya proses dapat diteruskan sekiranya berlaku kecurian, kehilangan atau kemusnahan.

2.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan emolumen penjawat awam di Negeri Perak adalah memuaskan. Kelemahan yang ditemui telah diambil tindakan sewajarnya. Bagaimanapun, Pihak pengurusan di PTJ perlu mempertingkatkan lagi pengurusan emolumen dengan mewujudkan sistem kawalan dalaman yang berkesan, memberi latihan yang bersesuaian, pematuhan kepada pekeliling dan peraturan kewangan serta pemantauan yang berterusan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

3. PENGURUSAN PERUMAHAN RAKYAT

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Kerajaan Negeri Perak melaksanakan Rancangan Perumahan Awam (RPA) bertujuan untuk menyediakan rumah kediaman yang selesa, berkualiti dan mencukupi kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Mulai tahun 1959 hingga 2001, sebanyak 150 projek RPA dilaksanakan di Negeri Perak dengan kos berjumlah RM132 juta. Di bawah RPA, sebanyak 13,191 unit rumah telah dibina dan dijual secara sewa beli melalui pinjaman Kerajaan selama 25 hingga 27 tahun. Mulai tahun 2004, Kerajaan Negeri Perak memutuskan untuk menjual terus rumah RPA kepada pembeli yang layak dengan harga bagi lot seragam tidak melebihi RM35,000. Manakala Program Perumahan Rakyat Disewa (PPR) pula dilaksanakan dengan cara menyewakan rumah kepada golongan berpendapatan rendah dan setinggan. Keutamaan diberi kepada pemohon yang telah berkahwin, orang kurang upaya dan ibu tunggal. Sebanyak 12 projek PPR Disewa telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM65.54 juta. Di bawah program ini, sebanyak 2,285 unit rumah dibina melalui pembiayaan Jabatan Perumahan Negara dan Yayasan Perumahan Untuk Rakyat Termiskin.

3.1.2. Bahagian Perumahan Awam (BPA), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SUK) diberi tanggungjawab merancang dan melaksanakan PPR di Negeri Perak. Pada tahun 1999, Sistem Pendaftaran Terbuka telah digunapakai untuk mendaftar permohonan bakal pembeli di bawah PPR. Pada tahun 2005, Sistem Perumahan Awam Perak (SPAP) digunakan untuk merekodkan data kutipan dan tunggakan rumah sewa beli RPA di Negeri Perak. Manakala pada tahun 2008 pula, satu lagi sistem iaitu Sistem e-Sewa digunakan untuk merekodkan data kutipan dan tunggakan rumah sewa PPR. Sehingga akhir tahun 2010, tunggakan sewa beli RPA dan sewaan PPR masing-masing berjumlah RM16.91 juta dan RM0.75 juta.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perumahan rakyat dilaksanakan dengan teratur dan cekap serta mencapai matlamatnya.

3.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aktiviti pengurusan perumahan rakyat bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan di BPA, SUK dan di Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Tapah, Slim River, Kuala Kangsar dan Sungai Siput termasuk 40 projek perumahan rakyat yang dipilih di Daerah Batang Padang dan Kuala Kangsar. Semakan dibuat terhadap fail,

rekod kewangan, laporan kemajuan, minit mesyuarat dan rekod lain yang berkaitan. Analisis dijalankan terhadap data kutipan sewa beli dan sewaan menggunakan perisian *Audit Command Language (ACL)*. Borang soal selidik diedarkan kepada pemilik/penyewa rumah untuk mendapatkan maklum balas mengenai PPR. Temu bual dengan pegawai dan kakitangan terlibat serta lawatan Audit ke lokasi projek yang dipilih turut dijalankan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan perumahan rakyat untuk menyediakan rumah kediaman yang selesa dan berkualiti telah dapat membantu golongan yang berpendapatan rendah. Program ini mendapat sambutan yang baik daripada orang awam. Bagaimanapun, dari aspek pengurusan PPR adalah tidak memuaskan kerana beberapa kelemahan seperti kelewatan pindah milik kepada penyewa beli yang telah selesai membuat bayaran harga rumah mengakibatkan hasil cukai tanah tidak dapat dikutip, tindakan tidak diambil terhadap penyewa beli atau penyewa yang melanggar syarat perjanjian, berlaku vandalisme di kawasan PPR Disewa dan kelemahan penguatkuasaan perjanjian. Selain itu, terdapat juga kelemahan dari segi integriti data SPAP dan Sistem e-Sewa, kelemahan pengurusan kutipan hasil dan wang deposit serta rekod kewangan yang tidak lengkap dan kemas kini. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

3.4.1. Pengurusan Perumahan Rakyat

3.4.1.1. Tiada Pemantauan Terhadap Rumah Yang Ditarik Balik

- a. Rumah penyewa beli yang gagal menjelaskan bayaran ansuran bulanan akan ditarik balik oleh BPA. Rumah kosong ini akan ditawarkan semula untuk dijual atau disewa kepada golongan berpendapatan rendah termasuk setinggan. Bagi rumah yang mengalami kerosakan, pihak BPA akan membuat kerja pembaikan asas sebaik pembeli atau penyewa dikenal pasti. Penjualan rumah kosong akan dihebahkan di Laman Sesawang atau Portal BPA dan PDT yang berkenaan. Tawaran semula rumah yang dibuat bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Tawaran Semula Rumah Yang Ditarik Balik

Tahun	Bilangan				
	Tawaran Semula	Selesai Bayaran	Tolak Tawaran	Rumah Disewa	Dalam Proses
2008	79	36	38	1	4
2009	121	85	0	0	36
2010	149	106	0	25	18
Jumlah	349	227	38	26	58

Sumber: Bahagian Perumahan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

- b. Semakan Audit mendapati, daripada 349 rumah yang ditarik balik dan ditawarkan semula bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, sebanyak 227 pembeli telah menyelesaikan bayaran, 38 tawaran ditolak, 26 rumah disewakan dan 58 masih dalam proses tawaran. Antara sebab tawaran semula ditolak adalah kerana pemohon tidak berjaya

memperoleh pinjaman bank. Manakala bagi kes yang lain adalah dalam proses permohonan pinjaman bank atau menunggu kelulusan pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

- c. Setakat akhir bulan Ogos 2010, sebanyak 10 unit rumah di RPA Lasah di Daerah Kuala Kangsar dan seunit rumah di RPA Air Kuning II di Daerah Batang Padang telah ditarik balik kerana penyewa beli tidak menjelaskan bayaran mengikut tempoh ditetapkan. Harga jualan seunit rumah RPA Lasah dan RPA Air Kuning II masing-masing berjumlah RM16,610 dan RM20,016. Lawatan Audit bersama dengan pegawai BPA pada pertengahan bulan Oktober 2010 mendapati perkara berikut:

i. Rumah Kosong Dipenuhi Semak Samun/Tidak Terurus

Rumah kosong untuk dijual di RPA Lasah dipenuhi semak samun manakala RPA Air Kuning II berada dalam keadaan tidak terurus seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**. Mengikut maklum balas BPA, rumah yang dijual akan dibersihkan daripada semak samun dan diperbaiki secara asas selepas bayaran harga rumah diselesaikan dan hak milik telah dipindahkan kepada pembeli. Rumah No. H3, RPA Lasah telah dijual dan pembeli telah menyelesaikan bayaran pada pertengahan bulan Disember 2010. Bagi rumah No. 82, RPA Air Kuning II, unit tersebut telah diiklankan sejak bulan Januari 2010 tetapi masih belum dijual disebabkan lokasi rumah berdekatan ladang kelapa sawit.

Gambar 3.1
Kawasan Rumah Dipenuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 20 Oktober 2010
Lokasi: No. H3, RPA Lasah

Gambar 3.2
Keadaan Dalam Rumah Yang Tidak Terurus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: No. 82, RPA Air Kuning II

ii. Rumah Ditarik Balik Disewakan Oleh Penyewa Beli

Sebuah rumah bernombor L5, di RPA Lasah yang telah ditarik balik oleh BPA didapati telah disewakan kepada orang lain oleh penyewa beli. Penyewa berkenaan memaklumkan bahawa beliau telah menyewa rumah tersebut lebih dari setahun dengan kadar sewa RM150 sebulan. Bagi sebuah rumah yang lain bernombor L3, adalah didapati rumah tersebut masih didiami oleh penyewa beli. Kerja pengubahsuaian telah dibuat dengan menukarkan pintu asal kepada pintu

yang baru. Rumah yang ditarik balik tetapi masih didiami oleh penyewa beli adalah seperti di **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4**. Mengikut maklum balas daripada BPA, penghuni rumah No. L5 telah ditawarkan untuk membeli rumah tersebut dan juga untuk disewa pada akhir bulan Disember 2010 sementara menunggu kelulusan pinjaman perumahan. Bagi rumah No. L3, surat tawaran telah dikeluarkan kepada pembeli baru pada pertengahan bulan Disember 2010 dan surat perjanjian jual beli telah ditandatangani pada akhir bulan Januari 2011.

Gambar 3.3
Rumah Ditarik Balik Diberi Sewa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 20 Oktober 2010
Lokasi: No. L5, RPA Lasah

Gambar 3.4
Rumah Didiami Oleh Pekerja Penyewa Beli



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 20 Oktober 2010
Lokasi: No. L3, RPA Lasah

iii. Rumah Telah Diduduki Sebelum Proses Tawaran Semula Selesai

Rumah bernombor M5 dan J10 di RPA Lasah telah didiami oleh bakal pemilik sebelum proses tawaran semula selesai. Surat tawaran semula telah dikeluarkan kepada bakal pemilik rumah nombor M5 pada pertengahan bulan Mei 2010. Bakal pemilik rumah memaklumkan bahawa beliau telah menyewa rumah tersebut terlebih dahulu daripada penyewa beli asal sebelum mengetahui rumah tersebut ditarik balik oleh BPA. Tidak ada sewa bulanan dikutip daripada bakal pemilik sementara menunggu proses tawaran semula selesai. Bagi rumah bernombor J10, surat tawaran semula telah dikeluarkan kepada bakal pemilik pada pertengahan bulan Oktober 2010 dan tidak ada bukti menunjukkan hasil sewa dikutip daripada bakal pemilik. Berdasarkan maklum balas daripada BPA, penghuni rumah No. M5 telah ditawarkan untuk membeli rumah berkenaan pada pertengahan bulan Mei 2010 dan rumah tersebut disewakan mulai bulan Jun 2010 melalui surat bertarikh 27 Disember 2010. Bagi rumah No. J10, penghuni telah ditawarkan untuk menyewa mulai bulan November 2010.

Pada pendapat Audit, pengurusan tawaran semula perumahan rakyat adalah tidak memuaskan kerana tidak ada pemantauan berkesan terhadap rumah yang ditarik balik.

3.4.1.2. Pengurusan Rumah Yang Telah Selesai Bayaran

Bahagian Perumahan Awam akan memproses urusan pindah milik selepas menerima surat pengesahan penyelesaian bayaran harga rumah daripada PDT. Selepas bayaran dijelaskan, surat hak milik dan borang-borang yang berkaitan akan diserahkan kepada penyewa beli untuk urusan pendaftaran pindah milik di PDT yang berkenaan. Semakan Audit di 4 PDT yang dipilih mendapati:

a. Kelewatan Pindah Milik Kepada Penyewa Beli

- i. Urusan pindah milik lewat dilaksanakan. Antara sebabnya adalah surat pengesahan penyelesaian bayaran harga rumah lewat atau tidak dihantar kepada BPA, penyewa beli tidak menjelaskan bayaran proses pindah milik, penyewa beli meninggal dunia, kes bicara kuasa dan tiada tindakan susulan diambil oleh BPA. Berdasarkan kepada rekod yang dikemukakan, setakat akhir bulan Ogos 2010 sebanyak 280 hak milik masih belum dipindah milik kepada penyewa beli yang telah menyelesaikan bayaran harga rumah. Sebanyak 38 penyewa beli menyelesaikan bayaran pada tahun semasa dan sebanyak 242 penyewa beli menyelesaikan bayaran harga rumah antara 1 hingga 31 tahun seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Kelewatan Pindah Milik Kepada Penyewa Beli Yang Telah Selesai Bayaran Harga Rumah

Bil.	Nama Pejabat	Bil. RPA	Bil Penyewa Beli	Selesai Pada Tahun Semasa	Selesai Tahun Sebelum 2010	Tempoh Kelewatan (Tahun)
1.	PDT Kuala Kangsar	14	132	4	128	1 hingga 30
2.	PDT Sungai Siput	4	48	15	33	1 hingga 16
3.	PDT Tapah	11	60	19	41	1 hingga 31
4.	PDT Slim River	7	40	0	40	3 hingga 14
Jumlah		36	280	38	242	

Sumber: Pejabat Daerah

- ii. Mengikut maklum balas daripada BPA, sebanyak 48 hak milik telah dituntut oleh penyewa beli atau waris, 89 hak milik telah dikeluarkan Notis Pengeluaran Hak Milik tetapi penyewa beli gagal tuntutan hak milik, 28 hak milik dalam proses bicara kuasa, satu hak milik dalam proses tukar milik, 21 hak milik dalam proses penyediaan Borang 14A dan 93 hak milik tidak ada pengesahan selesai bayaran daripada PDT berkenaan. PDT Kuala Kangsar telah merujuk kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendapatkan status dan alamat terkini penyewa beli yang telah menyelesaikan bayaran harga rumah pada bulan Januari 2011 dan surat perakuan telah dihantar kepada BPA untuk tindakan selanjutnya pada akhir bulan Januari 2011.

b. Kehilangan Hasil Cukai Tanah

- i. Cukai tanah merupakan bayaran tahunan yang kena dibayar bagi tanah milik kepada Kerajaan Negeri mengikut undang-undang. Semakan Audit mendapati hasil cukai tanah tidak dapat dikutip kerana kelewatan urusan pindah milik kepada penyewa beli yang telah menyelesaikan bayaran harga rumah. Setakat

akhir bulan Ogos 2010, anggaran hasil cukai tanah tidak dapat dikutip daripada 242 pemilik adalah berjumlah RM101,066 seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Anggaran Hasil Cukai Tanah Yang Tidak Dapat Dikutip

Bil.	Nama Pejabat	Bil. RPA	Bil. Penyewa Beli	Tempoh Hasil Tidak Dikutip (Tahun)	Anggaran Hasil Cukai Tanah Tidak Dikutip (RM)
1.	PDT Kuala Kangsar	14	128	1 hingga 30	49,129
2.	PDT Sungai Siput	4	33	1 hingga 16	11,984
3.	PDT Tapah	11	41	1 hingga 31	18,090
4.	PDT Slim River	7	40	3 hingga 14	21,863
Jumlah		36	242		101,066

Sumber: Pejabat Daerah

- ii. Pihak BPA akur kesan kelewatan pindah milik bagi penyewa beli yang telah menyelesaikan bayaran harga rumah membawa implikasi terhadap pengurangan kutipan hasil cukai tanah. Justeru itu, pengeluaran hak milik dipantau setiap bulan dan diambil tindakan termasuk melalui penghantaran surat peringatan supaya pembeli menuntut hak milik dan mengesan waris sekiranya pembeli telah meninggal dunia serta dijadikan antara Sasaran Kerja Tahunan utama BPA.

Pada pendapat Audit, pengurusan kes yang telah selesai bayaran adalah tidak memuaskan kerana kelewatan pindah milik kepada penyewa beli mengakibatkan kehilangan hasil cukai tanah Kerajaan.

3.4.2. Pengurusan Program Perumahan Rakyat Disewa

Kadar sewa bulanan satu unit rumah kediaman adalah antara RM40 hingga RM124. Manakala kadar sewa bulanan untuk rumah kedai adalah RM200. Antara syarat kelayakan bagi memohon rumah sewa adalah warganegara Malaysia, berumur 21 tahun ke atas, telah berkeluarga dan belum miliki rumah dan pendapatan isi rumah kurang RM1,500 sebulan. Pemohon yang berjaya akan menandatangani surat perjanjian sewa dengan Kerajaan Negeri mengikut syarat-syarat yang ditetapkan untuk menjaga kepentingan Kerajaan dan kesejahteraan serta keselamatan penduduk. Lawatan Audit bersama dengan pegawai BPA ke PPR di Daerah Batang Padang pada pertengahan bulan Oktober 2010 mendapati perkara berikut:

3.4.2.1. Penyewa Berjaya Di Kawasan Rancangan Perumahan

Seksyen 6.01(a) dalam perjanjian melarang penyewa berjaya di mana-mana juga tempat dalam kawasan rancangan perumahan. Setiap rumah pangsa yang dibina disediakan 2 buah kedai untuk disewa pada kadar RM200 seunit. Semakan terhadap senarai terimaan bagi bulan Ogos 2010 di PDT Tapah mendapati kesemua kedai telah disewakan. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit didapati kedai tersebut tidak beroperasi malah terdapat penyewa rumah kediaman menjalankan perniagaan runcit dan minuman seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**. Mengikut maklum balas daripada BPA, surat larangan berniaga dalam kawasan rumah pangsa pernah dikeluarkan. Bagaimanapun, tindakan yang lebih tegas belum diambil memandangkan 4 jawatan penguat kuasa belum diisi.

Gambar 3.5
Penyewa Berjaja Di Hadapan Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: A-1-10, Taman Sri Bidor

Gambar 3.6
Rumah Penyewa Dijadikan Kedai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: A-B-12, Taman Sri Gemilang

3.4.2.2. Barangan Diletak Di Kaki Lima Menghalang Lalu Lintas

Seksyen 6.01(b) melarang penyewa meletakkan apa-apa juga benda di kaki lima, di tangga atau di mana-mana tempat yang disediakan untuk kegunaan bersama dengan penyewa lain di kawasan rancangan perumahan tersebut. Hasil lawatan Audit mendapati penyewa menjadikan ruangan kaki lima sebagai ruang tamu dan meletakkan barangan yang tidak digunakan di kaki lima seperti di **Gambar 3.7** hingga **Gambar 3.10**.

Gambar 3.7
Kaki Lima Diguna Sebagai Ruang Tamu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: Taman Sri Bidor

Gambar 3.8
Peralatan Elektrik Rosak Di Kaki Lima



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: Taman Sri Bidor

Gambar 3.9
Kusyen Lama Dan Peti Sejuk Rosak
Di Kaki Lima



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: Taman Sri Bidor

Gambar 3.10
Kerusi Dan Sofa Lama
Di Kaki Lima



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: Taman Sri Gemilang

3.4.2.3. Ampaian Tidak Disediakan

Seksyen 6.01(d) dalam perjanjian menyatakan penyewa dilarang menjemur kain selain dari tempat yang disediakan. Lawatan Audit ke Taman Sri Gemilang dan Taman Sri Bidor mendapati kemudahan ampaian tidak disediakan. Penyewa membeli ampaian sendiri dan diletakkan di koridor yang mana menghalang laluan pejalan kaki atau menggantung pakaian di paip saluran air seperti di **Gambar 3.11** dan **Gambar 3.12**. Mengikut maklum balas daripada BPA, semasa pembinaan PPR, ampaian menjemur kain baju tidak dimasukkan dalam spesifikasi kerja. Ampaian akan disediakan dalam tahun 2011 sekiranya terdapat peruntukan kewangan yang mencukupi.

Gambar 3.11
Ampaian Diletakkan Di Tepi Tangga



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: Taman Sri Gemilang

Gambar 3.12
Pakaian Digantung Di Paip Saluran Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: Taman Sri Bidor

3.4.2.4. Rumah Sewa Telah Diubahsuai

Seksyen 6.01(j) menetapkan bahawa penyewa adalah dilarang menambah atau menukar bentuk binaan rumah sama ada di luar atau di bahagian dalamnya. Lawatan Audit ke Taman Desa Idaman mendapati penyewa telah mengubahsuai rumah dan dipasang dengan jeriji besi seperti di **Gambar 3.13** dan **Gambar 3.14**.

Gambar 3.13
Binaan Asal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: No 71, Taman Desa Idaman

Gambar 3.14
Rumah Sewa Telah Diubahsuai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: No 70, Taman Desa Idaman

3.4.2.5. Parkir Motosikal Tidak Digunakan Dengan Sepenuhnya

Parkir motosikal ada disediakan di Taman Sri Gemilang di ruangan tengah antara Blok A dan Blok B. Lawatan Audit mendapati parkir tersebut tidak digunakan dengan sepenuhnya. Adalah didapati motosikal diletakkan di bahagian *basement* menyebabkan laluan pejalan kaki terhalang. Parkir motosikal yang disediakan dan motosikal yang menghalang lalu lintas adalah seperti di **Gambar 3.15** dan **Gambar 3.16**. Mengikut maklum balas daripada BPA, besi penghalang ada dibuat bagi mencegah penyewa meletakkan kenderaan di *basement*. Perkara ini selalu diberi peringatan semasa sesi dialog bersama penduduk tetapi masih tidak dihiraukan. Penguatkuasaan yang lebih kerap tidak boleh dijalankan berikutan jumlah kakitangan yang terhad dan tiada penguat kuasa.

Gambar 3.15
Parkir Motosikal Yang Disediakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: Taman Sri Gemilang

Gambar 3.16
Ruang Pejalan Kaki Terhalang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: Taman Sri Gemilang

3.4.2.6. Vandalisme

Kemudahan awam yang disediakan di kawasan rancangan perumahan adalah untuk kegunaan bersama. Kemudahan ini perlu dijaga supaya dapat memberi manfaat kepada semua penyewa. Lawatan Audit mendapati dinding di kawasan perumahan diconteng, kemudahan awam seperti telefon tidak dapat digunakan dan pintu kedai di pecah seperti di **Gambar 3.17** dan **Gambar 3.18**. Pihak BPA memaklumkan bahawa perkara ini dibangkitkan dalam sesi dialog bersama penyewa dan disebabkan kekurangan kakitangan, pengerusi persatuan penduduk diberi tanggungjawab untuk membantu mencegah vandalisme di kawasan rumah pangsa. Kerjasama dari pihak polis juga telah dipohon bagi mengadakan rondaan untuk mencegah sebarang perlakuan jenayah dan vandalisme.

Gambar 3.17
Telefon Awam Tiada Ganggang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: Taman Sri Bidor

Gambar 3.18
Pintu Kedai Dipecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: Taman Sri Gemilang

Pada pendapat Audit, pengurusan penguatkuasaan adalah tidak memuaskan kerana tidak ada tindakan diambil terhadap penyewa yang melanggar syarat-syarat perjanjian dan vandalisme berlaku di kawasan PPR.

3.4.3. Analisis Data Terhadap Sistem Berkomputer

Pada 10 November 2010, pihak Audit telah memuat turun data SPAP dan Sistem e-Sewa di BPA. Analisis data dibuat dengan menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) untuk menguji integriti data dalam aspek ketepatan, kesahihan dan kesempurnaan data. Hasil analisis adalah seperti berikut:

3.4.3.1. Analisis Data SPAP

- a. Hasil analisis data terhadap 5,565 penyewa beli di seluruh Negeri Perak mendapati:
 - i. Empat belas pemilik mempunyai 2 akaun seperti berikut:
 - Akaun bagi 12 pemilik wujud 2 kali. Bayaran ansuran bagi 10 pemilik dikunci masuk dalam satu akaun manakala bayaran ansuran bagi 2 pemilik lagi telah dikunci masuk dalam kedua-dua akaun. Perkara ini mengakibatkan akaun pemilik tersebut tidak tepat.
 - Dua akaun mempunyai nombor kad pengenalan yang sama tetapi nama pemilik yang berbeza.
 - ii. Maklumat pemilik seperti nombor kad pengenalan, harga rumah dan tempoh bayaran tidak tepat kerana kesilapan berlaku semasa data dikunci masuk.
 - iii. Semakan secara rambang terhadap lejar bagi 24 akaun mendapati jumlah belum dijelaskan dan baki yang tercatat dalam lejar adalah berbeza dengan maklumat yang diperoleh melalui analisis Audit.
- b. Mengikut maklum balas daripada BPA, pemilik menggunakan alamat dan nombor kad pengenalan yang berbeza semasa permohonan dibuat dan beliau tidak didaftarkan dalam Sistem Pendaftaran Terbuka semasa mendapat tawaran rumah No. 52, RPA Selinsing II pada tahun 1988. Pembetulan dan pembersihan data telah dibuat oleh BPA dan pembetulan terhadap struktur sistem sedang dijalankan oleh vendor yang dilantik.

3.4.3.2. Analisis Data e-Sewa

- a. Hasil analisis terhadap 2,975 rekod penyewa dalam sistem mendapati kelulusan penyewaan tidak mengikut kriteria yang ditetapkan seperti berikut:
 - i. Sebanyak 11 penyewa mempunyai pendapatan seisi rumah melebihi RM1,500.
 - ii. Sebanyak 7 penyewa mencatatkan taraf perkahwinan sebagai bujang.
 - iii. Sebanyak 23 buah rumah di RPA Kampong Maamor telah disewakan kepada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP). Surat perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan PPPNP telah ditandatangani pada awal bulan November 2008 dan akan berakhir pada 31 Oktober 2012 dengan kadar bayaran bulanan sejumlah RM124 sebuah. Rumah tersebut disewakan kepada peserta

atau kakitangan PPPNP yang bekerja untuk projek di Skim Mempelam di Sungai Galah.

- iv. Maklumat penyewa tidak tepat dan tidak diisi dengan lengkap.
- b. Mengikut maklum balas daripada BPA, sewaan diluluskan kepada pemohon yang tidak mematuhi syarat-syarat sewaan antaranya pemohon adalah ibu tunggal, warga emas, penempatan setinggian sementara atas arahan pihak pengurusan yang bertanggungjawab. Sebanyak 23 buah rumah disewakan kepada PPPNP atas sebab rumah tersebut telah terbiar kosong lama dan mengalami kerosakan serius. Bagi mengelakkan Kerajaan Negeri mengalami kerugian akibat vandalisme, rumah tersebut disewakan kepada PPPNP. Tindakan pembetulan data dan mengemaskinikan maklumat telah diambil oleh BPA.

Pada pendapat Audit, pengurusan data dalam SPAP dan Sistem e-Sewa adalah tidak memuaskan kerana terdapat kelemahan dalam ketepatan, kesahihan dan kesempurnaan data yang digunakan.

3.4.4. Pengurusan Kutipan Hasil Sewa Beli/Sewa

Projek Perumahan Rakyat dibangunkan oleh Kerajaan Negeri untuk golongan berpendapatan rendah dengan menggunakan konsep sewa beli. Penyewa beli dikehendaki membayar ansuran bulanan sehingga tamat tempoh perjanjian sewa beli. Pembayaran ansuran bulanan boleh dibuat di BPA atau di PDT. Bahagian Perumahan Awam bertanggungjawab memantau prestasi kutipan ansuran bulanan sewa beli di Negeri Perak.

3.4.4.1. Sasaran Kutipan Hasil Sewa Beli Terlalu Rendah

- a. Bahagian Perumahan Awam menyediakan sasaran kerja tahunan bagi kutipan hasil sewa beli. Bagi kutipan hasil semasa, BPA menetapkan 40% - 50% daripada jumlah yang patut dikutip dan 15% bagi kutipan tunggakan. Tawaran semula disasarkan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah masing-masing sebanyak 50 unit dan 80 unit rumah dengan harga jualan seunit RM20,000. Prestasi kutipan bayaran ansuran sewa beli berbanding dengan sasaran tahunan bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Prestasi Kutipan Bayaran Ansuran Sewa Beli

Tahun	Jenis Hasil	Jumlah Patut Dikutip (RM Juta)	Sasaran		Pencapaian	
			(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
2008	Semasa	6.72	2.69	40	2.30	85.5
	Tunggakan	26.74	4.01	15	3.49	87.0
	Sekali Gus/Tawaran Semula	4.00	3.00	75	2.71	90.3
Jumlah		37.46	9.70		8.50	87.6
2009	Semasa	6.51	2.60	40	2.23	85.8
	Tunggakan	27.12	4.07	15	4.53	111.
	Sekali Gus	-	2.33	-	2.31	99.1
	Tawaran Semula	2.26	1.00	-	1.64	164.
Jumlah		35.89	10.00		10.71	107.1
2010	Semasa	5.16	2.58	50	1.77	68.6
	Tunggakan	22.81	3.42	15	3.34	97.7
	Sekali Gus	-	2.40	-	2.34	97.5
	Tawaran Semula	2.30	1.60	-	2.10	131.
Jumlah		30.27	10.00		9.55	95.5

Sumber: Bahagian Perumahan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

- b. Pihak BPA memaklumkan bahawa sasaran tahunan hasil sewa beli ditetapkan berdasarkan kepada pencapaian hasil pada tahun-tahun sebelumnya. Sasaran yang terlalu tinggi sukar dicapai disebabkan kekurangan pegawai dan kakitangan yang terlibat di Unit Penguatkuasaan.

3.4.4.2. Pengurusan Kutipan Sewa Tidak Memuaskan

Pihak BPA menetapkan sasaran tahunan kutipan hasil sewa antara 20% hingga 70% daripada jumlah yang patut dikutip. Prestasi kutipan sewa bagi tempoh tahun 2008 sehingga 2010 adalah seperti di **Jadual 3.5**. Semakan Audit mendapati jadual kutipan luar ada disediakan di PDT Tapah untuk memungut sewa bulanan PPR disewa. Bagaimanapun, prestasi kutipan adalah tidak memuaskan. Sasaran kutipan yang ditetapkan oleh BPA adalah rendah berbanding dengan jumlah yang sepatutnya dikutip. Pencapaian kutipan hasil sewa semasa dan tunggakan berbanding dengan jumlah patut dikutip bagi tahun 2010 masing-masing berjumlah 64.2% dan 31.9%.

Jadual 3.5
Prestasi Kutipan Sewa

Tahun	Jenis Hasil	Jumlah Patut Dikutip (RM Juta)	Sasaran		Pencapaian	
			(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
2008	Semasa	1.84	1.10	60	1.00	90.9
	Tunggakan	1.57	0.31	20	0.50	161.3
Jumlah		3.41	1.41		1.50	106.4
2009	Semasa	1.97	1.18	60	1.21	102.5
	Tunggakan	1.98	0.59	30	0.59	100.0
Jumlah		3.95	1.77		1.80	101.7
2010	Semasa	2.54	1.78	70	1.63	91.6
	Tunggakan	2.32	0.70	30	0.74	105.7
Jumlah		4.86	2.48		2.37	95.6

Sumber: Bahagian Perumahan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan bayaran ansuran sewa beli/sewa adalah tidak memuaskan kerana pencapaian kutipan hasil semasa dan tunggakan berbanding dengan jumlah patut dikutip bagi tahun 2010 masing-masing adalah terlalu rendah.

3.4.4.3. RPA Yang Telah Tamat Tempoh Perjanjian

- a. Sebanyak 40 RPA dibina di Daerah Kuala Kangsar dan Batang Padang sejak tahun 1962. Mengikut surat perjanjian yang ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan penyewa beli, setakat akhir bulan Ogos 2010 sebanyak 34 RPA telah tamat tempoh perjanjian dan 6 RPA masih dalam tempoh perjanjian seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Status Tempoh Perjanjian RPA

Bil.	Daerah	Pejabat Pemungut	Bil. RPA	Unit Rumah	Bil. RPA Telah Tamat Tempoh Perjanjian	Bil. RPA Dalam Tempoh Perjanjian
1.	Kuala Kangsar	PDT Kuala Kangsar	14	1,225	12	2
2.	Kuala Kangsar	PDT Sungai Siput	6	806	5	1
3.	Batang Padang	PDT Tapah	13	935	10	3
4.	Batang Padang	PDT Slim River	5	304	5	0
5.	Batang Padang	MD Tanjong Malim	2	150	2	0
Jumlah			40	3,420	34	6

Sumber: Bahagian Perumahan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Nota: MD –Majlis Daerah

- b. Semakan Audit mendapati, setakat akhir bulan Ogos 2010 sebanyak 321 hak milik bagi 32 RPA yang telah tamat tempoh perjanjian antara tahun 1976 hingga 2009 masih disimpan di BPA. Sebanyak 16 daripada 32 RPA tersebut telah selesai bayaran sepenuhnya. Semakan lanjut di PDT mendapati sebanyak 236 daripada 321 penyewa beli telah menyelesaikan bayaran harga rumah tetapi urusan pindah milik tidak dilakukan. Bagi RPA Tanjong Malim I dan Tanjong Malim II, kutipan bayaran ansuran diuruskan oleh Majlis Daerah Tanjong Malim dan urusan pindah milik dibuat di PDT Slim River. Status bayaran ansuran bagi RPA yang telah tamat tempoh perjanjian adalah seperti di **Jadual 3.7**. Bagi kes yang masih belum menyelesaikan bayaran ansuran dan mempunyai tunggakan yang tinggi, tindakan yang diambil oleh pihak BPA adalah mengeluarkan notis keluar serta mengambil balik rumah berkenaan.

Jadual 3.7
Status Bayaran Balik Ansuran Bagi RPA Yang Telah Tamat Tempoh Perjanjian

Bil.	Pejabat Pemungut	Bil. RPA	Tahun Tamat Perjanjian	Bil. Hak Milik Di BPA	Bil. Telah Selesai Bayaran	Baki Belum Selesai	Bil. Tiada Maklumat
1.	PDT Kuala Kangsar	12	1984 hingga 2009	153	120	32*	1
2.	PDT Sungai Siput	5	1976 hingga 2009	88	44	32**	12
3.	PDT Tapah	8	1978 hingga 2006	36	32	4	0
4.	PDT Slim River	5	1987 hingga 2006	35	31	4***	0
5.	MD Tanjong Malim	2	1985 dan 1996	9	9	0	0
Jumlah		32		321	236	72	13

Sumber: Bahagian Perumahan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah.

Nota: * 9 unit tempoh bayaran dilanjutkan sehingga tahun 2019-2022.

** 2 unit tempoh bayaran dilanjutkan sehingga tahun 2011-2014 dan 5 unit disewa.

*** 4 unit tempoh bayaran dilanjutkan sehingga tahun 2020-2022.

c. Mengikut maklum balas daripada BPA, sebanyak 27 hak milik telah dikeluarkan kepada penyewa beli, Borang 14A bagi 80 hak milik telah disediakan tetapi tidak dituntut oleh penyewa beli, 22 hak milik dalam proses bicara kuasa, 18 hak milik dalam proses penyediaan Borang 14A dan 89 hak milik tidak ada pengesahan daripada PDT berkenaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan RPA yang telah tamat tempoh perjanjian adalah tidak memuaskan kerana kelewatan memproses kes yang telah menyelesaikan bayaran harga rumah mengakibatkan hasil cukai tanah tidak dapat dikutip.

3.4.4.4. Penyewa Beli Yang Mempunyai Tunggakan Tinggi

Lawatan Audit bersama pegawai BPA pada pertengahan bulan Oktober 2010 terhadap rumah yang mempunyai tunggakan melebihi RM10,000 mendapati perkara berikut:

a. Penyewa Beli Telah Meninggal Dunia

Penyewa beli rumah No. 126, RPA Air Kuning II telah meninggal dunia dan rumah diduduki oleh isterinya. Sehingga akhir bulan Ogos 2010, penyewa beli mempunyai tunggakan berjumlah RM20,440. Isteri penyewa beli menjelaskan beliau tidak mempunyai punca pendapatan untuk membayar tunggakan rumah tersebut. Penyewa beli telah diberikan Notis 14 Hari pada pertengahan bulan Julai 2009 dan Notis Menamatkan Perjanjian pada akhir bulan Ogos 2009. Tindakan selanjutnya tidak diambil oleh BPA. Berdasarkan kepada maklum balas daripada BPA, anak penyewa beli akan membuat bayaran ansuran bulanan dan beliau telah dinasihatkan membuat permohonan bicara kuasa bagi memudahkan urusan pindah milik nanti. Notis Arahan Mengosongkan Premis akan dikeluarkan sekiranya beliau gagal mematuhi kelulusan yang telah diberikan.

b. Penyewa Beli Mempunyai Tunggakan Sewa Tetapi Rumah Diubahsuai

i. Mengikut Seksyen 3(e) Perjanjian Pinjaman, penyewa beli tidak boleh menambah atau mengubahsuai premis itu dengan apa jua cara tanpa kebenaran bertulis daripada Kerajaan terlebih dahulu. Lawatan Audit ke RPA Air Kuning II dan RPA Chenderiang II mendapati perkara berikut:

• Rumah Bernombor 145, RPA Air Kuning II

Rumah tersebut telah diubahsuai dan dipasang dengan *sliding door* anti karat dan lantai dipasang dengan *tiles*. Bayaran akhir yang dibuat oleh penyewa beli adalah pada akhir bulan Oktober 2004. Pihak BPA telah mengeluarkan Notis 14 Hari pada pertengahan bulan Julai 2009 dan Notis Menamatkan Perjanjian pada akhir bulan Ogos 2009. Setakat akhir bulan Ogos 2010, tunggakan terkumpul adalah berjumlah RM13,530.

• Rumah Bernombor 35, RPA Chenderiang II

Setakat akhir bulan Ogos 2010, penyewa beli rumah tersebut mempunyai tunggakan berjumlah RM18,380. Kali terakhir penyewa beli membayar ansuran bulanan adalah pada awal bulan Oktober 2004. Pintu dan pagar rumah telah diubahsuai dan penyewa beli mampu melanggan perkhidmatan Astro. BPA

telah mengeluarkan Notis 14 Hari kepada penyewa beli tersebut pada pertengahan bulan Julai 2009.

- ii. Kedua-dua penyewa beli RPA di atas telah gagal menjelaskan tunggakan ansuran sewa beli. Tiada bukti menunjukkan tindakan susulan diambil terhadap penyewa beli berkenaan. Rumah yang telah diubahsuai adalah seperti di **Gambar 3.19** dan **Gambar 3.20**.

Gambar 3.19
Rumah Diubahsuai Dan Dipasang Dengan
Sliding Door Anti Karat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: No.145, RPA Air Kuning II

Gambar 3.20
Pintu Rumah Dan Pagar Diubahsuai Dan
Melanggan Perkhidmatan Astro



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 19 Oktober 2010
Lokasi: No. 35, RPA Chenderiang II

- iii. Mengikut maklum balas daripada BPA, anak penyewa beli rumah No. 145, RPA Air Kuning II belum menjelaskan bayaran sepenuhnya. Bagi penyewa beli rumah No. 35, RPA Chenderiang II, BPA telah mengeluarkan Notis Arahan Mengosongkan Premis pada awal bulan Disember 2010. Penyewa beli hanya menjelaskan separuh daripada bayaran tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan tunggakan adalah tidak memuaskan kerana BPA lewat mengambil tindakan terhadap penyewa beli yang ingkar menjelaskan tunggakan.

3.4.4.5. Penguatkuasaan Dan Pengeluaran Notis

Pihak BPA mengeluarkan notis mengikut RPA yang ditetapkan dan dikeluarkan kepada penyewa beli yang mempunyai tunggakan melebihi RM1,000. Bagi PPR Disewa, BPA mengeluarkan notis berpandukan kepada data yang diperolehi melalui Sistem e-Sewa di mana sistem akan memberi arahan mencetak notis untuk diedarkan. Proses pengeluaran notis adalah seperti berikut:

- Notis 14 Hari dikeluarkan sekiranya bayaran ansuran bulanan/sewa tidak dijelaskan dalam masa 14 hari selepas ianya patut atau kena bayar.
- Notis Menamatkan Perjanjian dikeluarkan selepas tamat tempoh Notis 14 Hari.

- Notis Mengosongkan Rumah akan dikeluarkan selepas tamat tempoh 30 hari Notis Menamatkan Perjanjian.
- Saman Tuntutan Tunggakan akan difailkan ke mahkamah sekiranya masih belum menerima bayaran.

a. Perumahan Rakyat Sewa Beli

Semakan Audit mendapati, pengeluaran notis dibuat berdasarkan kepada bilangan perumahan rakyat yang ditetapkan dalam SKT. Mulai tahun 2010, tindakan mahkamah hanya akan dikeluarkan atas arahan Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan BPA. Satu Daftar Notis diselenggara untuk merekodkan bilangan notis dikeluarkan bagi tujuan pemantauan. Notis yang dikeluarkan dalam tempoh tahun 2008 hingga bulan Julai 2010 melibatkan 21 projek perumahan rakyat di Daerah Kuala Kangsar dan Batang Padang adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Pengeluaran Notis Bagi Tahun 2008 Hingga Bulan Julai 2010

Tahun	Bil. Notis 14 Hari	Bil. Notis Menamatkan Perjanjian	Bil. Notis Mengosongkan Premis	Bil. Kes Mahkamah
2008	417	133	13	5
2009	193	184	88	6
2010	133	10	19	-
Jumlah	743	327	120	11

Sumber: Bahagian Perumahan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

i. Impak Pengeluaran Notis

Semakan secara rambang terhadap 100 penyewa beli yang dipilih mendapati perkara seperti berikut:

- Sebanyak 35 penyewa beli menyelesaikan tunggakan selepas menerima notis.
- Sebanyak 15 rumah telah ditarik balik dan ditawarkan semula kepada orang awam.
- Sebanyak 50 penyewa beli masih membuat bayaran ansuran bulanan.

ii. Kes Mahkamah

Tindakan saman mahkamah dikenakan sekiranya penyewa beli gagal menjelaskan bayaran selepas menerima Notis Menamatkan Perjanjian dan Notis Mengosongkan Rumah. Semakan Audit terhadap 11 kes mahkamah bagi tahun 2008 dan 2009 mendapati perkara berikut:

- Empat kes telah menyelesaikan bayaran dan hak milik telah dikeluarkan.
- Satu kes rumah ditarik balik dan tawaran semula telah dibuat.
- Enam kes penyewa beli tidak membayar tunggakan selepas tarikh penghakiman sehingga Jun 2010. BPA telah mengeluarkan Notis Mengosongkan Rumah kepada 4 defendan pada akhir bulan Julai 2010 dan kesemua penyewa beli masih dalam perbincangan dengan pihak BPA bagi menyelesaikan tunggakan tersebut. Mengikut maklum balas daripada BPA,

penyewa beli rumah RPA Chenderiang II telah menjelaskan bayaran harga rumah sepenuhnya. Bagi rumah di RPA Jalan Kenas, penyewa beli telah menyelesaikan bayaran pada akhir bulan November 2010.

Pada pendapat Audit, pengurusan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan supaya tindakan dapat diambil terhadap penyewa beli yang gagal menjelaskan bayaran.

b. Perumahan Rakyat Disewa

Semakan terhadap 100 fail individu yang dipilih mendapati bilangan notis yang telah dikeluarkan antara tahun 2008 sehingga Jun 2010 adalah seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Ringkasan Notis Yang Dikeluarkan Oleh Bahagian Perumahan Awam

Bil.	Nama PPR Disewa	Bil. Penyewa	Notis 14 Hari	Notis Tamat Perjanjian	Notis Kosongkan Rumah	Bil. Kes Mahkamah
1.	Taman Bernam Permai	28	45	25	9	2
2.	Taman Desa Idaman	23	37	39	11	0
3.	Taman Sri Bidor	32	68	38	12	0
4.	Taman Sri Gemilang	17	38	37	28	5
Jumlah		100	188	139	60	7

Sumber: Bahagian Perumahan Awam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

i. Kes Mahkamah

Saman tuntutan tunggakan akan difailkan di mahkamah sekiranya penyewa ingkar membuat bayaran setelah kesemua notis telah dikeluarkan. Semakan mendapati daftar fail mahkamah telah diselenggara bagi merekodkan saman tuntutan tunggakan yang telah difailkan di mahkamah. Sebanyak 7 kes telah difailkan di mahkamah dalam tempoh tahun 2008 sehingga Jun 2010. Satu kes tuntutan telah diluluskan bayaran ansuran, satu kes telah mengosongkan rumah dan 5 kes dalam proses penyitaan. Mengikut maklum balas daripada BPA, tindakan mahkamah akan diambil berdasarkan kesesuaian kes dan kelulusan Ketua Penolong Setiausaha BPA.

Pada pendapat Audit, pengurusan pengeluaran notis adalah tidak memuaskan kerana tiada tindakan susulan diambil untuk memastikan bayaran dibuat oleh penyewa selepas notis dikeluarkan.

3.4.5. Pengurusan Akaun Deposit

Deposit adalah wang yang diterima bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dipulangkan sebaik sahaja selesai maksudnya. Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 162, jika tiada sebab-sebab khas pada sebaliknya, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Jika deposit itu masih tidak dituntut dalam masa 3 bulan selepas pemberitahuan itu maka ia hendaklah dikredit kepada hasil. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Wang Deposit Tidak Dituntut

Semakan Audit terhadap senarai deposit yang dikemukakan mendapati wang deposit berjumlah RM100,902 tidak dituntut atau dibayar balik kepada penyewa beli yang telah menyelesaikan bayaran ansuran antara 1 hingga 29 tahun seperti di **Jadual 3.10**. Walaupun tidak dituntut begitu lama, tetapi tiada tindakan pewartaan diambil oleh pihak PDT berkenaan.

Jadual 3.10
Wang Deposit Tidak Dituntut/Dipulangkan Walaupun Bayaran Ansuran Telah Selesai

Wang Deposit Tidak Dituntut/Dipulangkan Walaupun Bayaran Ansaran Telah Selesai					
Bil.	Nama RPA	Senarai Baki Deposit Pada	Bil. Akaun Terlibat	Tempoh Telah Selesai Bayaran (Tahun)	Wang Deposit Tidak Dipulangkan (RM)
I	PDT Kuala				
1.	RPA Manong II	31.12.2009	8	2 hingga 9	2,007
2.	RPA Lubuk Merbau	31.12.2009	3	1 hingga 3	1,080
3.	RPA Karai	31.12.2009	3	3 hingga 7	747
4.	RPA Kuala	31.12.2009	12	9 hingga 20	2,349
5.	RPA Manong III	31.12.2009	15	1 hingga 8	4,653
6.	RPA Salak II	31.12.2009	12	1 hingga 10	3,921
7.	RPA Liman Kati	31.12.2009	6	1 hingga 8	2,166
8.	RPA Jalan Kenas	31.12.2009	34	1 hingga 10	10,848
Jumlah			93		27,771
II	PDT Sungai Siput				
1.	RPA Lasah	31.6.2010	54	1 hingga 7	16,728
2.	RPA Kampung	31.6.2010	42	8 hingga 19	8,537
3.	RPA Kampung	31.6.2010	44	10 hingga 29	7,306
Jumlah			140		32,571
III	PDT Tapah				
1.	RPA Tapah III	31.12.2009	28	4 hingga 11	5,910
2.	RPA Chenderiang	31.12.2009	2	3 hingga 6	726
3.	RPA Bidor II	31.12.2009	14	2 hingga 8	3,486
4.	RPA Bidor III	31.12.2009	13	1 hingga 12	4,755
5.	RPA Air Kuning II	31.12.2009	8	1 hingga 6	2,898
Jumlah			65		17,775
IV	PDT Slim River				
1.	RPA Slim River I	31.9.2010	14	9 hingga 21	3,467
2.	RPA Slim River II	31.9.2010	24	3 hingga 10	5,085
3.	RPA Slim Village	31.9.2010	18	3 hingga 8	3,789
4.	Rumah Kedai	31.9.2010	18	5 hingga 12	7,668
Jumlah			74		20,009
V	Majlis Daerah Tanjong Malim				
1.	RPA Tanjong	Baki deposit pada 31.12.2009 mengikut flimsi			2,776
Jumlah					2,776
Jumlah Besar (RM)					100,902

Sumber: Pejabat Daerah

b. Wang Deposit Tidak Dilaraskan Ke Hasil

Semakan Audit mendapati wang deposit berjumlah RM56,750 bagi rumah yang bertukar milik atau ditarik balik oleh BPA kerana penyewa beli gagal menjelaskan bayaran ansuran tidak dilaraskan ke hasil Kerajaan Negeri. Kegagalan memindah

wang deposit ke hasil mengakibatkan hasil Kerajaan Negeri kurang dinyatakan. Wang deposit tidak dilaraskan ke hasil adalah seperti di **Jadual 3.11**.

Jadual 3.11
Wang Deposit Tidak Dilaraskan Ke Hasil

Bil.	Nama RPA	Senarai Baki Deposit Pada	Bil. Akaun Terlibat	Wang Deposit Tidak Dilaraskan (RM)
I	PDT Kuala Kangsar			
1.	RPA Manong II	31.12.2009	2	498
2.	RPA Lubuk Merbau	31.12.2009	9	3,240
3.	RPA Karai	31.12.2009	1	249
4.	RPA Manong III	31.12.2009	18	5,586
5.	RPA Salak II	31.12.2009	12	3,897
6.	RPA Jalan Kenas	31.12.2009	27	8,622
7.	RPA Liman Kati	31.12.2009	17	6,120
Jumlah			86	28,212
II	PDT Sungai Siput			
1.	RPA Lasah	31.6.2010	36	11,142
2.	RPA Kampung Sentosa (SK II)	31.6.2010	2	407
3.	RPA Rimba Panjang	31.6.2010	4	1,884
Jumlah			42	13, 433
III	PDT Tapah			
1.	RPA Chenderiang II	31.12.2009	3	1,086
2.	RPA Bidor II	31.12.2009	6	2,205
3.	RPA Air Kuning II	31.12.2009	24	8,646
Jumlah			33	11,937
IV	PDT Slim River			
1.	RPA Slim Village	30.9.2010	7	1,488
2.	RPA Slim River II	30.9.2010	8	1,680
Jumlah			15	3,168
Jumlah Besar			176	56,750


Sumber: Pejabat Daerah

Pada pendapat Audit, pengurusan akaun deposit adalah tidak memuaskan kerana wang deposit tidak dipulangkan selepas mencapai tujuannya atau dilaraskan ke hasil untuk mengurangkan jumlah hasil yang tertunggak.

3.4.6. Impak Pelaksanaan Program Perumahan Rakyat

3.4.6.1. Bagi menilai pencapaian dan impak pelaksanaan program perumahan rakyat, borang soal selidik telah diedarkan untuk mendapat maklum balas daripada penduduk perumahan rakyat. Maklum balas digunakan untuk menilai sejauh mana Kerajaan dapat membantu golongan berpendapatan rendah menduduki rumah yang selesa, kepuasan perkhidmatan yang disampaikan dan sebagai input untuk program perumahan rakyat pada masa hadapan. Analisis terhadap maklum balas yang diterima daripada 80 responden adalah seperti di **Carta 3.1**.

Carta 3.1
Tahap Kepuasan Responden Terhadap Pelaksanaan Program Perumahan Rakyat



Sumber: Jabatan Audit Negara

3.4.6.2. Sebanyak 37 daripada 80 atau pun 46.3% responden berpendapat PPR yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah baik. Manakala 42 daripada 80 atau pun 52.5% responden menganggap pelaksanaan PPR adalah memuaskan dan seorang tidak berpuas hati dengan PPR yang dilaksanakan. Analisis menunjukkan responden kurang berpuas hati terhadap kualiti rumah yang dibina kerana sering kali berlaku masalah seperti dinding rumah retak dan nipis, lantai diresapi air, cat rumah luntur dan tandas tersumbat. Pintu rumah, cermin tingkap dan lampu rosak sebelum responden memasuki rumah. Masalah lain yang dihadapi oleh responden adalah kebersihan PPR disewa tidak dijaga, masalah kecurian dan kekurangan kemudahan awam seperti tempat letak kereta, tapak permainan kanak-kanak, telefon awam, lampu jalan dan perhentian bas. Responden mengemukakan cadangan untuk penambahbaikan rancangan yang dilaksanakan seperti rumah PPR disewa ditukar kepada sewa beli, pemantauan setiap masa dari segi kebersihan dan meminta PPR menubuhkan rukun tetangga serta menambah kemudahan asas.

Pada pendapat Audit, dasar pelaksanaan PPR bertujuan menyediakan rumah kediaman yang selesa dan berkualiti untuk rakyat yang berpendapatan rendah adalah baik. Bagaimanapun, pemantauan terhadap kualiti rumah yang dibina dan penguatkuasaan secara berterusan perlu dilaksanakan untuk menambah baik pengurusan PPR.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan perumahan rakyat, BPA perlu mengambil tindakan segera untuk mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Sehubungan itu, BPA adalah disyorkan mengambil langkah berikut untuk menambah baik pengurusan PPR:

3.5.1. Menyemak semula PPR yang telah tamat tempoh perjanjian untuk menentukan bilangan penyewa beli yang telah menyelesaikan bayaran harga rumah tetapi urusan pindah milik masih belum dilakukan. Tindakan susulan diambil terhadap kes yang telah dikenal pasti dan menghebahkan kepentingan penyewa beli menuntut hak milik daripada BPA.

- 3.5.2. Menambah baik sistem berkomputer yang sedang beroperasi dan membuat pembersihan data untuk memastikan data dalam sistem adalah tepat dan lengkap.
- 3.5.3. Meningkatkan penguatkuasaan dan mengurangkan tunggakan hasil.
- 3.5.4. Membayar balik wang deposit yang telah mencapai tujuannya atau dilaraskan ke hasil sekiranya pendeposit mempunyai tunggakan atau melanggar syarat perjanjian.

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

4. PENGURUSAN HUTAN PAYA LAUT DAN KEPENTINGANNYA TERHADAP ALAM SEKITAR

4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1. Hutan Paya Laut (HPL) adalah satu daripada jenis kawasan hutan yang terdapat di persisiran laut atau pantai, pulau dan kuala-kuala sungai. HPL mempunyai ciri-ciri ekologi yang unik dengan tanah yang berlumpur dan beberapa tumbuhan dapat hidup dalam keadaan banjir air masin pasang dan surut dari semasa ke semasa. Kedudukan HPL berdasarkan bentuk geografi adalah seperti di **Gambar 4.1**.

Gambar 4.1
Jenis Hutan Di Malaysia Berdasarkan Bentuk Geografi



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak

4.1.2. HPL yang terletak dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) di Negeri Perak adalah seluas 41,617 hektar iaitu 40,535 hektar atau 97.4% di Daerah Larut Matang dan bakinya 1,082 hektar atau 2.6% di Daerah Manjung. Manakala HPL yang terletak di kawasan Tanah Kerajaan (TK) adalah lebih kurang 1,885 hektar iaitu di sekitar Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Matang, Sitiawan, Manjung, Teluk Intan dan Bagan Datoh. HPL menjadi tempat tinggal pelbagai jenis hidupan liar, termasuk mamalia kecil, burung, reptilia, amfibia, ikan dan haiwan krustasia. Hutan ini berfungsi sebagai zon penampakan semulajadi (*buffer zone*) yang paling berkesan untuk menahan segala bentuk hakisan sama ada disebabkan oleh pergerakan air, ombak, arus, hujan ribut dan angin. Selain itu, hutan ini juga memainkan peranan penting bagi menjaga ekonomi dalam penghasilan kayu arang dan kayu jaras.

4.1.3. Kutipan hasil dan peruntukan aktiviti Hutan Simpan Kekal Paya Laut (HSKPL) bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.1** dan **Jadual 4.2**.

Jadual 4.1
Kutipan Royalti Dan Ses HPL Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2010

Jenis	Hasil Tahun 2008 (RM)		Hasil Tahun 2009 (RM)		Hasil Tahun 2010 (RM)	
	Royalti	Ses	Royalti	Ses	Royalti	Ses
Kayu Jaras	305,361	30,532	602,515	60,162	573,738	57,556
Kayu Api	73,162	7,312	131,453	13,037	141,163	14,121
Kayu Arang	487,263	93,787	955,220	93,787	1,002,584	100,257
Jumlah	865,786	131,631	1,689,188	166,986	1,717,485	171,934
Jumlah Setahun	997,417		1,856,174		1,889,419	
Jumlah Besar	4,743,010					

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Jadual 4.2
Peruntukan Bagi Projek Tanaman Persisir Pantai
Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2010

Jenis Peruntukan	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Persekutuan	530,000	480,000	399,000
Pembangunan Negeri	500,000	400,000	700,000
KWPH	1,035,000	2,298,020	2,000,000
Jumlah	2,065,000	3,178,020	3,099,000
Jumlah Besar	8,342,020		

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan HPL dilaksanakan secara cekap dan berkesan dengan mengambil kira kepentingannya kepada alam sekitar.

4.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan adalah tertumpu kepada pengurusan HPL di HSK dan TK bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan di Jabatan Perhutanan Negeri dan 3 Pejabat Daerah Dan Tanah di Daerah Larut Matang Selama, Hilir Perak dan Kerian. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dan dokumen berhubung dengan pengurusan hutan paya laut. Seterusnya lawatan tapak juga telah diadakan bagi meninjau keadaan persekitaran HPL. Temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai hutan/pengusaha/orang awam/Badan Bukan Kerajaan seperti Sahabat Alam Malaysia (SAM) serta mengedarkan borang soal selidik. Pihak Audit juga telah mendapatkan bantuan dan khidmat kepakaran Jabatan/Agensi lain seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perikanan, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Kimia dan pihak universiti tempatan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati Pengurusan Hutan Paya Laut adalah baik. Bagaimanapun, dari aspek perlindungan dan pemuliharaan HPL perlu diberi penekanan terutamanya di kawasan yang bersempadan dengan tanah milik, kawasan penempatan, zon penampungan persisiran pantai dan kawasan HPL Tanah Kerajaan. Kelemahan pemantauan serta koordinasi antara agensi bertanggungjawab mendedahkan kawasan ini kepada pencerobohan dan penggunaan tanah yang boleh mengancam kepelbagaian biologi dan kehilangan penyerap daya tindakan ombak yang boleh mempercepatkan lagi proses hakisan kawasan garisan pantai. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

4.4.1. Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut

Mengikut Seksyen 4(b) Akta Perhutanan Negara 1984, antara kewajipan Pengarah adalah menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri sebagai satu pelan induk pengurusan hutan di peringkat Negeri. Prosedur pengurusan dalam Kod Amalan Pengusahasilan HPL pula menyatakan Rancangan Kerja Hutan bagi tempoh 5 hingga 10 tahun dan Rancangan Kerja Hutan Tahunan hendaklah disediakan.

4.4.1.1. Rancangan Kerja Hutan Paya Laut

- a. Rancangan Kerja Hutan Paya Laut (RKH)/*Working Plan* merupakan satu pelan induk pengurusan sumber hutan disediakan untuk tempoh 10 tahun. Tempoh setiap satu pusingan RKH adalah 30 tahun. RKH pertama yang disediakan secara komprehensif diterbitkan pada tahun 1950 iaitu bagi tempoh tahun 1950 hingga 1959. RKH ketiga bagi giliran kedua (Tahun 2000 hingga 2009) telah diterbitkan pada tahun 2003. Sehingga tarikh auditan, RKH pertama giliran ketiga (Tahun 2010 hingga 2019) belum diterbitkan dan difahamkan masih di peringkat akhir semakan. Pemeriksaan Audit mendapati RKH sedia ada hanya tertumpu kepada pengurusan HSKPL Matang yang terletak di bawah pentadbiran hutan Daerah Larut Matang Selama. RKH ini tidak merangkumi HSKPL Tanjung Burung seluas 1,079 hektar kerana di bawah pentadbiran hutan Kinta/Manjung dan secara tradisinya sejak tahun 1950, pengurusan HSKPL hanya tertumpu di kawasan Matang sahaja. Bagi membolehkan sumber hutan di kawasan HSK Tanjung Burung diurus secara lebih berkesan, dicadangkan kawasan HSKPL Tanjung Burung diambil kira dalam penyediaan RKH Matang. Selain itu, pihak Audit mendapati RKH disediakan hanya bagi kawasan HSK sahaja tidak termasuk HPL di kawasan Tanah Kerajaan kerana di luar bidang kuasa Jabatan Perhutanan.
- b. Berdasarkan maklum balas, Jabatan akan membuat kajian kesesuaian untuk memasukkan kawasan HSKPL Tanjung Burung dalam Kajian Separuh Penggal RKH tahun 2010 hingga 2019. Bagi HPL di kawasan Tanah Kerajaan adalah di luar bidang kuasa Jabatan Perhutanan di samping ketidakpastian dari segi status pengekalan kawasan tersebut pada masa akan datang.

4.4.1.2. Rancangan Kerja Hutan Tahunan

Rancangan Kerja Hutan Tahunan (RKHT) merupakan satu pelan pelaksanaan yang perlu disediakan setiap tahun di peringkat Daerah. Semakan Audit mendapati RKHT bagi tahun 2008 dan 2009 telah disediakan merangkumi segala aktiviti Kup Arang Kayu (KAK) dan Kup Kayu Jaras (KKJ), manakala RHT tahun 2010 telah disediakan dan di peringkat akhir semakan. Sasaran RHT tahun 2008 bagi KAK iaitu seluas 800.4 hektar dan KKJ seluas 1,605.7 hektar manakala sasaran RHT tahun 2009 bagi KAK seluas 800.4 hektar dan KKJ seluas 1,530.9 hektar. Analisis Audit mendapati pelaksanaan di lapangan aktiviti pengusahaan yang dirancang tidak mengikut tempoh yang ditetapkan dalam RHT. Daripada 21 lesen usahasil pada tahun 2008 dan 2009 yang dipilih, didapati hanya 2 lesen melaksanakan usahasil dalam tahun dirancang manakala 12 lesen lewat dan 7 lesen belum memulakan operasi. Selain itu, 3 pelesen diluluskan kawasan usahasil di kawasan yang tidak dinyatakan dalam RKH. Kelewatan pelaksanaan di lapangan antaranya berpunca daripada persekitaran kerja yang bergantung kepada tenaga kerja, kaedah tradisi atau manual, air pasang surut dan tempoh pembakaran arang kayu. Butiran lanjut seperti di **Jadual 4.3**. Berdasarkan maklum balas, Jabatan mengakui berlaku kelewatan dalam pelaksanaan aktiviti pengusahaan di lapangan disebabkan pelbagai faktor seperti kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN), tempoh menyiapkan tanur arang, kelewatan pengusaha menyiapkan kup tahunan, tempoh pembakaran tanur arang dan prestasi kerja tahunan. Kelulusan kawasan usahasil yang tidak dinyatakan dalam RKHT adalah disebabkan kawasan peruntukan asal tidak ekonomik dan diganti dengan kawasan peruntukan tahun berikutnya.

Jadual 4.3
Pelaksanaan Pengusahaan Tidak Mengikut Tempoh RHT


RHT		Pelaksanaan Lapangan			
Tahun	Bilangan Lesen	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010	Belum Operasi
KAK					
2008	5	1	1	2	1
2009	5	-	1	3	1
KKJ					
2008	5	0	4	1	
2009	6	-	0	1	5
	21	1	6	7	7

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak

4.4.2. Keluasan Hutan Paya Laut

Hutan paya laut berada di atas tanah perantaraan lautan dengan daratan di sepanjang 230 kilometer pantai Negeri Perak dari kawasan Tanjong Piandang hingga Bagan Datoh. Mengikut rekod Jabatan Perhutanan, keluasan HPL di Negeri Perak adalah seluas 43,502 hektar iaitu 41,617 hektar HPL terletak dalam kawasan HSK dan lebih kurang 1,885 hektar di kawasan tanah Kerajaan. Kedudukan HSK Paya Laut di Negeri Perak adalah seperti di **Gambar 4.2**.

Gambar 4.2



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak

4.4.2.1. Pembebasan HSK Paya Laut Tidak Diwarta

Mengikut Seksyen 7(1) dan 13(1) Akta Perhutanan Negara 1984, PBN boleh menjadikan mana-mana tanah sebagai suatu HSK atau pengeluaran kawasan tanah daripada HSK melalui pemberitahuan dalam warta. Pewartaan HPL seluas 41,617 hektar telah diwartakan antara tahun 1902 hingga tahun 1911 sebagai kawasan HSK. Pemeriksaan Audit mendapati seluas 4.8 hektar di Kompartmen 107 HSK Sg.Tinggi telah diluluskan melalui mesyuarat MMK Bil. 1341/1999 untuk dikeluarkan menjadi Tanah Kerajaan. Sehingga kini pewartaan pengeluaran kawasan HSK ini belum dibuat.

a. Pengelasan HSKPL Tidak Diwarta

- i. Mengikut Seksyen 10(1) APN 1984, pengelasan HSK hendaklah dibuat melalui pemberitahuan melalui warta bertujuan untuk mengurus sumber hutan dengan lebih intensif di bawah konsep pengurusan hutan berkekalan. Berdasarkan RKH, pengurusan HPL Matang diklasifikasikan kepada 4 zon seperti **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Klasifikasi HSKPL Matang

Bil.	Zon	Keluasan (Hektar)	Jenis/Fungsi Hutan
1.	Pengeluaran	29,784	Hutan bakau untuk pengusahaan
2.	Pengeluaran Terhad	2,892	Hutan baru peralihan; hutan darat peralihan; hutan berus persisiran
3.	Perlindungan	7,360	Hutan api-api; hutan darat; hutan perlindungan
4.	Tidak Produktif	492	Kawasan ban/taliair pertanian, pejabat, jeti, tanur arang, matau, bagan nelayan dan sebagainya
		40,528	

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak

- ii. Pemeriksaan Audit mendapati pengelasan zon HSKPL Matang dan HSK Tanjung Burung tidak diwartakan. Pewartaan hanya dibuat berdasarkan Seksyen 7 APN 1984 iaitu penyiaran kawasan hutan berkenaan sebagai HSK sahaja. Berdasarkan maklum balas, pengelasan HSKPL Matang hanya dibuat bagi tujuan pentadbiran dalam RKH dan pengelasan ini akan berubah apabila dikaji semula setiap 10 tahun sekali. Selain itu, tiada keperluan untuk mewartakan pengelasan tersebut di bawah peruntukan APN 1984.

Pada pendapat Audit, RKH dan RKHT yang disediakan perlu mengambil kira pengurusan HSKPL Tanjung Burung dan pelaksanaan juga perlu mengikut sasaran pelan kerja ditetapkan.

4.4.3. Perlindungan Dan Pemuliharaan Hutan Paya Laut

Pengurusan HPL perlu dirancang dan dilaksanakan berpandukan dasar perhutanan bagi tujuan perlindungan dan pemuliharaan sumber dan persekitaran serta memelihara kepelbagaian biologi. Antara aktiviti yang perlu dilaksanakan adalah tanaman selepas tebangan, memelihara zon penampakan, pemantauan dan penguatkuasaan. Prestasi pelaksanaan aktiviti adalah seperti berikut:

4.4.3.1. Tanaman Selepas Tebangan

Program tanaman selepas tebangan dijalankan untuk meningkatkan produktiviti HPL dalam kawasan HSK dan tanaman ini tertumpu di kawasan HPL Matang. Unit Silvikultur dan Perlindungan Jabatan Perhutanan Negeri Perak bertanggungjawab menjalankan program tanaman. Program tanaman ini perlu dijalankan bagi meningkatkan keluaran isi hutan serta memenuhi keperluan pusingan tebangan 30 tahun sepertimana yang diamalkan di HPL Matang. Tanaman semula dijalankan selepas 2 tahun sesuatu petak atau kawasan usahasil Kup Arang Kayu (KAK) dikeluarkan hasilnya. Kawasan yang mengandungi kurang 75 peratus *regenerasi* semula jadi akan dijalankan tanaman menggaya atau pada keadaan tertentu dijalankan tanaman keseluruhan. Dua spesies pilihan untuk tanaman adalah Bakau Minyak (*Rhizophora Apiculata*) dan Bakau Kurap (*Rhizophora Mucronata*). Sumber tanaman yang digunakan terdiri daripada *propagule* atau anak benih tabung bergantung kepada kesesuaian kawasan dan kewujudan makhluk perosak. Bancian kehidupan bagi tanaman bakau dijalankan pada tahun ketiga dan tanaman sulaman dijalankan sekiranya peratusan kehidupan kurang daripada 80 peratus. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010, sejumlah RM6.13 juta peruntukan untuk tanaman HPL dan sejumlah RM5.99 juta telah dibelanjakan seperti di **Jadual 4.5**. Lawatan Audit ke 6 kawasan program tanaman selepas tebangan di kawasan HPL Matang mendapati, kerja-kerja tanaman telah siap dijalankan dan anak spesies bakau mulai membesar dan hidup dengan subur seperti di **Gambar 4.3** dan **Gambar 4.4**.

Jadual 4.5
Jumlah Peruntukkan Dan Keluasan Tanaman

Tahun	Peruntukan (RM)	Pelaksanaan		
		Bil.Projek Tanaman	Keluasan (Hektar)	Perbelanjaan (RM)
2010	2,500,000	24	846	2,355,832
2009	2,598,020	25	703	2,596,671
2008	1,035,000	18	667	1,034,147
Jumlah	6,133,020	67	2,216	5,986,650


Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Gambar 4.3
Pokok Bakau Hidup Subur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Renjer Kuala Sepetang
Tarikh: 26 Julai 2010

Gambar 4.4
Tanaman Selepas Tebangan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 38 HSK Pulau Sangga
Tarikh: 26 Julai 2010

4.4.3.2. Prestasi Tanaman Persisiran Pantai Kurang Memuaskan


a. Perlaksanaan Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies Yang Sesuai Di Persisir Pantai Negara mula dilaksanakan mulai tahun 2005 selepas berlakunya kejadian tsunami pada 26 Disember 2004. Antara objektif program adalah:

- i. Memulihara persisiran pantai sebagai lindungan semulajadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam (ombak, angin dan hakisan tanah);
- ii. Memulih habitat persisiran pantai yang menjadi koridor kepelbagaian biologi serta memperkaya sumber hasil pantai; dan
- iii. Mewujudkan zon penampakan yang kukuh bagi menahan pukulan ombak dan angin kencang serta mencegah pencemaran alam sekitar.

b. Antara kawasan yang terlibat dengan program tanaman persisiran pantai ialah tanah Kerajaan di Daerah Kerian, Manjung, Hilir Perak dan di sekitar HSKPL Matang yang merupakan kawasan persisir pantai sepanjang Negeri Perak. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2010, sejumlah RM1.98 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan 19 projek tanaman di bawah program ini melibatkan kawasan seluas 287.2 hektar. Berdasarkan definisi atau tafsiran Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), kawasan persisiran pantai ialah "satu kawasan yang meliputi kawasan bersempadan 5 kilometer ke sebelah darat dan 16.1 kilometer nautika ke sebelah laut dari paras purata air pasang". Pemeriksaan

Audit mendapati, projek tanaman anak bakau di Kompartmen 43 HSK Teluk Kertang dan tanaman nyireh di Kompartmen 54 HSK Sungai Trong berada lebih kurang 4.2 kilometer dan 5 kilometer daripada kawasan garisan pantai seperti di **Gambar 4.5**. Sungguhpun kawasan tanaman tersebut masih terletak dalam lingkungan yang ditetapkan, tetapi pada pendapat Audit adalah lebih baik kawasan tanaman ditumpukan ke kawasan berhampiran garisan pantai supaya dapat mewujudkan satu kawasan zon penampungan yang kukuh dan lebih stabil selaras dengan objektif program.

Gambar 4.5
Lokasi Tanaman Bakau Dan Nyireh



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak

c. Berdasarkan laporan penilaian dan pemantauan, pencapaian program ini adalah kurang memuaskan. Daripada 19 projek tanaman persisiran pantai, hanya 7 projek yang melibatkan anak pokok yang di tanam hidup melebihi 75% seperti di **Gambar 4.6**. Secara keseluruhannya, sejumlah 51.9% daripada anak pokok yang ditanam hidup. Antara punca kegagalan program adalah pemilihan kawasan yang tidak sesuai iaitu di muara sungai dan kawasan terletak di garisan pantai yang berombak besar serta tiada kajian dan penyelidikan kesesuaian lokasi pada peringkat awal pelaksanaan program. Selain itu, untuk tempoh tersebut tiada peruntukan penyelenggaraan disediakan. Butiran prestasi tanaman persisiran pantai adalah seperti **Jadual 4.6** dan **Carta 4.1**.

Gambar 4.6
Anak Pokok Bakau Hidup Selepas Ditanam




Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak
Lokasi: Sg. Lombong, Mukim Lekir, Manjung
Tarikh: 30 Julai 2010

Jadual 4.6
Prestasi Program Tanaman Persisiran Pantai

Tahun	Bil. Projek	Bil. Pokok Ditanam	Bil. Projek Mengikut Peratus Pokok Hidup			Prestasi Pokok Selepas Ditanam	
			>75 %	50-74%	<49%	Pokok Hidup (%)	Pokok Mati (%)
2005	4	167,100	0	0	4	22.5	77.5
2006	1	90,000	0	0	1	30	70
2007	2	72,800	0	1	1	45	55
2008	6	147,300	3	1	2	65	35
2009	3	238,671	1	0	2	47.5	52.5
2010	3	179,625	3	0	0	88	12
	19	895,496	7	2	10	51.88	48.12

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Carta 4.1
Kedudukan Pokok Ditanam Dan Hidup Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2010



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak

d. Projek Tanaman Di Ban Sungai Tiang, Teluk Intan Seluas 5 Hektar Bernilai RM19,753

Pada tahun 2005, sebanyak 22,220 pokok bakau telah ditanam dan berdasarkan laporan yang diberikan, hanya 10% yang hidup dan selebihnya telah mati seperti di **Gambar 4.7** dan **Gambar 4.8**.

Gambar 4.7
Anak Pokok Bakau Selepas Ditanam



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak
Lokasi: Sungai Tiang, Teluk Intan
Tarikh: Tahun 2005

Gambar 4.8
Keseluruhan Tanaman Telah Musnah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Tiang, Teluk Intan
Tarikh: 23 September 2010

e. Projek Tanaman Di Tanah Kerajaan Kawasan Tanjung Piandang, Mukim Kuala Kurau Seluas 12 Hektar Bernilai RM112,900

Sebanyak 72,000 pokok bakau yang ditanam pada tahun 2005 telah dilaporkan hidup hanya pada tahap 20% dan telah mati keseluruhannya seperti di **Gambar 4.9** dan **Gambar 4.10**.

Gambar 4.9
Anak Pokok Pada Peringkat Awal Tanaman



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak
Lokasi: Mukim Kuala Kurau
Tarikh: Tahun 2005

Gambar 4.10
Keseluruhan Tanaman Telah Musnah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Kuala Kurau
Tarikh: 29 Julai 2010

f. Projek Tanaman Di Tanah Kerajaan Teluk Rubiah, Mukim Kuala Kurau Seluas 12 Hektar Bernilai RM117,710

Sebanyak 72,000 pokok bakau yang ditanam pada tahun 2005 telah dilaporkan hidup pada tahap hanya 20% dan telah mati keseluruhannya adalah seperti di **Gambar 4.11** dan **Gambar 4.12**.

Gambar 4.11
Kawasan Tanaman Pada Peringkat Awal



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak
Lokasi: Teluk Rubiah, Mukim Kuala Kurau
Tarikh: Tahun 2005

Gambar 4.12
Keseluruhan Tanaman Telah Musnah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Teluk Rubiah, Mukim Kuala Kurau
Tarikh: 15 Disember 2010

g. Projek Tanaman Di HSK Pulau Sangga, Kuala Sepetang Seluas 48.4 Hektar Bernilai RM60,983

Sebanyak 71,800 pokok bakau yang ditanam pada tahun 2007 telah dilaporkan hidup pada tahap hanya 30% dan telah mati keseluruhannya seperti di **Gambar 4.13** dan **Gambar 4.14**.

Gambar 4.13
Anak Pokok Pada Peringkat Awal Tanaman



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak
Lokasi: HSK Pulau Sangga, Kuala Sepetang
Tarikh: Tahun 2007

Gambar 4.14
Keseluruhan Tanaman Telah Musnah



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri
Lokasi: HSK Pulau Sangga, Kuala Sepetang
Tarikh: 15 Disember 2010

h. Projek Tanaman Nyireh Di Sungai Trong Tidak Memuaskan

Pada tahun 2009, sebanyak 18,750 pokok nyireh bernilai RM142,625 telah ditanam di kawasan seluas 34 hektar di sebahagian Kompartmen 54 HSK Sg. Trong. Laporan penilaian dan pemantauan tanaman melaporkan tahap pokok hidup tanaman nyireh hanyalah pada tahap 30% sahaja. Pada tahun 2010, sejumlah RM19,000 telah dibelanjakan untuk menyulam kawasan tanaman tersebut kerana peratus hidup pokok nyireh yang ditanam adalah rendah. Semakan Audit mendapati hampir keseluruhan kawasan yang ditanam dengan tanaman spesies pokok nyireh telah mati. Pengiraan anak pokok nyireh yang hidup telah dijalankan di kawasan tapak tanaman seluas 144 meter (m) persegi (12m x 12m). Berdasarkan spesifikasi tanaman nyireh (4m x 4m), sebanyak 16 pokok nyireh sepatutnya ditanam pada keluasan 144 meter persegi. Pemeriksaan Audit mendapati hanya 5 anak pokok yang masih hidup iaitu 2 pokok tanaman tahun 2009 dan 3 pokok tanaman tahun 2010. Selain itu, tumbesaran pokok terjejas kerana keadaan pokok tidak subur, kawasan tanaman tidak diselenggara dan kawasan air bertakung yang mungkin tidak sesuai dengan tanaman nyireh. Keadaan kawasan tanaman nyireh adalah seperti di **Gambar 4.15** hingga **Gambar 4.17**.

Gambar 4.15
Kawasan Tanaman Pokok Nyireh Disulam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen. 54 HSK Sg. Trong.
Tarikh: 29 Julai 2010

Gambar 4.16
Sebahagian Pokok Nyireh Telah Mati



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen. 54 HSK Sg. Trong.
Tarikh: 27 September 2010

Gambar 4.17
Kawasan Tanaman Nyireh Pada Tahun 2009
Tidak Diselenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompartmen. 54 HSK Sg. Trong.
 Tarikh: 29 Julai 2010

i. Rawatan ke atas tanaman adalah penting bagi memastikan anak pokok yang ditanam hidup subur dan seterusnya mencapai objektif program tanaman sebagai zon penampakan. Pada tahun 2009, sejumlah RM170,625 telah dibelanjakan untuk tanaman anak bakau melibatkan sebanyak 115,746 pokok di kawasan seluas 20 hektar di sebahagian Kompartmen 43 HSK Teluk Kertang. Laporan penilaian dan pemantauan tanaman oleh Jabatan Perhutanan Negeri melaporkan tahap pokok hidup adalah 32% sahaja. Pemeriksaan Audit mendapati kawasan tanaman anak bakau tidak dirawat atau diselenggara dengan sewajarnya malahan tanaman bakau di kawasan tersebut telah dilitupi semak-samun seperti di **Gambar 4.18** dan **Gambar 4.19**. Keadaan ini sekiranya dibiarkan akan menjejaskan tumbesaran anak pokok dan berkemungkinan akan mati.

Gambar 4.18
Kawasan Tanaman Dirawat Pada Julai 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompartmen. 43 HSK Teluk Kertang
 Tarikh: 27 September 2010

Gambar 4.19
Kawasan Tanaman Tidak Dirawat
Atau Selenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompartmen. 43 HSK Teluk Kertang
 Tarikh: 27 September 2010

j. Berdasarkan maklum balas, projek yang dilaksanakan sebelum tahun 2010 adalah merupakan projek yang dijalankan di peringkat kajian terutamanya dari segi kesesuaian kawasan dengan mengambil kira maklumat seperti profil tanah, ketinggian ombak dan kelajuan arus air. Kegagalan projek adalah disebabkan kawasan yang ditanam berhadapan dengan muka laut yang terdedah kepada pukulan ombak, kelajuan arus pasang surut air laut yang tinggi dan perubahan fizikal tanah yang disebabkan oleh aktiviti pembangunan tanah di kawasan bersebelahan.

4.4.3.3. Tebangan Di Zon Penampian

Mengikut Kod Amalan Pengusahaan HPL, semua pokok di zon penampian adalah dilarang ditebang. Lebar zon penampian adalah 5 meter dari tebing sungai besar, 3 meter bagi sungai kecil dan bagi kawasan pantai 50 hingga 200 meter lebar. Selain itu, syarat tambahan lesen pula menetapkan denda akan dikenakan pada kadar tidak melebihi RM20 serta ganti rugi bagi setiap pokok sekiranya menebang pokok yang tidak dibenarkan. Pemeriksaan Audit di Kompartmen 10 HSK Pulau Kelumpang dan Kompartmen 28 HSK Jebong mendapati tebangan usahasil Kup Arang Kayu (KAK) telah dibuat sehingga ke kawasan zon penampian tepi anak-anak Sungai Sepetang dan Sungai Selinsing. Zon penampian bagi anak-anak sungai atau sungai kecil adalah selebar 3 meter. Selain itu, pokok dan dahan dibiarkan tumbang menghala ke sungai dan tidak dibersihkan atau diselenggara. Penebangan pokok di kawasan zon penampian adalah suatu kesalahan kerana kawasan tersebut perlu diberi perlindungan dan pemuliharaan sewajarnya seperti di **Gambar 4.20** dan **Gambar 4.21**. Berdasarkan maklum balas daripada Jabatan Perhutanan, penebangan di kawasan zon penampian Kompartmen 10 HSK Pulau Kalumpang dan Kompartmen 28 HSK Jebong dilakukan oleh penebang haram sebelum kawasan tersebut dibuka untuk pengusahaan.

Gambar 4.20
Tebangan Hingga Zon Penampian



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 28HSK Jebong
Tarikh: 26 Julai 2010

Gambar 4.21
Tebangan Hingga Zon Penampian



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 10 HSK Pulau Kalumpang
Tarikh: 26 Julai 2010

4.4.3.4. Pemantauan Terhadap Kontraktor

Pemantauan dan pengawalan di lapangan perlu dijalankan bagi memastikan aktiviti usahasil mematuhi kod amalan, syarat dan peraturan ditetapkan.

a. Buku Pemeriksaan Lapangan Tidak Diselenggara

Berdasarkan Kod Amalan Pengusahaan Hutan Paya Laut, adalah menjadi tanggungjawab pelesen untuk menyediakan Buku Pemeriksaan Lapangan dan ditempatkan dikongsi. Maklumat tentang pemeriksaan aktiviti usahasil oleh pihak Renjer Kawasan hendaklah direkodkan dalam daftar tersebut sebagai bukti pemantauan di lapangan telah dilaksanakan dan sebagai rekod untuk semakan pihak penyeliaan. Pemeriksaan Audit mendapati, Buku Pemeriksaan Lapangan tidak diselenggara. Pengawas Hutan yang bertanggungjawab mengakui bahawa, amalan merekodkan maklumat pemantauan dalam buku pemeriksaan lapangan tidak pernah dilakukan. Dengan itu, maklumat pemantauan dan penyeliaan di lapangan yang sewajarnya tidak dapat ditentukan.

b. Laporan Penutupan Pengusahaan Belum Disediakan

Mengikut Bab 13 Manual Perhutanan Jilid II, Laporan Penutupan Pengusahaan Hutan hendaklah disediakan apabila had maksimum pengeluaran kayu telah dicapai atau kerja pengusahaan telah selesai. Laporan ini merupakan laporan lengkap mengenai aktiviti pengusahaan hutan dan pengeluaran kayu bagi sesuatu kawasan lesen. Semakan Audit mendapati 140 lesen telah tamat tempoh usahasil tetapi laporan penutupan pengusahaan belum disediakan. Analisis Audit menunjukkan kelewatan menyediakan laporan penutupan pengusahaan adalah antara 1 hingga 21 bulan. Tanpa laporan tersebut, pihak Jabatan tidak dapat menentukan sama ada pihak pelesen mematuhi syarat lesen ditetapkan dan usahasil secara maksimum telah dijalankan di kawasan yang diluluskan. Butiran kelewatan menyediakan laporan penutupan pengusahaan adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Tempoh Kelewatan Penutupan Kawasan Lesen

Usahasil	Tahun	Tempoh Kelewatan (Bil. Lesen)			Jumlah Lesen
		1 – 6 Bulan	7 – 12 Bulan	13 Bulan & Lebih	
KAK	2008	7	15	14	36
	2009	14	-	-	14
	2010	-	-	-	-
KKJ	2008	-	7	39	46
	2009	28	16	-	44
	2010	-	-	-	-
Jumlah		49	38	53	140

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak


4.4.3.5. Perlindungan Ancaman Pencerobohan/Semulajadi

Hutan paya laut sedia ada perlu diberi perlindungan daripada ancaman sama ada pencerobohan atau pun ancaman semulajadi. Program perlindungan perlu diwujudkan dan dilaksanakan sebagaimana ditetapkan.

a. Tanda Sempadan Luar HSK

- i. Mengikut Kaedah 9 Kaedah-kaedah Hutan 1988 dan Bab 17 Manual Perhutanan, sempadan luar HSK hendaklah diukur, ditanda dan diselenggara. Batu sempadan konkrit pada jarak tidak melebihi 100 meter di antara satu dan penandaan sempadan dibuat dengan menanda tiga gelangan cat berwarna merah pada pokok atau pancang berjarak tidak melebihi 10 meter di antara satu dengan lain di sepanjang sempadan. Plet HSK juga perlu dipaku pada pokok dan dipasang pada jarak tidak melebihi 800 meter sepanjang sempadan dan juga di setiap permulaan jalan masuk ke HSK. Penyelenggaraan sempadan luar HSK seperti penandaan, pembersihan, penggantian plet semula hendaklah dijalankan dalam tempoh tidak melebihi lima tahun. Pemeriksaan Audit di Kompartmen 54 HSK Sungai Trong bersama dengan Pengawas Hutan mendapati tanda sempadan luar hanya dibuat di sebahagian kompartmen sahaja manakala sebahagian sempadan luar HSK yang bersempadan dengan tanah milik tidak dibuat tandaan. Pemeriksaan di Kompartmen 43 HSK Teluk Kertang pula mendapati batu sempadan luar tidak ditemui malah kakitangan Jabatan Perhutanan juga tidak dapat menunjukkan sempadan luar sebenarnya. Pemeriksaan melalui bacaan alat GPS di 3 bucu sempadan tanaman bakau mendapati sempadan luar HSK berada jauh dalam kawasan tanaman kelapa sawit (penerokaan haram). Selain itu, plet HSK pada permulaan jalan masuk ke HSK dan penandaan sempadan 3 gelangan cat warna merah tidak dibuat seperti di **Gambar 4.22** hingga **Gambar 4.24**.

Gambar 4.22
Sempadan Luar HSK Telah
Diceroboh Untuk Tanaman Kelapa Sawit




Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

Gambar 4.23
Tiada Tanda Sempadan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen. 54HSK Sungai Trong
Tarikh: 27 September 2010

Gambar 4.24
Tanda Sempadan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen. 54 HSK Sungai Trong
Tarikh: 27 September 2010

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati kerja-kerja penyenggaraan sempadan luar HSKPL terakhir dijalankan pada tahun 2005 manakala kerja-kerja menanda dan mengukur sempadan luar HSKPL Matang sejauh lebih kurang 40 kilometer sedang/akan dijalankan dalam tempoh terdekat. Syarikat Juruukur berlesen telah dilantik pada Januari 2007 dengan kos berjumlah RM236,901 dan kerja-kerja menanda dan mengukur sempada luar HSKPL hanya akan dimulakan setelah kerja-kerja penyediaan dan kelulusan Pelan Pra-Hitungan (*Pre-Computation Plan*) diluluskan.
- iii. Berdasarkan maklum balas, walaupun Lantikan Jurukur Berlesen telah dibuat pada tahun 2007, kelulusan Pelan Pra Hitungan daripada Pentadbir Tanah hanya diterima pada 14 April 2010 dan 11 Oktober 2010. Kerja-kerja menanda dan mengukur sempadan luar telah dimulakan pada bulan November 2010.

b. Pencerobohan HSK

Mengikut Seksyen 45 hingga 49 Bab 6 APN 1984, antara lain menyatakan adalah menjadi suatu kesalahan memasuki mana-mana HSK kecuali diluluskan permit atau kebenaran secara bertulis oleh Pengarah Perhutanan. Pihak Berkuasa Negeri juga hendaklah memberi pertimbangan wajar terhadap keperluan perlindungan hutan daripada pencerobohan. Berdasarkan maklumat Jabatan Perhutanan, terdapat kawasan HSKPL diceroboh bagi tujuan pertanian, penempatan dan perusahaan.

i. Pencerobohan Untuk Aktiviti Pertanian

Pemeriksaan Audit mendapati seluas 100 hektar HSKPL Matang telah diceroboh untuk aktiviti tanaman kelapa sawit. Kawasan yang dikenal pasti ialah di Kompartmen 16 HSK Sg. Baru, Kompartmen 43, 46 dan 47 HSK Sg. Limau dan Kompartmen 84 HSK Sg. Temerlok yang kesemuanya bersempadan dengan kawasan tanah bermilik atau kawasan penempatan yang dibenarkan melalui permit penggunaan. Pemeriksaan Audit ke lapangan yang diceroboh mendapati tanaman kelapa sawit dianggarkan berusia antara 3 dan 10 tahun. Butiran

kawasan pencerobohan seperti di **Jadual 4.7** manakala keadaan tanaman seperti di **Gambar 4.25** hingga **Gambar 4.28**.

Jadual 4.7
Kawasan Pencerobohan Untuk Tanaman Kelapa Sawit

Lokasi	Tanaman	Luas (Ha)	Anggaran Usia Pokok (Tahun)
Kompartmen 16 HSK Sg. Baru	Kelapa Sawit	53	>8
Kompartmen 43 HSK Sg. Limau	Kelapa Sawit	37	>5
Kompartmen 46 HSK Sg. Limau	Kelapa Sawit	4	>2
Kompartmen 47 HSK Sg. Limau	Kelapa Sawit	2	>2
Kompartmen 84 HSK Sg. Temerlok	Kelapa Sawit	4	>10
		100	


Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Gambar 4.25
Tanaman Kelapa Sawit Dalam HSK



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 16 HSK Sg. Baru ,Selinsing
Tarikh: 20 Julai 2010

Gambar 4.26
Tanaman Kelapa Sawit Dalam HSK



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 47 HSK Sg. Limau, K. Sepetang
Tarikh: 20 Julai 2010

Gambar 4.27
Tanaman Kelapa Sawit Dalam HSK



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 46 HSK Sg. Limau,K. Sepetang
Tarikh: 20 Julai 2010

Gambar 4.28
Tanaman Kelapa Sawit Dalam HSK



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 84 HSK Sg. Temerlok
Tarikh: 27 Julai 2010

ii. Pencerobohan Untuk Aktiviti Penempatan

Pencerobohan bagi aktiviti penempatan adalah dikenal pasti berlaku di Kompartmen 114 HSKPL Tanjung Burung, Pantai Remis seluas 51.87 ekar oleh 37 peneroka dan di Kompartmen 107 HSKPL Sungai Tinggi, Bagan Panchor seluas hampir 11.8 ekar oleh 29 peneroka. Semakan Audit di Kompartmen 107 mendapati penduduk di kawasan tersebut membina premis kediaman dan perniagaan di tapak yang telah diluluskan untuk rancangan perkampungan tersusun (RPT) sehingga memasuki sebahagian kawasan HSK yang terletak bersebelahannya adalah seperti di **Gambar 4.29** dan **Gambar 4.30**. Pencerobohan di Kompartmen 114 pula adalah untuk kediaman dan pertanian berlaku antara 20 ke 30 tahun yang lalu.

Gambar 4.29
Keseluruhan Premis Terletak Dalam HSK



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 107 HSK Sg. Tinggi,
Bgn. Panchor
Tarikh: 22 Julai 2010

Gambar 4.30
Sebahagian Premis Terletak Dalam HSK



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 107 HSK Sg. Tinggi,
Bgn. Panchor
Tarikh: 22 Julai 2010

iii. Pencerobohan Kerana Aktiviti Pengambilan Pasir

Adalah didapati aktiviti pengambilan pasir sungai yang bersempadan dengan Kompartmen 84 HSK Sungai Temerlok telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada sebuah syarikat swasta melalui permit 4C bernombor C1-55-2010 dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Taiping. Semakan Audit di lokasi pengambilan pasir mendapati pengusaha tersebut telah menceroboh kawasan HSK bagi menempatkan jentera, *stockpile* pasir dan mendirikan bangunan pejabat sementara. Pada 6 Oktober 2008, Pejabat Hutan Daerah telah memaklumkan kepada Pejabat Daerah Dan Tanah Taiping mengenai keperluan permit memasuki kawasan HSK sebelum sesuatu aktiviti dijalankan dalam kawasan HSK. Bagaimanapun, sehingga kini tiada bukti kelulusan permit penggunaan dikeluarkan kepada pengusaha berkenaan seperti di **Gambar 4.31** dan **Gambar 4.32**. Berdasarkan maklum balas, Jabatan sedang menyediakan kertas kerja untuk mendapatkan keputusan dasar Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah penerokaan haram dalam kawasan HSK. Manakala

permohonan Permit Penggunaan dan Permit Jalan bagi tujuan pengeluaran pasir ada diterima dan masih dipertimbangkan.

Gambar 4.31
Jentera Yang Sedang Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 84 HSK Sungai Temerlok
Tarikh: 27 Julai 2010

Gambar 4.32
Longgokan Stockpile Pasir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 84 HSK Sungai Temerlok
Tarikh: 27 Julai 2010

iv. Aktiviti Ternakan Akuakultur Di Zon Penampian

- Garis Panduan JPS Bil.1/97 dan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak Bil. 4/2010 antara lain menetapkan anjakan pembangunan yang dicadangkan hendaklah 400 meter bagi pantai berlumpur yang ditumbuhi paya bakau diukur dari pinggir laut (*seaward edge*) paya/hutan bakau. Berdasarkan rekod Jabatan Perhutanan, seluas 1,885ha HPL berada dalam kawasan tanah Kerajaan di sepanjang 230 kilometer pantai Negeri Perak. HPL di kawasan tanah Kerajaan ini tidak dipantau oleh Jabatan Perhutanan kerana di luar bidang kuasanya sebaliknya adalah di bawah bidang kuasa Pentadbir Tanah Daerah.
- Adalah didapati aktiviti ternakan udang telah dijalankan di kawasan HPL yang mana kedudukan kolam udang adalah berhadapan atau berhampiran dengan laut di kawasan zon penampian. Aktiviti ini sebahagiannya dijalankan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan ada juga secara penerokaan/pencerobohan. Aktiviti ternakan akuakultur tidak seharusnya dibenarkan beroperasi dalam kawasan zon pantai kerana jika tidak diurus dengan baik akan terdedah kepada hakisan dan kos pengawalan hakisan pantai yang mahal di masa hadapan. Bagi kawasan kolam ternakan akuakultur di zon penampian yang ditinggalkan, Jabatan Perhutanan telah mengambil tindakan pemulihan dengan tanaman spesies pokok bersesuaian. Adalah disyorkan kawasan HPL di tanah Kerajaan yang berada berhadapan dengan garisan pantai seperti di kawasan Tanjong Piandang, Teluk Rubiah, Pulau Gula Kuala Kurau, sepanjang pantai Lekir hingga ke Kuala Sungai Perak dan kawasan Bagan Datoh supaya dikenal pasti untuk diwartakan sebagai HSK

yang berfungsi sebagai zon penampungan, perlindungan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi seperti di **Gambar 4.33** hingga **Gambar 4.36**.

Gambar 4.33
Kawasan Kolam Udang Telah Terhakis Menjadi Laut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Kuala Kurau
Tarikh: 29 September 2010

Gambar 4.34
Kolam Udang Di Kawasan Zon Pantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Kuala Kurau
Tarikh: 29 September 2010

Gambar 4.35
Bekas Kolam Ternakan Akuakultur Dipulih Dengan Tanaman Bakau Dan Api-api



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parit Hj Dolah, Lekir
Tarikh: 30 Julai 2010

Gambar 4.36
Tanaman Bakau Di Kawasan Zon Pantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Batu, Lekir
Tarikh: 30 Julai 2010

Pada pendapat Audit, perlindungan dan pemuliharaan Hutan Paya Laut kurang memuaskan terutamanya di kawasan yang bersempadan dengan tanah milik, kawasan penempatan dan kawasan zon pantai HPL Tanah Kerajaan.

4.4.4. Aktiviti Sosio Ekonomi

Selain peranan penting dalam pembentukan ekosistem persekitaran, HPL juga berperanan menyumbang kepada aktiviti sosio ekonomi negeri dan penduduk setempat.

4.4.4.1. Tebangan Pokok Bakau

- Kod Amalan Pengusahaan Hutan Paya Laut menggariskan panduan mengenai tebangan yang terancang. Panduan ini antaranya bertujuan mengoptimumkan pengeluaran kayu, mengurangkan kerosakan pada dirian tinggal, mengurangkan atau mengelakkan kerosakan ke atas muka bumi dan kawasan hutan yang belum dibuka untuk pengusahaan.
- Mengikut Kod Amalan Pengusahaan Hutan Paya Laut, penebangan penjarangan dijalankan untuk mengurangkan persaingan di antara pokok bagi mendapatkan kayu yang berkualiti semasa tebangan akhir di samping untuk menghasilkan kayu jaras. Manakala tebangan akhir dibuat secara tebang habis dijalankan untuk membekalkan kayu bagi membuat arang kecuali di kawasan zon penampakan. Pemeriksaan Audit di lapangan mendapati aktiviti tebangan akhir dan penjarangan dijalankan mengikut perancangan dan peraturan yang ditetapkan.

4.4.4.2. Aktiviti Perikanan Menjana Pendapatan Penduduk Setempat

HPL merupakan kawasan pembiakan sumber perikanan yang amat penting dari segi tempat pembiakan, sumber makanan dan perlindungan ikan, udang dan lain-lain hidupan akuatik di perairan persekitarannya. Ini sekaligus meningkatkan tahap sosioekonomi dan menjana pendapatan kepada penduduk di sekitarnya yang secara keseluruhannya bekerja sebagai nelayan. Terdapat juga penduduk yang mengusahakan ternakan ikan dalam sangkar, ternakan kerang dan kolam ternakan udang. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia menunjukkan trend pendaratan ikan laut meningkat sejak tahun 2005 seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Statistik Pendaratan Ikan Laut Di Matang

Tahun	Jumlah Pendaratan (Tan Metrik)	Nilai (RM Juta)
2005	35,721	124
2006	43,861	159
2007	57,154	212
2008	51,946	202
2009	65,890	355
Jumlah	254,572	1,052


Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia

4.4.5. Kawasan Hutan Paya Laut Sebagai Kawasan Eko-Pelancongan

Kepelbagaian spesies flora dan fauna di kawasan HPL Matang menjadikannya sebagai satu tarikan kepada pelancong. Kewujudan kawasan *bird sanctuary*, kelip-kelip, aktiviti pengusahaan, aktiviti perikanan dan kawasan Perkuburan Pra-Sejarah Pulau Kalumpang memberikannya satu nilai ekonomi yang boleh dikomersilkan. Kehadiran pelawat ke kawasan tersebut dalam masa yang sama dapat meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk di sekitarnya. Pihak Jabatan Perhutanan Negeri telah mewujudkan Pusat

Eko-Pelajaran Matang, Kuala Sepetang. Pusat Eko-Pelajaran ini menjadi tumpuan di kalangan pelancong tempatan dan asing serta para penyelidik dari universiti tempatan dan luar negara menjalankan kajian. Kuala Gula pula terkenal di peringkat tempatan dan antarabangsa terutamanya kepada pemerhati burung kerana ianya amat signifikan dengan kewujudan burung air berhijrah. Ramai pelawat tempatan dan antarabangsa seperti dari Amerika Syarikat, Australia, Eropah, Jepun dan negara lain datang ke Kuala Gula untuk melihat burung-burung ini. Setiap tahun, pelbagai spesies burung singgah di Kuala Gula dalam laluan migrasinya. Terdapat beberapa laluan migrasi di dunia dan Malaysia terletak dalam laluan *East Asian-Australasian Flyway*. Pelbagai spesies burung air/berhijrah boleh ditemui bermula daripada akhir bulan Ogos hingga April setiap tahun. Populasi kehadiran pelawat di Pusat Eko-Pelajaran Matang untuk tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Carta 4.2** dan lokasi tumpuan pelancongan seperti di **Gambar 4.37** dan **Gambar 4.38**.

Carta 4.2
Populasi Pengunjung Pusat Eko-Pelajaran Matang
Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2010



Sumber: Pusat Eko-Pelajaran Matang

Gambar 4.37
Bird Sanctuary Pulau Kalumpang



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri
Lokasi: Kompartmen 11 HSK Pulau Kalumpang
Tarikh: 21 Julai 2010

Gambar 4.38
Kawasan Eko-Pelajaran Matang



Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri
Lokasi: Pusat Eko- Pelajaran K. Sepetang
Tarikh: 21 Julai 2010


Pada pendapat Audit, Hutan Paya Laut telah berperanan menyumbang kepada sosio ekonomi penduduk setempat dan kepada sumber pendapatan Kerajaan Negeri.

4.4.6. Kesan Aktiviti Manusia Kepada Alam Sekitar

4.4.6.1. Hakisan Pantai

Garis Panduan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Bil.1/97 antara lain menetapkan anjakan pembangunan yang dicadangkan hendaklah 400 meter bagi pantai berlumpur yang ditumbuhi paya bakau diukur dari pinggir laut (*seaward edge*) paya/hutan bakau. Berdasarkan rekod JPS, daripada 230 kilometer panjang pantai Negeri Perak, sepanjang 140.2 kilometer telah mengalami hakisan. Sepanjang 28.3 kilometer daripada kawasan yang mengalami hakisan adalah berada pada kategori kritikal di mana impak hakisan kepada sosial dan ekonomi telah sampai ke tahap tidak dapat diterima. Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah pula melaporkan tanah milik bagi aktiviti pertanian seluas 137.6 hektar di Mukim Tanjong Piandang telah terlibat dengan hakisan laut dan seluas 1,245.2 hektar di kawasan Teluk Rubiah dan Bagan Datoh ditenggelami air laut setelah ban sekeliling zon pantai pecah. Kawasan ini juga dikenal pasti antara kawasan yang berhadapan dengan zon pantai berlumpur yang ombak lautnya aktif. Aktiviti ternakan akuakultur dalam kolam yang dijalankan di kawasan zon pantai juga telah menyumbang mempercepatkan hakisan berlaku kerana pemusnahan tumbuhan semulajadi seperti bakau dan api-api menyebabkan kehilangan penyerap daya pukulan ombak. Aktiviti seperti ini tidak seharusnya dibenarkan kerana berada dalam kawasan zon pantai yang terdedah kepada hakisan dan kos pengawalan hakisan pantai yang tinggi di masa hadapan. Aktiviti di kawasan ini juga bertentangan dengan Garis Panduan Kawalan Hakisan Berikutan Dari Pembangunan Di Kawasan Pantai dan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak Bil. 4/2010 – Garis Panduan Teknikal bagi Kelulusan Ternakan Akuakultur seperti di **Gambar 4.39** hingga **Gambar 4.41**.

Gambar 4.39
Kawasan Pertanian Ditenggelami Air Laut
Akibat Ban Pecah/Hakisan



Sumber: Imej Google Earth
Lokasi: Sg. Belukang, Bagan Datoh
Tarikh: Tahun 2010

Gambar 4.40
Kawasan Kolam Udang Terhakis
Menjadi Laut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Kuala Kurau
Tarikh: 29 September 2010

Gambar 4.41
Tanah Milik Menjadi Hutan Paya Laut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Belukang, Bagan Datoh
Tarikh: 23 September 2010

4.4.6.2. Pembinaan Resort Di Kawasan HSK Trong

Kertas Kerja Bil. 32/2004 berhubung permohonan permit penggunaan tanah seluas 20 hektar untuk resort dan produk-produk pelancongan di sebahagian Kompartmen 81 HSK Sungai Temerlok daripada sebuah syarikat swasta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 24 Februari 2005 iaitu selama 5 tahun bermula 1 Oktober 2005. Berdasarkan kelulusan tersebut, pihak syarikat perlu mematuhi beberapa syarat sebelum melaksanakan projek berkenaan. Pemeriksaan Audit mendapati perkara-perkara berikut:

a. Kajian Impak Alam Sekitar Tidak Dijalankan

Mengikut syarat-syarat dalam permit penggunaan, pihak syarikat perlu menjalankan kajian impak alam sekitar ke atas cadangan pembangunan resort dan produk-produk pelancongan berkaitan. Semakan Audit mendapati air basuhan dan air mandi yang mengandungi sabun disalurkan terus ke sungai seperti di **Gambar 4.42** dan **Gambar 4.43**. Ini mengakibatkan hidupan akuatik dan ekosistem di kawasan terlibat berhadapan dengan risiko pencemaran. Sehingga kini tiada bukti kajian impak alam sekitar dijalankan.

Gambar 4.42
Air Basuhan Dapur Restoran Resort Disalur Terus Ke Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 81 HSK Trong
Tarikh: 26 Julai 2010

Gambar 4.43
Air Bilik Mandi Resort Disalur Ke Longkang Dan Terus Ke Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 81 HSK Trong
Tarikh: 26 Julai 2010

b. Pembaharuan Permit Tidak Mengikut Peraturan

Mengikut Seksyen 36 subseksyen (3) Akta Perhutanan Negara, Pengarah Perhutanan boleh atas permohonan yang dibuat tidak lewat dari 30 hari sebelum tamat tempohnya, memperbaharui permit penggunaan itu bagi suatu tempoh tidak lebih daripada satu tahun kalendar dan apabila memperbaharui sesuatu permit penggunaan, Pengarah boleh mengubah, memotong atau menambah peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya. Manual Perhutanan Jilid 3 pula menyatakan bahawa sebarang pembaharuan permit perlu mendapatkan laporan lengkap dari Pejabat Renjer Hutan (PRH) sebelum diluluskan. Semakan Audit mendapati pembaharuan permit penggunaan Resort hanya diluluskan oleh Pegawai Hutan Daerah, lewat diperbaharui dan tiada bukti pemeriksaan atau laporan lengkap dikemukakan oleh PRH sebelum permit diperbaharui seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Permit Penggunaan Resort Lewat Diperbaharui

Tahun	Tarikh Permohonan	Tarikh Kelulusan
2006	05.10.2006	19.01.2007
2007	15.02.2007	31.05.2007
2008	09.04.2008	18.04.2008
2009	18.06.2009	24.07.2009

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak

c. Resort Beroperasi Selepas Tamat Tempoh Kelulusan

Kelulusan untuk permit penggunaan di sebahagian Kompartmen 81 HSK Sungai Temerlok seluas 20 hektar iaitu Petak 1 seluas 15 hektar dan Petak 2 seluas 5 hektar adalah untuk tempoh selama 5 tahun bermula 1 Oktober 2005. Pemeriksaan Audit mendapati Resort masih beroperasi walaupun tempoh kelulusan telah tamat pada 31 Disember 2009. Tiada bukti kertas kerja baru diangkat semula kepada pihak Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Selain itu, kawasan yang diluluskan perlu dikaji semula kerana Petak 1 seluas 15 hektar tidak diuruskan dengan sewajarnya manakala Petak 2 seluas 5 hektar yang terpisah oleh alur masih belum diusahakan mempunyai dirian hutan yang baik seperti di **Gambar 4.44** dan **Gambar 4.45**. Berdasarkan maklum balas, Jabatan akan menyediakan satu kertas kerja dasar kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan keputusan lanjut terhadap operasi resort tersebut.

Gambar 4.44
Resort Dan Pelbagai Produk Pelancongan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 81 HSK Sg. Temerlok
Tarikh: 27 Julai 2010

Gambar 4.45
Dirian Hutan Di Petak 2 Belum Diguna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompartmen 81 HSK Sg. Temerlok
Tarikh: 27 Julai 2010

Pada pendapat Audit, aktiviti di kawasan zon pantai atau penamparan yang tidak diurus dan dipantau dengan sewajarnya boleh menjejaskan Hutan Paya Laut dan kepelbagaian hayat (*biodiversity*).

4.4.6.3. Pemantauan Berjadual Tidak Dijalankan

- a. Semakan Audit mendapati rondaan secara harian tidak dijalankan sebaliknya rondaan hanya dilakukan pada hujung minggu dan hari kelepasan am sahaja. Jadual rondaan pada hari minggu ada disediakan tetapi tidak secara konsisten. Berdasarkan temubual dengan kakitangan di Pejabat Renjer, rondaan hanya dilakukan berdasarkan kepada keperluan dan arahan dari semasa ke semasa oleh pihak Pejabat Hutan Daerah. Mengikut penjelasan Jabatan, pemantauan secara berjadual tidak dapat dijalankan kerana kekurangan kakitangan, logistik dan peruntukan kewangan. Rondaan di HPL memerlukan logistik yang sesuai seperti bot dan sampan untuk rondaan melalui laut atau sungai dan kenderaan pacuan empat roda bagi rondaan melalui darat. Kakitangan yang sama juga terlibat dengan pelbagai tugas seperti usahasil, silvikultur, pengurusan hutan dan penguatkuasaan. Berdasarkan struktur organisasi Pejabat Hutan Daerah, seramai 78 kakitangan terlibat dengan pengurusan HPL Matang dan 76 daripadanya ditempatkan di Pejabat-pejabat Renjer. Semakan seterusnya menunjukkan seramai 74 daripada kakitangan di Pejabat-pejabat Renjer adalah kakitangan Kumpulan Sokongan II. Butiran perjawatan dan logistik HPL Matang adalah seperti di **Jadual 4.10** dan **Jadual 4.11**.

Jadual 4.10
Perjawatan Pengurusan HPL Matang

Jawatan	PHD Taiping	Renjer Kuala Sepetang	Renjer. Kuala Trong	Renjer. Sungai Kerang
Pegawai Perhutanan G41	1	-	-	-
Pen.Peg.Perhutanan G27	1	-	-	-
Renjer Hutan G17	-	1	0	1
Pengawas Hutan G14	-	2	0	1
Pengawas Hutan G11	-	9	6	8
Pekerja Awam Khas R3	-	27	9	9
Pemandu Kenderaan R3	-	1	1	1
Jumlah	2	40	16	20
Jumlah Besar	78			

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak

Jadual 4.11
Senarai Kemudahan Logistik Di Bawah Pengurusan HPL Matang

Pentadbiran Renjer	Jenis			
	Kenderaan	Bot	Sampan	Treler
Renjer Kuala Sepetang	3	7	10	6
Renjer Kuala Trong	1	1	5	1
Renjer Sungai Kerang	1	1	7	1
Jumlah	5	9	22	8

Sumber: Pejabat Hutan Daerah Larut Matang, Taiping, Perak

- b. Berdasarkan maklum balas, Jabatan telah mengemukakan cadangan penstrukturan semula organisasi yang kini dalam pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan. Pemantauan yang lebih berkesan dijangka akan dapat dilaksanakan apabila cadangan diluluskan kelak. Di samping itu, pihak Jabatan telah mendapat peruntukan sejumlah RM700,000 untuk tujuan pemantauan udara bagi tahun 2011 yang mana sebahagiannya akan digunakan untuk memantau kawasan Hutan Paya Laut di Negeri Perak.

4.4.7. Pandangan Awam Mengenai Pengurusan Hutan Paya Laut

Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada penduduk sekitar HPL dan badan bukan Kerajaan bertujuan mendapatkan pandangan mengenai pengurusan hutan paya laut dan kepentingannya kepada alam sekitar. Responden diminta untuk memberikan maklum balas mengenai peranan hutan paya laut sebagai zon penampungan, kesan terhadap kegiatan ekonomi penduduk, kesan pencemaran yang dihadapi dan usaha pemuliharaan yang dilakukan oleh Kerajaan. Daripada maklum balas soal selidik Audit terhadap orang awam, didapati 85.7% bersetuju HPL sebagai zon penampungan, 85.7% punca kegiatan ekonomi dan 65.7% pemuliharaan oleh Kerajaan dan 31.5% kewujudan pencemaran. Ini menunjukkan responden memberi maklum balas bahawa HPL memainkan peranan penting sebagai zon penampungan dan meningkatkan kegiatan ekonomi penduduk di sekitarnya. Selain itu, maklum balas yang diterima daripada badan bukan Kerajaan menunjukkan 100% bersetuju HPL sebagai zon penampungan, kewujudan punca kegiatan ekonomi dan pemuliharaan oleh Kerajaan. Maklum balas berkenaan seperti di **Carta 4.3**.

Carta 4.3
Pandangan Awam Mengenai Pengurusan Hutan Paya Laut



Sumber: Jabatan Audit Negara

4.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pengurusan Hutan Paya Laut dilaksanakan dengan baik. Bagaimanapun, aspek perlindungan dan pemuliharaan Hutan Paya Laut perlu diberi penekanan terutamanya di kawasan yang bersempadan dengan tanah milik, kawasan penempatan, zon penampungan persisiran pantai dan kawasan HPL Tanah Kerajaan. Kelemahan pemantauan serta koordinasi antara agensi bertanggungjawab mendedahkan kawasan ini kepada pencerobohan dan penggunaan tanah yang boleh mengancam kepelbagaian biologi dan kehilangan penyerap daya tindakan ombak yang boleh mempercepatkan lagi proses hakisan kawasan garisan pantai. Jabatan Perhutanan adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

4.5.1. Rancangan Kerja Hutan dan Rancangan Kerja Hutan Tahunan perlu mengambil kira pengurusan HSKPL Tanjung Burung yang berkeluasan 1,079 hektar.

4.5.2. Zon penampungan perlu dikawal dan dipelihara bagi mengelakkan daripada sebarang pencerobohan atau penebangan yang boleh mendatangkan ancaman hakisan kawasan garisan pantai.

4.5.3. Kawasan HPL di tanah Kerajaan yang berada di kawasan garisan pantai / zon penampungan dan kawasan bersesuaian perlu dikenal pasti untuk diwartakan sebagai HSK yang berfungsi sebagai zon penampungan, perlindungan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi.

4.5.4. Penguatkuasaan perlu dipertingkatkan supaya pencerobohan HSK dibendung dan diambil tindakan sewajarnya.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PERAK

5. PROGRAM TERNAKAN LEMBU DAGING MELALUI SKIM PINTAF

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak (Jabatan) bertanggungjawab membangunkan industri ternakan lembu pedaging di Negeri Perak iaitu di bawah Program Pembangunan Komoditi Ruminan Besar. Pada tahun 1960an, Skim Pinjaman Tanpa Faedah (PINTAF) ini dikenali sebagai Skim Pawah dan mulai tahun 2000 ditukar kepada skim PINTAF. Sejumlah RM11.29 juta telah diperuntukkan untuk skim PINTAF bagi tempoh tahun 2004 hingga 2010 dan daripada jumlah tersebut, sejumlah RM9.77 juta telah dibelanjakan.

5.1.2. Di bawah skim PINTAF, lembu yang dibekalkan kepada peserta dibahagi kepada tiga kategori iaitu lembu induk betina berumur lebih kurang 2 tahun atau lebih yang terdiri dari lembu betina dara dan lembu betina bunting dibekalkan untuk dijadikan induk pembiakan. Anak lembu jantan yang berumur 18 bulan ke atas dengan berat minimum 130 kilogram dibekalkan bertujuan untuk penggemukan selama tempoh dua tahun selepas diagihkan. Lembu baka jantan dibekalkan sebagai suntikan baka baru kepada peserta bagi memperbaiki mutu ternakan dan mengelakkan *inbreeding*. Setiap peserta perlu menandatangani Surat Perjanjian Pawah Lembu dan Perjanjian Rancangan Pemeliharaan Anak-anak Lembu bagi setiap kategori lembu yang dibekalkan mengikut nilai masing-masing. Kaedah pembayaran balik bagi kategori tersebut adalah seperti bayaran balik bagi lembu induk betina dibuat melalui kaedah penyerahan anak lembu berusia dua tahun yang hidup dengan keadaan sihat, sempurna dan memuaskan kepada Kerajaan. Manakala pembayaran balik bagi anak lembu jantan adalah berdasarkan kepada 80% kos pembelian oleh Kerajaan setelah lembu dijual oleh penternak. Bagaimanapun, bagi kategori lembu baka jantan tiada bayaran balik dikenakan. Sebaliknya, lembu baka jantan tersebut akan terus menjadi milik penternak selepas tamat tiga tahun perjanjian.

5.1.3. Objektif skim PINTAF adalah mewujudkan lebih ramai penternak secara komersial di bidang ternakan ruminan, membantu meningkatkan populasi ternakan ruminan sebagai model replika untuk membuat *reengineering* program pembangunan ruminan dan projek pembasmian kemiskinan desa, mewujudkan penternak lembu dan kambing secara fidlot dan memantapkan industri ternakan yang berdaya saing.

5.1.4. Satu kajian Audit terhadap skim PINTAF ini telah dijalankan pada tahun 2000 hingga 2003 dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2004. Dalam laporan tersebut saya telah melaporkan tentang pembayaran balik kecuali peserta yang menerima bekalan lembu

jantan. Terdapat 17 peserta melibatkan 71 ekor anak lembu masih belum membuat bayaran balik walaupun anak lembu mencapai umur 2 tahun.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan ternakan lembu daging melalui skim PINTAF telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

5.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 manakala aspek prestasi projek adalah bagi tempoh 2004 hingga 2010 iaitu mengikut tempoh 3 hingga 5 tahun seperti ditetapkan dalam syarat perjanjian. Pemeriksaan Audit dijalankan di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak dan 4 Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PVD) iaitu di Larut Matang Dan Selama, Batang Padang, Perak Tengah dan Hulu Perak. Kaedah pengauditan telah dilaksanakan dengan membuat semakan terhadap dokumen dan rekod berkaitan serta lawatan fizikal ke ladang penternak yang telah dipilih. Selain itu, temu bual dengan beberapa penternak dan pegawai Jabatan serta borang soal selidik diedarkan untuk mendapatkan maklum balas.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati beberapa kelemahan seperti pencapaian program yang tidak dapat diukur, rekod pelaksanaan, sistem PINTAF *Online* yang tidak kemas kini, program pemantauan berkala tidak dilaksanakan dan proses pembayaran balik oleh penternak. Secara amnya, pengurusan skim PINTAF daripada aspek pengagihan, pemilihan ternakan dan pembekalan adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan pelaksanaan skim PINTAF antaranya dari aspek peningkatan lembu pedaging, penyediaan tatacara, rekod pemantauan dan penyelesaian bayaran balik. Penemuan Audit mengenai perkara berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

5.4.1. Prestasi PINTAF

5.4.1.1. Pencapaian Program

a. Peningkatan Lembu Pedaging

Mengikut bancian Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak bagi tempoh tahun 2005 hingga 2009 menunjukkan bilangan lembu pedaging adalah meningkat setiap tahun iaitu sebanyak 44,792 ekor pada tahun 2005 kepada 60,959 ekor pada tahun 2009 seperti di **Jadual 5.1**. Peningkatan ini dapat dilihat seperti di **Carta 5.1**. Walaupun bancian yang dijalankan oleh Jabatan menunjukkan peningkatan bilangan lembu pedaging setiap tahun tetapi pihak Jabatan tidak dapat menentukan bilangan sebenar peningkatan tersebut kerana data di PINTAF *Online* tidak menunjukkan jumlah sebenar. Keadaan ini berlaku kerana maklumat agihan dan kelahiran anak lembu pertama sahaja yang direkodkan dalam PINTAF *Online*.

Jadual 5.1
Statistik Bilangan Lembu Pedaging Mengikut Daerah

Daerah	Bilangan Lembu Pedaging Bagi Tahun				
	2005	2006	2007	2008	2009
Hulu Perak	5,075	5,148	6,495	6,629	3,666
Kerian	2,428	2,899	3,227	3,535	3,830
Larut Matang Selama	6,641	6,319	6,176	6,097	6,391
Kuala Kangsar	2,675	2,599	2,833	3,800	4,674
Kinta	5,879	7,364	7,558	7,836	8,823
Manjung	7,426	7,133	7,940	14,283	14,676
Batang Padang	4,231	4,459	4,239	5,764	6,363
Hilir Perak	4,276	4,771	3,883	3,618	5,331
Perak Tengah	6,161	6,865	6,867	7,356	7,205
Jumlah	44,792	47,557	49,218	58,918	60,959

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak

Nota: Maklumat bagi tahun 2010 masih belum dikeluarkan semasa pengauditan dijalankan.

Carta 5.1
Bancian Lembu Pedaging bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2009



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak

a. Prestasi Lembu Pedaging Skim PINTAF

- i. Bilangan ternakan lembu pedaging yang diagihkan kepada penternak di bawah skim PINTAF sejak tahun 2004 sehingga tahun 2009 adalah di antara 305 hingga 990 ekor seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Bilangan Agihan Skim PINTAF Bagi Tempoh Tahun 2004 Hingga 2009

Tahun	Bilangan Agihan			Jumlah
	Lembu Betina/Dara	Anak Lembu Jantan	Lembu Baka	
2004	559	155	2	717
2005	124	116	78	318
2006	109	129	67	305
2007	532	0	104	636
2008	701	0	44	745
2009	906	0	84	990
Jumlah	2,931	400	379	3,711

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak


- ii. Bilangan penternak yang menerima agihan lembu pedaging di bawah skim PINTAF bagi tempoh tahun 2004 hingga 2009 adalah sebanyak 1,038 orang penternak. Kedudukan keseluruhan bilangan penternak adalah seperti di **Jadual 5.3**, manakala **Carta 5.3** menunjukkan trend bilangan penternak mengikut tahun.

Jadual 5.3
Bilangan Penternak Skim PINTAF Bagi Tempoh Tahun 2004 Hingga 2009

Tahun	Bilangan Penternak			
	Lembu Betina/Dara	Anak Lembu Jantan	Lembu Baka	Jumlah
2004	139	25	2	166
2005	35	15	77	127
2006	35	15	74	124
2007	138	0	104	242
2008	89	0	44	133
2009	162	0	84	246
Jumlah	598	55	385	1,038

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak

Carta 5.3
Bilangan Penternak PINTAF Bagi Tempoh Tahun 2004 Hingga 2009



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak

- iii. Jadual dan carta di atas menunjukkan peningkatan terhadap bilangan ternakan dan penternak lembu setiap tahun bagi skim PINTAF namun masih rendah jika dibandingkan dengan populasi lembu Negeri Perak bagi tempoh tahun 2005 hingga 2009 berasaskan kelahiran anak kali pertama. Analisis ini dapat dilihat seperti di **Jadual 5.4** manakala graf perbandingan populasi antara lembu pedaging di Negeri Perak dan lembu pedaging skim PINTAF seperti di **Carta 5.4**.

Jadual 5.4
Perbandingan Bilangan Ternakan Lembu Pedaging Dengan Skim PINTAF


Tahun	Bilangan Ternakan Lembu Pedaging Negeri Perak Secara Kumulatif* (Ekor)	Bilangan Ternakan Skim PINTAF			Catatan
		Agihan Skim PINTAF** (Ekor)	Induk Telah Beranak Kali Pertama (Ekor)	Jumlah Ternakan (Agihan + Beranak kali Pertama) (Ekor)	
2005	44,792	308	62	370	Tiada data lembu beranak selepas kelahiran anak pertama dalam PINTAF <i>Online</i> kerana sudah ada penyelesaian Perjanjian bagi Skim PINTAF
2006	47,557	305	75	380	
2007	49,218	636	152	788	
2008	58,918	745	127	872	
2009	60,959	990	88	1,078	
Jumlah	60,959*	2,984	504	3,488	

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak

* Bancian Lembu Pedaging

** Rekod PINTAF Online

Carta 5.4
Perbandingan Lembu Pedaging Dan Lembu Skim PINTAF Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2009



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak

- iv. Mengikut maklum balas, sasaran PINTAF adalah untuk meningkatkan lebih ramai penternak komersial di bidang ternakan lembu pedaging. Jabatan hanya dapat menentukan bilangan peningkatan lembu pedaging bagi kelahiran anak pertama di bawah skim PINTAF. Kajian impak oleh Jabatan bagi tahun 2000 hingga 2005 menunjukkan prestasi kelahiran anak lembu adalah tinggi iaitu 84.3%.

Pada pendapat Audit, sasaran perlu dinyatakan dalam bentuk kuantitatif bagi menilai keberkesanan sesuatu program. Malahan, Jabatan tidak dapat menyediakan maklumat peningkatan kelahiran selepas anak pertama bilangan lembu setiap tahun melalui sistem PINTAF.

5.4.2. Tranformasi Penternak Ke Arah Komersial

5.4.2.1. Ternakan Lembu Pedaging Negeri Perak

Jabatan telah menetapkan bidang keutamaan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Perak antaranya ialah Transformasi Penternak Ke Arah Komersial. Bidang keutamaan ini selaras dengan Dasar Pengeluaran Daging Lembu Negara iaitu untuk mencapai matlamat populasi ternakan lembu pedaging sebanyak 470,000 ekor menjelang tahun 2010 dan 610,000 menjelang tahun 2015. Jabatan mengelaskan penternak komersial berdasarkan bilangan lembu pedaging bagi seseorang penternak berjumlah 50 ekor atau lebih, semi komersial melebihi 20 hingga 49 ekor dan tradisional antara 1 hingga 19 ekor. Mengikut rekod Jabatan sehingga tahun 2009, ternakan lembu pedaging yang ditenak secara tradisional adalah terbesar iaitu sebanyak 24,012 ekor (43.0%) berbanding komersial 20,148 (36.1%) dan semi komersial sebanyak 11,697 ekor (20.9%). Analisis Audit menunjukkan penternak tradisional mendahului bilangan penternak komersial dan semi komersial iaitu 1,034 orang mewakili 70.8%. Butiran lanjut seperti **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Statistik Penternak Lembu Pedaging Mengikut Daerah Sehingga Tahun 2009

Daerah	Komersial Lebih 50 ekor		Semi Komersial 20-49 ekor		Tradisional 1-19 ekor		Jumlah	
	T	P	T	P	T	P	T	P
Batang Padang	3322	21	2891	55	2192	75	8405	151
Hilir Perak	180	5	26	2	3523	193	3729	200
Hulu Perak	317	4	375	9	831	61	1523	74
Kerian	855	7	1320	27	1655	73	3830	107
Kinta	657	6	1252	25	6651	140	8560	171
Kuala Kangsar	348	5	1099	21	3227	146	4674	172
Larut Matang Selama	1749	32	2104	65	2500	202	6353	299
Manjung	8367	58	1747	46	1464	76	11578	180
Perak Tengah	4353	25	883	14	1969	68	7205	107
Jumlah	20,148	163	11,697	264	24,012	1,034	55,857	1,461

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak

*Nota: T-Bilangan Ternakan P-Bilangan Penternak

5.4.2.2. Ternakan Lembu Pedaging Di Bawah Skim PINTAF

Usaha Jabatan mentransformasikan penternak tradisional kepada penternak semi komersial dan komersial ialah dengan menumpukan kepada penternak secara kelompok dan individu yang berdaya maju. Analisis Audit di 4 Pejabat Veterinar Daerah bagi tahun 2004 hingga 2009 menunjukkan penternak tradisional mendominasi iaitu 239 orang (67%)


berbanding 88 orang (24.6%) bagi kategori semi komersial dan 30 orang (8.4%) bagi kategori komersial. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 5.6**. Kedudukan kategori penternak di 4 daerah adalah seperti di **Carta 5.5**.

Jadual 5.6
Kategori Penternak PINTAF Di Empat Daerah
Bagi Tempoh Tahun 2004 Hingga 2009

Tahun	Penternak Komersial	Penternak Semi Komersial	Penternak Tradisional	Jumlah Penternak
2004	4	10	50	64
2005	5	9	33	47
2006	6	8	22	36
2007	5	25	54	84
2008	6	10	35	51
2009	4	26	45	75
Jumlah	30	88	239	357

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak

Carta 5.5
Bilangan Penternak Di Empat Daerah



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak

a. Penternak Komersial

Analisis Audit mendapati bilangan penternak komersial adalah antara empat dan enam orang bagi tempoh tahun 2004 hingga 2009. Ternakan lembu jantan daripada skim PINTAF hanyalah tambahan sebagai baka pembiakan bagi melengkapkan komposisi lembu betina yang sedia ada.

b. Penternak Semi Komersial

Kedudukan penternak semi komersial tidak menunjukkan peningkatan yang ketara kecuali pada tahun 2009 meningkat kepada 26 orang penternak. Hal ini berlaku kerana Jabatan memberi keutamaan kepada penternak yang berdaya maju untuk dikomersialkan.

c. Penternak Tradisional

Penternak tradisional adalah penternak secara sambilan di samping mempunyai pekerjaan tetap. Mereka ini mendominasi 67% bilangan penternak PINTAF. Melalui penyertaan dalam skim PINTAF, golongan penternak ini diberi latihan, bimbingan, khidmat nasihat dan sebagai dorongan untuk menjadi penternak maju. Bagaimanapun Jabatan tidak mempunyai rekod untuk menunjukkan prestasi pencapaian penternak.

5.4.2.3. Mengikut penjelasan Jabatan, peningkatan bilangan penternak komersial daripada 150 orang pada tahun 2007 kepada 181 orang pada tahun 2009 dan penurunan bilangan penternak tradisional daripada 1,438 orang pada tahun 2007 kepada 1,117 orang pada tahun 2009 menunjukkan usaha untuk mengkomersialkan bilangan penternak telah berjaya.

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian untuk menambah bilangan penternak tradisional kepada semi komersial dan komersial di bawah skim PINTAF masih tidak tercapai kerana peratus penternak tradisional kekal pada tahap 60.0% hingga 78.1% setiap tahun.

5.4.3. Kelemahan Pelaksanaan Skim PINTAF

Secara keseluruhannya pencapaian skim PINTAF daripada aspek pengagihan adalah memuaskan. Bagaimanapun, dari aspek pengurusan rekod, pemilihan peserta dan pemantauan adalah kurang memuaskan. Perkara ini berlaku kerana rekod tidak dikemaskinikan, pemilihan peserta terdiri daripada kelompok atau orang yang sama dan tiada bukti aktiviti pemantauan Jabatan. Pencapaian sebenar kelahiran anak lembu dan bilangan ternakan skim PINTAF dipaparkan di PINTAF *Online* tidak tepat kecuali data di peringkat awal menunjukkan pengagihan kepada penternak. Berikut adalah kelemahan pelaksanaan skim PINTAF:

5.4.3.1. Garis Panduan Atau Manual Operasi PINTAF Tidak Disediakan

Garis panduan atau tatacara pelaksanaan aktiviti merupakan bahan rujukan pegawai dan Jabatan sebagai panduan untuk melaksanakan aktiviti atau program. Semakan Audit mendapati Jabatan mengguna pakai Manual Operasi Prosedur Kualiti Pengurusan bertajuk Penyediaan Dan Penyampaian Perkhidmatan Veterinar Melalui Pembangunan Penternakan Ruminan Kaedah PINTAF di bawah Sistem Kualiti MS ISO 9002:1994 sebagai manual pelaksanaan skim PINTAF. Bagaimanapun, manual tersebut telah tamat tempoh dan tidak diperbaharui sejak tahun 2005. Berdasarkan maklum balas Jabatan, Manual MS ISO di atas sudah memadai dan hanya perlu dikemaskini. Malahan kos untuk memperbaharui pensijilan ISO mencecah RM25 ribu dan ini merupakan kekangan kewangan kepada Jabatan.

5.4.3.2. Sistem PINTAF *Online* Tidak Kemas Kini

Sistem PINTAF *Online* telah dibangunkan oleh kakitangan Jabatan pada tahun 2003. Melalui sistem ini, pegawai di peringkat pengurusan atasan seperti Pengarah Veterinar Negeri dan Ketua-ketua Unit Bahagian Pengeluaran Komoditi dapat mengakses dan mengemas kini data. Sistem ini membolehkan pegawai-pegawai memantau kemajuan pelaksanaan skim tersebut. Di peringkat daerah Pembantu Veterinar Daerah dan Ketua

Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah memasukkan data, menyimpan, mengemas kini, menghapus dan menambah data-data pengembangan ternakan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan pelaksanaan sistem PINTAF *Online* seperti berikut:

a. Rekod Bilangan Kelahiran Anak Lembu Tidak Kemas Kini

Mengikut Perjanjian skim PINTAF, penternak hendaklah melaporkan kelahiran anak lembu kepada Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau wakilnya yang berdekatan dalam masa sebulan selepas kelahiran. Tujuan laporan dan perekodan kelahiran anak lembu adalah untuk menetapkan tarikh pemulangan anak lembu yang berumur 2 tahun dan ke atas atau bayaran balik harga anak lembu sekiranya penternak tidak mahu menyerahkan anak lembu tersebut. Semakan Audit mendapati rekod kelahiran anak lembu bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 di 3 Daerah melibatkan 13 penternak adalah berbeza antara PINTAF *Online* dan rekod di Buku Daftar. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7
Rekod Bilangan Kelahiran Anak Lembu Tidak Kemas Kini

Daerah	Tahun	Bilangan Penternak	Bilangan Kelahiran Anak Lembu		Catatan
			PINTAF <i>Online</i>	Lawatan Audit	
Larut Matang Selama	2007	2	Tiada	7 ekor	Lawatan Audit dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2010
	2008	1	Tiada	2 ekor	
	2009	1	Tiada	1 ekor	
Batang Padang	2008	2	Tiada	5 ekor	
	2009	5	2 ekor	28 ekor	
Hulu Perak	2008	2	Tiada	9 ekor	

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak

Nota: Tiada perbezaan data rekod kelahiran di Daerah Perak Tengah

b. Rekod Bilangan Kematian Lembu Induk Tidak Kemas Kini

Mengikut para 13 dan 14 dalam Perjanjian PINTAF (Pawah), sekiranya terdapat kematian ke atas induk lembu yang diterima, penternak hendaklah memaklumkan kepada Pejabat Veterinar Daerah untuk diperiksa oleh pegawai bagi menentukan punca kematian. Penternak tidak perlu membuat pembayaran balik sekiranya punca kematian bukan disebabkan kelalaian atau kecuaiian pihak penternak. Jabatan akan mengeluarkan sijil kematian dan seterusnya menamatkan perjanjian lembu pawah tersebut selepas siasatan dan pengesahan kematian dilakukan. Semakan Audit mendapati 15 ekor induk lembu mati melibatkan 9 penternak di 3 Daerah tetapi rekod kematian tiada di PINTAF *Online*. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.8**.

Jadual 5.8
Rekod Bilangan Kematian Lembu Induk Berbeza

Daerah	Tahun	Bilangan Penternak	Bilangan Kematian Anak Lembu		Catatan
			PINTAF Online	Lawatan Audit	
Larut Matang Selama	2007	2	Tiada	3 ekor	Lawatan Audit dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2010
	2008	2	Tiada	6 ekor	
	2009	2	Tiada	2 ekor	
Batang Padang	2007	1	Tiada	2 ekor	
Hulu Perak	2008	1	Tiada	1 ekor	
	2009	1	Tiada	1 ekor	

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak

Nota: Tiada perbezaan data rekod kelahiran di Daerah Perak Tengah

c. Tiada Maklumat Peningkatan Bilangan Lembu Selepas Tamat Perjanjian Skim PINTAF

- i. Mengikut rekod Jabatan, sejumlah 1,350 ekor lembu terdiri daripada 797 ekor lembu betina dan bakinya 553 ekor lembu jantan melibatkan 417 penternak telah diagihkan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Daripada jumlah di atas, sejumlah 51 penternak melibatkan 121 ekor lembu telah tamat perjanjian. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak mengemaskini maklumat tentang peningkatan bilangan lembu yang diagihkan selepas tamat tempoh perjanjian PINTAF kerana tiada “field” untuk maklumat berkenaan dalam sistem PINTAF Online. Semakan Audit mendapati maklumat berkaitan 14 penternak di Daerah Hulu Perak yang ditamatkan perjanjian pada bulan Ogos 2010 masih belum dikemaskini. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.9**.

Jadual 5.9
Bilangan Penternak Lembu Tamat Perjanjian

Daerah	Tahun 2004		Tahun 2005		Tahun 2006	
	Penternak	Lembu	Penternak	Lembu	Penternak	Lembu
Perak Tengah	6	10	4	8	1	3
Batang Padang	4	8	-	-	-	-
Larut Matang Selama	5	24	2	4	2	5
Hulu Perak	-	-	1	1	-	-
Kerian	1	2	1	5	1	2
Kuala Kangsar	5	11	1	2	1	4
Manjung	9	15	-	-	-	-
Hilir Perak	3	3	2	7	2	7
Jumlah	33	73	11	27	7	21

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak

- ii. Mengikut maklum balas, Jabatan telah menubuhkan Jawatankuasa bagi memantau dan mengemaskini data secara berperingkat malahan Jabatan telah menjalankan kajian impak bagi tempoh tahun 2000 hingga 2005 seterusnya merangka prosedur dan tatacara bagi pelaksanaan kajian impak secara berkala.

Pada pendapat Audit, pengurusan rekod PINTAF adalah kurang memuaskan kerana maklumat tidak dikemaskini sedangkan ianya merupakan satu mekanisme untuk menilai tahap kemajuan dan status perkembangan skim PINTAF.

5.4.3.3. Pemilihan Peserta

Objektif skim PINTAF ialah menambah bilangan penternak yang mampu berdaya maju serta berpotensi untuk menyumbang kepada pengeluaran hasil ternakan. Untuk mencapai objektif tersebut pemilihan peserta sewajarnya dibuat dengan telus dan terperinci. Semakan Audit mendapati seramai 6 penternak di Daerah Hulu Perak merupakan peserta yang sama menerima lembu jantan dan lembu betina pada setiap tahun antara tahun 2004 hingga 2009. Mengikut maklum balas, Jabatan membuat pemilihan berdasarkan prestasi, kemampuan, keperluan dan tanggungjawab penternak di dalam menyelesaikan pinjaman. Selain itu, Jabatan menjelaskan tidak ada dalam dasar yang meletakkan apa-apa sekatan bagi pemilihan peserta yang sama pada setiap tahun.

Pada pendapat Audit, pemilihan peserta perlu diperluaskan untuk memberi peluang kepada penternak-penternak lain yang berkecukupan.

5.4.3.4. Program Pemantauan Berkala

- a. Pemantauan skim PINTAF dilaksanakan melalui sistem PINTAF *Online* dan lawatan fizikal ke ladang oleh pegawai di Daerah bersekali dengan program lawatan aktiviti. Tujuan pemantauan dibuat adalah untuk mengesan penyakit ternakan dan menilai kemajuan projek. Semakan Audit mendapati Jabatan ada menyediakan laporan Lawatan Terancang Berjadual namun tiada bukti lawatan fizikal dibuat secara berkala. Pihak Audit dimaklumkan bahawa tanggungjawab ini telah dijalankan oleh pegawai Pembantu Veterinar Kanan G26 di Daerah Hulu Perak menerusi pelbagai aktiviti seperti e-permit, mengeluarkan sijil kesihatan, merawat haiwan kesayangan, menjalankan program pengembangan veterinar, memberi khidmat nasihat ternakan dan penyediaan laporan *online* bulanan. Bagaimanapun, satu perancangan yang rapi perlu disediakan agar penyampaian perkhidmatan dapat disampaikan dengan teratur dan berkesan.
- b. Semakan Audit mendapati Jabatan ada menyediakan laporan pemantauan selepas lawatan atau Senarai Semak Pemeriksaan yang mengandungi antaranya maklumat tentang kematian lembu. Borang laporan kematian PINTAF RK-PT34 beserta Sijil Kematian dikeluarkan. Semakan Audit di 4 Daerah yang dilawati mendapati sebanyak 55 ekor lembu mati bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 berpunca daripada pelbagai penyakit seperti di **Jadual 5.10**.

Jadual 5.10
Punca Kematian Lembu

Tahun	Punca Kematian							Jumlah
	<i>General Debility</i>	<i>Racun Urea</i>	<i>Dipatuk Ular</i>	<i>Virus</i>	<i>Pneumonia</i>	<i>Dystocia</i>	<i>Lain - lain</i>	
2007	16	1	1	4	6	2	4	34
2008	6	-	1	2	2	2	1	14
2009	3	-	1	-	1	1	1	7
Jumlah	25	1	3	6	9	5	6	55

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah

- c. Mengikut maklum balas, punca kematian ternakan adalah disebabkan beberapa faktor antaranya disebabkan oleh penyakit dan kemalangan. Kematian ternakan adalah normal sekiranya mencapai 0.5%.

Pada pendapat Audit, laporan kematian adalah kurang memuaskan kerana laporan tidak disertakan bukti bergambar yang menunjukkan 'lembu mati' dan nombor tanda pengenalan sebagai pengesahan kematian.

5.4.3.5. Pemilihan Ternakan Mengikut Spesifikasi

Unit Ternakan Ruminan Besar adalah bertanggungjawab terhadap pelaksanaan, penyeliaan dan pengagihan lembu dan memastikan bekalan lembu yang sihat dan cukup untuk diagihkan kepada penternak. Pemilihan bekalan lembu adalah berdasarkan kepada spesifikasi yang telah ditetapkan dalam dokumen tender. Antara kriteria lembu yang dipilih adalah bebas daripada penyakit, jenis lembu, sihat dan kelihatan gemuk serta mempunyai berat minimum yang ditetapkan dalam tawaran pembekalan. Lembu yang dibekal hendaklah dikumpulkan di Pusat Pengumpulan Lembu (PPL) di kawasan pembekal untuk pemeriksaan oleh Ketua Unit Pembangunan Komoditi atau Ketua Unit Ruminan setelah melalui pemeriksaan fizikal dan menjalani proses timbangan berat (180 kg – 300 kg). Sampel darah diambil untuk dihantar ke Makmal Veterinar bagi tujuan analisis penyakit serta diberi tanda pengenalan. Pemeriksaan Audit mendapati pemilihan lembu telah dilaksanakan mengikut tatacara dalam dokumen kontrak pembelian dan peraturan yang ditetapkan.

a. Pengesahan Fizikal Lembu

Pemeriksaan fizikal adalah penting bagi menentukan pemilihan lembu mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Lembu yang dibekalkan hendaklah mempunyai ciri-ciri yang baik iaitu sihat pada fizikalnya, tidak cacat anggota dan berwarna putih atau kelabu. Selain itu lembu yang dibekalkan hendaklah mempunyai berat badan antara 180 kg hingga 300 kg, umur yang diperlukan antara 17 hingga 36 bulan serta elok penglihatannya. Pengesahan fizikal dilakukan melalui pengamatan iaitu memeriksa keadaan sifat kulit, kepala, leher dan bahu, dada, rangka, badan dan kaki. Umur lembu pula, ditentukan melalui rekod dan bilangan gigi. Anggaran umur lembu boleh ditentukan berdasarkan jumlah gigi yang dimiliki iaitu antara 2 hingga 3 tahun mempunyai 2 pasang gigi dan mempunyai 3 pasang gigi jika berumur antara 3 hingga 4 tahun seperti di **Gambar 5.1**. Semakan Audit mendapati bekalan lembu yang diterima adalah mengikut spesifikasi ditetapkan.

Gambar 5.1
Pemeriksaan Gigi Lembu Untuk
Menentukan Umur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPL Bidor
Tarikh: 26 Oktober 2010

b. Prosedur Timbangan Berat

Timbangan berat perlu dilaksanakan untuk menetapkan harga kos setiap ternakan. Lawatan Audit di Pusat Pengumpulan Lembu (PPL) di Bidor mendapati proses timbangan berat semasa memilih ternakan adalah mematuhi kontrak yang ditetapkan. Penimbang digital telah digunakan sementara bacaan berat diambil setelah lembu berkeadaan tidak bergerak dan bacaan digital stabil. Sebanyak 30 sampel timbangan lembu betina bunting kacukan tempatan telah diambil dan mendapati semuanya telah melepasi berat minimum (170 kg) yang ditetapkan seperti di **Gambar 5.2** hingga **Gambar 5.5**.

Gambar 5.2
Alat Bacaan Penimbang Digital



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPL Bidor
Tarikh: 26 Oktober 2010

Gambar 5.3
Tapak Tempat Timbangan Lembu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPL Bidor
Tarikh: 26 Oktober 2010

Gambar 5.4
Lembu Sedang
Ditimbang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPL Bidor
Tarikh: 26 Oktober 2010

Gambar 5.5
Proses Penyelukkan Bagi Menentukan
Tahap Kebuntingan Lembu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPL Bidor
Tarikh: 26 Oktober 2010

c. Tanda Pengenalan Ternakan Asal Hilang

Tanda pengenalan lembu merupakan kaedah identifikasi secara individu untuk tujuan rekod, pemantauan, program kesihatan dan penilaian produktiviti. Pemasangan tanda pengenalan diberi secara bersiri dan dipasangkan sama ada di telinga kiri atau kanan seperti di **Gambar 5.6** dan **Gambar 5.7**. Nombor tanda pengenalan perlu didaftarkan dan dimasukkan pada surat perjanjian peserta yang terpilih. Lawatan Fizikal Audit ke Pejabat Veterinar Daerah Perak Tengah mendapati sebilangan lembu telah kehilangan nombor tanda pengenalan (*ear tagging*) asal dan lembu akan ditanda semula semasa pemeriksaan rawatan dilakukan. Ini mengakibatkan tanda pengenalan lembu PINTAF telah berubah berbanding dengan maklumat yang terdapat di PINTAF *Online* atau Daftar Lembu Pawah. Mengikut maklum balas Jabatan, penggunaan nombor tanda pengenalan mempunyai kelemahan kerana ia boleh tertanggal atau ditanggalkan. Jabatan bercadang akan menggunakan tanda identifikasi RFID dimasukkan di bawah kulit ternakan atau bolus (dimakan oleh ternakan dan akan berada di dalam usus ternakan) pada tahun 2011 sebagai alternatif bagi mengatasi masalah ini.

Gambar 5.6
Proses Tagging Telinga Lembu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PPL Bidor
Tarikh: 26 Oktober 2010

Gambar 5.7
Proses Tagging Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JPV Perak Tengah
Tarikh: 2 Ogos 2010

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu melaksanakan sistem identifikasi ternakan bagi tujuan pengenalan hak milik dan memantau perkembangan skim PINTAF.

d. Pengambilan Sampel Darah


Pengambilan sampel darah merupakan perkara yang penting dalam proses pemilihan lembu bagi mengenal pasti status penyakit lembu. Lembu dikurung terlebih dahulu sebelum pengambilan darah dilakukan oleh pegawai Veterinar. Lembu yang dipilih diambil sampel darah melebihi 1 mililiter dan sampel darah tersebut dihantar ke makmal dalam tempoh 24 jam. Lawatan Audit mendapati proses pengambilan sampel darah seperti di **Gambar 5.8** dan **Gambar 5.9** adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan. Sebanyak 77 ekor lembu telah dipilih untuk diambil sampel darah dan didapati sebanyak 75 ekor lembu dalam keadaan sihat.

Gambar 5.8
Proses Mengambil Sampel Darah Semasa Lawatan Kesihatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JPV Perak Tengah
Tarikh: 02 Ogos 2010

Gambar 5.9
Proses Mengambil Sampel Darah Semasa Lawatan Kesihatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: JPV Perak Tengah
Tarikh: 02 Ogos 2010

5.4.3.6. Perbandingan Kos Pembelian Lembu Bunting Dan Lembu Dara

- a. Mengikut rekod Jabatan, pembelian lembu betina adalah daripada dara jenis Brahman, Kedah, Kelantan dan kacukan *Bus Indicus* untuk tujuan pengagihan kepada penternak. Bagaimanapun mulai tahun 2008, Jabatan telah beralih kepada pembelian lembu Brahman bunting dan lembu tempatan bunting bertujuan untuk meningkatkan prestasi kelahiran anak. Temu bual pihak Audit dengan penternak di 4 Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah merumuskan prestasi kelahiran lembu bunting adalah kurang memuaskan malahan lembu bunting yang diterima adalah tidak sihat. Alasan penternak adalah lembu bunting tersebut memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dan sering mengalami keguguran semasa proses pengagihan kepada penternak. Bagaimanapun tiada rekod dan laporan di daerah tentang keguguran tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati perolehan lembu betina bunting melibatkan kos lebih tinggi berbanding dengan lembu betina dara. Butiran perbezaan kos pembelian lembu betina dara dengan betina bunting adalah seperti di **Jadual 5.11**. Secara keseluruhannya pada tahun 2008, Jabatan telah membelanjakan RM1.48 juta untuk pembelian lembu betina dara dan RM199,025 untuk lembu betina bunting manakala sejumlah RM899,800 untuk lembu betina dara dan RM899,000 untuk lembu bunting pada tahun 2009.

Jadual 5.11
Perbezaan Kos Pembelian Lembu Betina Dara Dengan Betina Bunting

Tahun	Harga Betina Dara Seekor (RM)	Harga Betina Bunting Seekor (RM)	Perbezaan Harga Seekor (RM)
2008	Dara @ 1,860	Kacukan @ 2,095	235
	Brahman @ 1,890	Brahman @ 2,400	510
2009	Tempatan @ 1,760	Tempatan @ 2,095	335

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah

- b. Berdasarkan maklum balas Jabatan, proses pengangkutan dan pengagihan ternakan amat memberi tekanan kepada lembu bunting dan merupakan faktor yang menyebabkan keguguran. Jabatan juga berpendapat dengan mengandaikan kadar kelahiran 50% bagi pembelian lembu bunting akan lebih menguntungkan sebab kos pemeliharaan lebih rendah berbanding lembu betina dara.

5.4.3.7. Tunggakan Bayaran Penyelesaian

Mengikut Para 4 dalam Surat Perjanjian PINTAF, penternak yang menerima lembu induk betina hendaklah menyerahkan kepada Kerajaan seekor anak daripada lembu pawah, jantan atau betina, berumur kira-kira 2 tahun yang hidup dengan keadaan yang sihat, sempurna dan memuaskan. Adalah menjadi amalan Jabatan untuk menjual anak lembu pawah yang berumur 2 tahun ke atas mengikut kadar harga yang ditetapkan kepada penternak sekiranya penternak berkenaan ingin membeli lembu tersebut kembali. Semakan Audit mendapati sejumlah RM276,459 tunggakan bayaran penyelesaian masih tidak dikutip bagi agihan lembu tahun 2004 hingga 2006. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.12**.

Jadual 5.12
Tunggakan Bayaran Penyelesaian

Tahun	Induk Lembu	RM	Anak Lembu Jantan	RM	Jumlah RM
2004	149	126,650	8	8,257	134,907
2005	43	36,550	27	37,238	73,788
2006	52	44,200	19	23,564	67,764
Jumlah	244	207,400	54	69,059	276,459

Nota: Harga jualan anak lembu kepada penternak adalah RM850 secara purata.

Harga bayaran penyelesaian anak lembu jantan adalah 80% dari harga asal belian.

Mengikut maklum balas, Jabatan tidak dapat mengambil tindakan mengutip bayaran penyelesaian tunggakan kerana kekurangan kakitangan.

Pada pendapat Audit, penyediaan Manual Pelaksanaan Skim PINTAF yang khusus dengan memasukkan syarat perjanjian dan tindakan terhadap penternak yang tidak mematuhi syarat perjanjian perlu diwujudkan.

5.5. SYOR AUDIT

Secara amnya, pihak Audit mendapati pelaksanaan Skim PINTAF dari aspek pengagihan, pemilikan ternakan dan pembekalan telah dijalankan dengan memuaskan. Bagaimanapun, beberapa kelemahan pelaksanaan Skim ini dari aspek peningkatan lembu pedaging, penyediaan tatacara, rekod pemantauan dan bayaran penyelesaian oleh penternak masih boleh dipertingkatkan dengan mengambil perhatian kepada syor-syor berikut:

5.5.1. Menyediakan satu Manual Pelaksanaan Skim PINTAF yang lengkap termasuk menilai semula objektif dan kaedah pelaksanaan skim PINTAF dengan mengambil kira peruntukan kewangan dan golongan sasaran.

5.5.2. Mengemaskini rekod di PINTAF *Online* agar semua maklumat ternakan, prestasi pengembangan penternak dan ternakannya adalah lengkap dan kemas kini.

5.5.3. Aktiviti pemantauan dilakukan secara berkala dan berterusan di peringkat ladang penternak.

5.5.4. Penternak perlu menyelenggara fail sejarah, rekod ternakan supaya Jabatan dapat memantau dengan lebih berkesan.

5.5.5. Mengambil tindakan mengutip bayaran balik tunggakan.

MAJLIS BANDARAYA IPOH

6. PENGURUSAN PREMIS PERNIAGAAN

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Majlis Bandaraya Ipoh (Majlis) ditubuhkan di bawah Seksyen 3, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan telah diisytiharkan sebagai Bandaraya pada 27 Mei 1988. Fungsi utama Majlis adalah membuat perancangan dan kawalan pembangunan, kawalan terhadap bangunan, iklan dan papan tanda, memberikan perkhidmatan pungutan sampah dan kawalan kebersihan bandaraya, pelesenan dan kawalan perniagaan/penjajaan, pembinaan dan penyenggaraan jalan, pengurusan lalu lintas, penyediaan kemudahan awam serta memperbaiki dan menaik taraf kampung baru/tradisi/tersusun dengan penyediaan kemudahan asas.

6.1.2. Bagi melaksanakan fungsinya ke arah penyediaan dan pengurusan premis yang berkesan, beberapa bahagian pentadbiran telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi tersebut mulai daripada perancangan pembinaan, pengisian, pengurusan, penyenggaraan serta pemantauan terhadap kesemua premis perniagaan di bawah kawalan Majlis. Premis perniagaan di bawah kawalan Majlis adalah seperti pasar, medan selera, bangunan kedai dan lot-lot perniagaan.

6.1.3. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010, sejumlah RM4.59 juta telah diperuntukkan bagi penyenggaraan premis perniagaan dan sejumlah RM3.45 juta telah dibelanjakan.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan premis perniagaan di Majlis telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

6.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan premis perniagaan ini melibatkan rekod dan data-data bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2008 hingga 2010. Semakan Audit telah dijalankan di Majlis Bandaraya Ipoh. Skop pengauditan hanya ditumpukan kepada premis perniagaan kepunyaan Majlis Bandaraya seperti pasar, medan selera, gerai, ruang pejabat Wisma Bougainvillea, bengkel dan ruang perdagangan Super Kinta. Pengauditan dilaksanakan dengan membuat semakan dan pemeriksaan dokumen serta lawatan ke premis perniagaan dipilih. Analisis juga dibuat terhadap laporan yang dikeluarkan oleh 4 Jabatan Majlis iaitu Jabatan Kesihatan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan Jabatan Bendahari. Selain itu temu bual dengan pegawai terlibat, penyewa dan pelesen turut dilakukan.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan premis perniagaan oleh Majlis adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah premis perniagaan tidak disewakan, kelemahan kaedah pelaksanaan pengurusan premis perniagaan, kajian semula kadar lesen dan sewa tidak dilakukan, kelemahan pengurusan tunggakan hasil sewa dan lesen, ketidakpatuhan terhadap syarat pelesenan dan sewaan serta kelemahan pemantauan. Penjelasan lanjut berkaitan penemuan Audit adalah seperti berikut:

6.4.1. Premis Perniagaan Tidak Disewa Atau Dilesen

Setiap premis perniagaan yang dibina bertujuan untuk memusatkan aktiviti perniagaan supaya lebih teratur serta memudahkan aktiviti pengawasan dan pengawalan terhadap peniaga. Selain itu, ia juga merupakan sumber pendapatan kepada Majlis melalui aktiviti kutipan sewa dan lesen perniagaan. Semakan Audit mendapati daripada 3,633 unit premis yang dipunyai oleh Majlis di sekitar Bandaraya Ipoh, sebanyak 412 unit masih lagi kosong tanpa penyewa. Maklumat lanjut mengenai prestasi pengisian premis seperti pasar awam, gerai medan selera dan harta sewaan Majlis yang dipilih adalah seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Prestasi Pengisian Premis Perniagaan

Bil.	Jenis Premis	Jumlah Gerai (Unit)	Bilangan Premis Yang Diisi (Unit)	Bilangan Premis Kosong (Unit)
1.	Pasar	3,123	2,806	317
2.	Medan Selera/Gerai	460	373	87
3.	Ruang Wisma Bougainvillea	13	2 - Disewa 5- Digunakan Oleh Majlis	6
4.	Ruang Perdagangan Super Kinta	1	-	1
5.	Bengkel Perindustrian MBI	36	35	1
	Jumlah	3,633		412

Sumber: Rekod Majlis

6.4.1.1. Semakan Audit selanjutnya mendapati premis yang dibina oleh pihak Majlis tidak mempunyai penyewa dan terbiar kosong disebabkan oleh faktor seperti berikut:

a. Lokasi Kurang Strategik

Lokasi yang strategik adalah merupakan antara faktor penting untuk menarik minat peniaga berniaga di kawasan tersebut. Antara faktor yang menyebabkan lokasi premis perniagaan menjadi tidak strategik ialah pembangunan semasa di kawasan persekitaran seperti pembinaan kedai-kedai baru, kawasan perumahan dan sebagainya yang menyebabkan premis perniagaan Majlis menjadi terlindung atau terpencil seperti berikut:

i. Kedudukan Pasar

- Pemeriksaan Audit di pasar Tambun mendapati sebanyak 13 lot atau 28.3% telah disewa atau diisi berbanding jumlah keseluruhan sebanyak 46 lot. Pihak Audit dimaklumkan kekosongan disebabkan lokasi Pasar Tambun terlindung

daripada jalan utama terletak di belakang pembinaan bangunan kedai baru di tepi pasar dan tiada papan tanda menunjukkan lokasi pasar tersebut. Keadaan ini tidak dapat menarik orang ramai atau pembeli untuk berkunjung ke pasar tersebut seperti di **Gambar 6.1** dan **Gambar 6.2**.

Gambar 6.1
Lokasi Pasar Tambun Dari Belakang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Tambun
Tarikh: 20 November 2010

Gambar 6.2
Papan Tanda Yang Telah Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Tambun
Tarikh: 18 Mac 2011

- Pemeriksaan Audit di Pasar Falim mendapati sebanyak 38 lot atau 56.7% telah disewa atau diisi berbanding jumlah keseluruhan iaitu 67 lot. Kekosongan adalah disebabkan oleh lokasi pasar terlindung oleh kawasan perumahan dari jalan utama serta tiada papan tanda menunjukkan lokasi pasar tersebut. Pihak Audit dimaklumkan pasar tersebut kurang dikunjungi kerana lokasinya yang berhampiran dengan pasar borong. Lokasi Pasar Falim adalah seperti di **Gambar 6.3** dan **Gambar 6.4**.

Gambar 6.3
Jalan Masuk Ke Pasar Falim Dari Jalan Utama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Falim
Tarikh: 20 November 2010

Gambar 6.4
Lot Kosong Di Pasar Falim



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Falim
Tarikh: 20 November 2010

- Berdasarkan maklum balas, pemasangan papan tanda di Pasar Tambun dan Pasar Falim telah dilakukan oleh pihak Majlis. Di samping itu, perniagaan masih dijalankan kerana terdapat permintaan daripada penduduk setempat dan golongan Warga Emas.

ii. Kedudukan Medan Selera

Pemeriksaan Audit dilakukan terhadap medan selera dan gerai yang mempunyai kadar kekosongan melebihi 50% daripada jumlah gerai yang dibina. Untuk tujuan ini, Dataran Niaga Taman Kledang dan Gerai Kampung Sungai Tapah telah dipilih.

- Pemeriksaan Audit di Dataran Niaga Taman Kledang mendapati hanya 10 daripada 33 gerai atau 30.3% telah disewa. Kekosongan gerai menyebabkan Majlis gagal mengutip hasil sewa berjumlah RM19,320 setahun. Pihak Audit dimaklumkan peniaga tidak berminat kerana gerai yang disediakan adalah gerai terbuka. Keadaan ini menyebabkan peniaga tidak dapat menyimpan barang perniagaan mereka untuk mengelakkan kejadian kecurian yang kerap berlaku di kawasan tersebut. Selain itu kedudukan medan selera yang dikatakan berhampiran dengan restoran-restoran di taman perumahan juga menyebabkan pelanggan tidak berkunjung ke medan selera berkenaan.
- Pemeriksaan selanjutnya dilakukan di Gerai Kg. Sungai Tapah mendapati daripada 16 buah gerai yang dibina hanya 4 gerai atau 25% sahaja yang diisi manakala 12 gerai lagi masih kosong. Kegagalan Majlis untuk menarik penyewa untuk berniaga di kawasan berkenaan menyebabkan Majlis kerugian hasil sewa berjumlah RM14,400 setahun. Kekosongan disebabkan oleh kedudukan gerai tersebut di penghujung jalan berhampiran mini stadium. Selain itu struktur bangunan yang menghadap ke arah lombong juga tidak dapat menarik orang awam untuk berkunjung ke gerai tersebut. Pihak Audit dimaklumkan gerai Kampung Sungai Tapah dibina di bawah Projek Pembangunan Luar Bandar dan pengurusannya diserahkan kepada pihak Majlis.
- Kedudukan dataran niaga dan gerai adalah seperti di **Gambar 6.5** dan **Gambar 6.6**.

Gambar 6.5
Gerei Terbuka



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dataran Niaga Taman Kledang
Tarikh: 20 November 2010

Gambar 6.6
Gerei Tanpa Penyewa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gerei Kg Sungai Tapah
Tarikh: 20 November 2010

- Berdasarkan maklum balas, pembinaan Dataran Niaga Taman Keledang pada ketika itu adalah berdasarkan permintaan penduduk setempat dan berkonsepkan terbuka manakala Gerei Kg. Sg. Tapah merupakan Projek Pembangunan Luar Bandar yang telah diserahkan kepada Majlis pada tahun 2007. Pihak Majlis telah cuba sedaya upaya untuk menarik minat penyewa untuk berniaga di kawasan ini seperti tidak perlu proses temuduga, tiada kuota gerai dan lain-lain. Pihak Majlis akan meningkatkan usaha untuk menarik minat orang ramai untuk menyewa medan selera berkenaan.

6.4.1.2. Kemudahan Parkir Tidak Disediakan

- Lawatan Audit ke ruang pejabat Wisma Bougainvillea yang mempunyai 10 tingkat mendapati hanya 5 tingkat sahaja digunakan. Pengisian Wisma sehingga tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Pengisian Wisma Bougainvillea Sehingga Tahun 2010

Bil.	Tingkat	Pengisian
1.	Tingkat Bawah	Syarikat Kiasu Computer Retail Store
2.	Tingkat Satu	Kosong semenjak tahun 2006
3.	Tingkat Dua	Kosong semenjak tahun 2006
4.	Tingkat Tiga	Kosong semenjak tahun 2006
5.	Tingkat Empat	Kosong semenjak tahun 2007
6.	Tingkat Lima	Dijadikan Bilik Fail
7.	Tingkat Enam	Dijadikan Bilik Fail
8.	Tingkat Tujuh	Bahagian Pasar Dan Pejabat Pengurusan Bangunan MBI
9.	Tingkat Lapan	Jabatan Hal Ehwal Komuniti MBI
10.	Tingkat Sembilan	Syarikat A Assign Corporation Sdn. Bhd.
11.	Tingkat Sepuluh	Kosong semenjak tahun 2004

Sumber: Rekod Majlis


- b. Pihak Audit dimaklumkan syarikat atau peniaga tidak berminat menyewa ruang niaga di Wisma kerana tiada kemudahan tempat meletak kenderaan. Walaupun tempat meletak kenderaan awam ada disediakan di kawasan persekitaran namun ia sentiasa penuh disebabkan lokasi Wisma terletak di tengah-tengah pusat bandar berhampiran Pasar Besar Ipoh seperti **Gambar 6.7** dan **Gambar 6.8**.

Gambar 6.7
Kawasan Persekitaran Wisma Bougainvillea



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wisma Bougainvillea
Tarikh: 24 Disember 2010

Gambar 6.8
Kesesakan Kawasan Kerana Terletak Berhampiran Pasar Besar Ipoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wisma Bougainvillea
Tarikh: 24 Disember 2010

- c. Kegagalan Majlis untuk menarik peniaga untuk menyewa di ruang pejabat berkenaan menyebabkan Majlis mengalami kerugian hasil kutipan sewa berjumlah RM43,124 sebulan atau RM2.68 juta bagi tempoh 54 hingga 78 bulan sekiranya tidak disewakan seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Pengisian Wisma Bougainvillea Sehingga Tahun 2010

Bil.	Tingkat	Tempoh Kekosongan (Bulan)	Keluasan (s.k.p.)	Kadar (s.k.p) (RM)	Sewa Sepatut Terima Sebulan (RM)	Sewa Sepatut Terima Hingga Tahun 2010 (RM)
1.	Satu	54	4,116	1.70	6,997	377,849
2.	Dua	54	3,915	1.50	5,873	317,115
3.	Tiga	54	4,075	1.50	6,113	330,075
4.	Empat	47	4,195	1.70	7,132	335,181
5.	Lima	77	4,725	1.90	8,978	691,268
6.	Sepuluh	78	4,725	1.70	8,033	626,535
Jumlah					43,126	2,678,023

Sumber: Rekod Majlis

- d. Pihak Majlis memaklumkan bahawa terdapat lebih 300 petak letak kereta telah disediakan di 'Basement Car Park' di bangunan bersebelahan iaitu Pasar Besar Ipoh. Bagi menarik minat penyewa, pelbagai usaha tetap dibuat oleh Pihak Majlis seperti

menaikkan banner, memasukkan iklan dalam laman sesawang serta mengadakan promosi semasa pameran hartanah.

6.4.1.3. Faktor Persekitaran

- a. Faktor persekitaran seperti persaingan juga menyumbang kepada pengisian premis perniagaan yang dibina oleh Majlis. Persaingan daripada peniaga yang menjalankan perniagaan di luar dan dalam kawasan berhampiran pasar turut menyebabkan peniaga di dalam pasar terpaksa menanggung risiko kerugian. Selain itu peniaga haram turut menjadi beban kepada peniaga sedia ada. Lawatan Audit di Pasar Bercham mendapati kebanyakan aktiviti perniagaan berlaku di luar bangunan pasar berbanding di dalam bangunan pasar. Selain itu terdapat juga peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan di dalam bangunan pasar tetapi tidak menggunakan petak yang disediakan oleh Majlis tetapi menjalankan perniagaan di kawasan laluan. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada peniaga terbabit dikenakan lesen oleh Majlis. Keadaan ini menyebabkan objektif pembinaan pasar iaitu untuk memusatkan aktiviti perniagaan serta memastikan aktiviti perniagaan dapat dijalankan dalam keadaan yang kemas dan teratur sukar dicapai. Masalah peniaga haram yang tidak dibendung dan dibiarkan berterusan boleh menyebabkan peniaga akan beralih berniaga di luar pasar. Contoh yang berlaku di luar kawasan pasar berhampiran pasar atau di dalam pasar adalah seperti seperti di **Gambar 6.9** hingga **Gambar 6.12**. Berdasarkan maklum balas, peniaga-peniaga dalam kawasan berpagar Pasar Bercham mempunyai lesen dan mereka merupakan peniaga dari Lorong Bercham 4 yang dipindah masuk ke pasar ini. Manakala peniaga tanpa lesen yang berada di luar pasar kerap dikompaun oleh anggota Penguatkuasa Majlis.

Gambar 6.9
Lot Niaga Kosong



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Bercham
Tarikh: 24 Disember 2010*

Gambar 6.10
Lot Niaga Kosong



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Bercham
Tarikh: 24 Disember 2010*

Gambar 6.11
Peniaga Berniaga Di Kawasan Laluan Pasar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Bercham
Tarikh: 24 Disember 2010

Gambar 6.12
Peniaga Di Luar Kawasan Pasar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Bercham
Tarikh: 24 Disember 2010

- b. Semakan Audit di Ruang Perdagangan Super Kinta mendapati ruang tersebut telah tidak mempunyai penyewa semenjak tahun 2005. Penyewa terakhir yang menyewa ruang tersebut adalah Super Kinta Departmental Store dengan kadar sewa berjumlah RM130,521 sebulan. Syarikat tersebut tidak lagi menyewa setelah gagal menyelesaikan tunggakan sewa berjumlah RM3.07 juta. Tindakan mahkamah telah diambil terhadap penyewa berkenaan dan Majlis memperolehi pemilikan kosong pada 6 Jun 2007 dan perkara ini telah difailkan di bawah penggulungan syarikat bertarikh 6 Mac 2009. Sehingga tahun 2010, masih tiada penyewa yang menyewa ruang berkenaan. Pelbagai usaha promosi dilakukan tetapi kelembapan tarikan terhadap premis berkenaan berpunca dari pembangunan pasaraya masa kini adalah ke arah berdekatan dengan kawasan skim perumahan. Kegagalan Majlis menyewakan ruang perdagangan tersebut menyebabkan Majlis kerugian hasil berjumlah RM1.57 juta setahun.

6.4.1.4. Promosi Kurang Berkesan

- a. Promosi diadakan bertujuan untuk memberitahu dan menarik minat bakal penyewa atau penyewa yang berpotensi untuk menjalankan aktiviti perniagaan di premis Majlis. Semakan Audit mendapati Majlis menampalkan notis atau iklan kekosongan di papan kenyataan Majlis atau di premis berkenaan untuk memaklumkan berkaitan kekosongan tersebut. Selain itu kekosongan ruang niaga juga diiklankan dalam laman sesawang Majlis. Pemeriksaan Audit di Medan Selera Tun Abdul Razak mendapati kekosongan gerai diiklankan di papan kenyataan yang terdapat di kawasan berkenaan. Papan kenyataan tersebut tidak disenggarakan dengan memuaskan seperti di **Gambar 6.13** dan **Gambar 6.14**.

Gambar 6.13
Papan Kenyataan Yang Usang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Selera Tun Abdul Razak
Tarikh: 24 Disember 2010

Gambar 6.14
Papan Kenyataan Yang Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Selera Tun Abdul Razak
Tarikh: 18 Mac 2011

- b. Pihak Majlis seharusnya menyenggarakan papan kenyataan tersebut dengan kemas supaya dapat menarik minat orang ramai untuk membaca setiap notis yang ditampal. Selain itu kaedah promosi yang digunakan oleh Majlis juga perlu dipelbagaikan memandangkan media promosi yang diguna pakai tidak menyeluruh, hanya orang awam yang selalu berurusan di Majlis sahaja akan mengetahui berkaitan tawaran tersebut serta peniaga sedia ada di kawasan berlaku kekosongan dan orang awam yang melayari laman sesawang Majlis.
- c. Setelah mendapat teguran Audit, pembaikan telah dibuat terhadap papan kenyataan di lokasi berkenaan. Hebahan berkaitan kekosongan Medan Selera dibuat di papan-papan kenyataan kawasan, papan kenyataan di Ibu Pejabat MBI, di laman sesawang dan akan mempergiatkan lagi hebahan seperti melalui hebahan radio tempatan dan juga media cetak.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya didapati penyewaan premis perniagaan di beberapa lokasi yang terpilih adalah tidak memuaskan disebabkan beberapa perkara penting di peringkat pemantauan, penguatkuasaan dan promosi tidak dilaksanakan dengan berkesan.

6.4.2. Penyenggaraan Kurang Memuaskan

6.4.2.1. Bahagian Kerja Dan Bangunan di bawah Jabatan Kejuruteraan bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan bangunan Majlis. Kerja-kerja pembaikan kecil yang perlu disegerakan dilaksanakan terus oleh Jabatan manakala kerja-kerja penyenggaraan yang besar dan penyenggaraan berkala dilaksanakan secara kontrak tahunan. Majlis telah membelanjakan sejumlah RM1.06 juta bagi kerja-kerja penyenggaraan pasar, gerai dan bangunan-bangunan perniagaan lain yang disewakan Majlis bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Kontraktor melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan berdasarkan arahan daripada Bahagian Kerja Dan Bangunan dengan amaun peruntukan yang telah diluluskan. Penyenggaraan dibahagikan mengikut

zon iaitu Zon B1, B2 dan D2. Antara kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah seperti mengganti bumbung, kerja-kerja konkrit lantai, mengganti *cover manhole*, membaiki pintu *roller shutter*, kerja baik pulih gerai, penggantian paip dan sebagainya. Lawatan Audit ke beberapa lokasi mendapati terdapat premis perniagaan tidak disenggarakan dengan memuaskan seperti kemudahan awam yang disediakan bagi kegunaan pelanggan sudah tidak selamat digunakan, terdapat kerusi meja makan yang disediakan untuk kegunaan pelanggan telah tercabut, reput dan berkarat serta tidak sesuai digunakan kerana boleh membahayakan keselamatan pengguna. Selain itu kemudahan lain seperti tempat mencuci tangan dan *interlocking* juga tidak disenggarakan dengan baik dan memuaskan. Keadaan kerusi meja, tempat mencuci tangan dan *interlocking* yang tidak disenggarakan seperti **Gambar 6.15** hingga **Gambar 6.18**.

Gambar 6.15
Kerusi Yang Telah Reput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dataran Niaga Taman Kledang
Tarikh: 30 Ogos 2010

Gambar 6.16
Kerusi Yang Tercabut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gerai Kg. Sg. Tapah
Tarikh: 30 Ogos 2010

Gambar 6.17
Sinki Untuk Kegunaan Pelanggan Yang Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gerai Kg. Sg. Tapah
Tarikh: 5 Januari 2011

Gambar 6.18
Interlocking Yang Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gerai Kg. Sg. Tapah
Tarikh: 5 Januari 2011

6.4.2.2. Semakan Audit mendapati, peruntukan tersebut juga digunakan bagi memperbaiki kemudahan awam seperti tandas awam yang disediakan di pasar dan medan selera. Pihak Audit dimaklumkan aduan berkaitan kerosakan tandas serta kecurian kerap berlaku. Selain itu kejadian kebakaran juga berlaku di medan selera Tun Abdul Razak pada bulan Oktober 2010. Lawatan Audit mendapati kegiatan vandalisme masih berlaku terhadap kemudahan awam serta premis perniagaan seperti **Gambar 6.19** hingga **Gambar 6.22**.

Gambar 6.19
Tiada Penutup Lubang Berhampiran Tandas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dataran Niaga Taman Kledang
Tarikh: 20 November 2010

Gambar 6.20
Besi Penutup Longkang Telah Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dataran Niaga Taman Kledang
Tarikh: 20 November 2010

Gambar 6.21
Pintu Dan Suis Lampu Tandas Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gerai Kg. Sg. Tapah
Tarikh: 5 Januari 2011

Gambar 6.22
Gerei Terbakar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Selera Tun Abdul Razak
Tarikh: 5 Januari 2011

6.4.2.3. Berdasarkan maklum balas, pihak Majlis telah membaiki kerosakan di Dataran Niaga Taman Keledang dan Gerai Kg. Sg. Tapah. Bagi tujuan penambahbaikan terhadap Pasar dan Medan Selera, bermula pada tahun 2011, Majlis telah mewujudkan satu peruntukan khas masing-masing berjumlah RM500,000 untuk Pasar dan RM500,000 untuk Medan Selera.

Pada pendapat Audit, kaedah pelaksanaan yang digunakan oleh Majlis perlu dipertingkatkan bagi memastikan pengguna serta peniaga mendapat keselesaan. Di samping itu Majlis perlu memantau secara berterusan bagi memastikan setiap peruntukan yang disalurkan mendatangkan manfaat kepada pelanggan atau orang awam.

6.4.3. Penetapan Kadar Lesen Dan Sewa Pasar Awam

6.4.3.1. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Undang-undang Kecil Mengawal Pasar Awam Dan Pasar Swasta (Majlis Bandaraya Ipoh) (Pindaan 1990) menetapkan kadar lesen dan sewa bagi pasar awam dan pasar swasta. Kadar yang dikenakan bergantung pada lokasi pasar, keluasan, jenis perniagaan yang dijalankan seperti menjual daging, ikan, sayur-sayuran, buah-buahan, makanan bermasak dan lain-lain. Semakan Audit terhadap kadar lesen dan sewa pasar awam bagi 10 jenis perniagaan adalah seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4
Kadar Lesen Dan Sewa Pasar Awam

Bil.	Jenis Perniagaan	Pasar Awam	Pasar Besar Ipoh	
		Kadar Lesen Sebulan (RM)	Kadar Sewa Sebulan (RM)	Kadar Lesen Sebulan (RM)
1.	Daging Lembu	20 - 40	40	20 - 40
2.	Ayam	20 - 40	40	20 - 40
3.	Ikan	20 - 220	30	20 - 220
4.	Sayur-sayuran	15-130	30	15-130
5.	Buah-buahan	15 - 70	70	15 - 70
6.	Makanan Bermasak	15-50	40	15-50
7.	Telur	15 - 30	50	15 - 30
8.	Barang Runcit	15-35	60	15-35
9.	Tauge	15-30	30	15-30
10.	Kelapa	15-20	50	15-20

Sumber: Rekod Majlis

6.4.3.2. Kadar lesen dan sewa bagi pasar hanya dibuat pindaan pada tahun 1990 bagi Pasar Besar Ipoh sahaja manakala bagi pasar-pasar awam yang lain dan pasar swasta, kadar lesen dan sewa adalah berdasarkan kepada kadar yang ditetapkan pada tahun 1984. Analisis Audit terhadap 10 jenis perniagaan mendapati kadar lesen yang dikenakan adalah antara RM15 hingga RM220 sebulan atau RM0.50 hingga RM7.33 sehari. Kadar lesen yang tinggi dikenakan adalah bagi perniagaan ikan di pasar borong iaitu antara RM120 hingga RM220 sebulan berbanding pasar lain iaitu antara RM20 hingga RM30 sebulan kerana keluasan petak niaga yang disediakan antara 24.79 meter persegi berbanding keluasan pasar lain yang lebih kecil iaitu antara 6.10 meter persegi hingga 7.43 meter persegi. Begitu juga dengan kadar lesen bagi perniagaan sayur di pasar borong juga adalah tinggi iaitu antara RM100 hingga RM130 sebulan berbanding kadar lesen pasar lain iaitu antara RM15 hingga RM30 sebulan. Semakan Audit mendapati kadar lesen yang dikenakan adalah rendah berbanding kos penyenggaraan dan perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis. Oleh itu Majlis perlulah mengkaji semula kadar lesen dan sewa memandangkan sudah 26 tahun Majlis mengenakan kadar lesen dan sewa yang sama

kepada pelesen dan penyewa. Kadar baru tersebut perlulah mengambil kira keadaan ekonomi semasa serta kos yang perlu ditanggung oleh Majlis dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang awam. Berdasarkan maklum balas, Majlis telah cuba untuk menaikkan kadar lesen sebanyak 3 kali dalam tempoh 26 tahun tetapi telah menerima arahan daripada Pihak Kerajaan Negeri supaya tidak menaikkan kadar lesen ini. Pada tahun 2009, Pihak Kerajaan Negeri telah mengeluarkan arahan untuk memberi pengurangan 50% kadar lesen kepada peniaga-peniaga kecil di Pasar Awam, Pasar Malam dan Pasar Tani.

6.4.4. Kutipan Hasil Sewa Dan Tunggakan

6.4.4.1. Kaedah kutipan sewa bagi medan selera, Wisma Bougainvillea dan bengkel perindustrian Falim dikutip pada atau sebelum 7 hari bulan pada setiap bulan dan Pasar Besar Ipoh bayaran sewa perlu dijelaskan pada 1 hari bulan pada setiap bulan. Bil kutipan sewa bagi Pasar Besar Ipoh dikeluarkan sebanyak 4 kali dalam setahun iaitu pada bulan Januari bagi kutipan Januari hingga Mac, pada bulan April bagi kutipan April hingga Jun, pada bulan Julai bagi kutipan bulan Julai hingga September dan pada bulan Oktober bagi kutipan bulan Oktober hingga Disember. Tindakan akan diambil terhadap penyewa yang gagal menjelaskan tunggakan sewa melebihi 2 bulan. Penyewa dikehendaki menjelaskan tunggakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis. Sekiranya tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut lesen dan sewaan akan dibatalkan dan tindakan mengosongkan premis akan dilaksanakan.

6.4.4.2. Semakan Audit mendapati kutipan hasil sewa bagi Pasar Besar Ipoh, gerai berkunci MBI, Wisma Bougainvillea dan bengkel perindustrian Falim yang diterima adalah berjumlah RM80,087 bagi tahun 2010 meninggalkan baki tunggakan sewa berjumlah RM3.77 juta atau 17.8% daripada jumlah keseluruhan penghutang sewaan RM21.22 juta. Ini disebabkan tunggakan sewa bagi Ruang Perdagangan Super Kinta masih lagi tertunggak dan masih dalam tindakan mahkamah untuk mendapatkan baki tunggakan tersebut. Butiran pendapatan sewa dan tunggakan adalah seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5
Pendapatan Sewa Dan Tunggakan Bagi Tahun Berakhir Disember 2010

Bil.	Jenis Premis	Baki Awal	Sewa Patut Terima (RM)	Sewa Diterima (RM)	Baki Tunggakan 31 Disember (RM)
1.	Pasar Besar Ipoh	183,387	2,550	20,110	165,827
2	Gerai Berkunci MBI	290,521	39,470	40,000	289,991
3	Wisma Bougainvillea	144,265	12,373	4,227	152,411
4	Bengkel Perindustrian Falim	88,850	16,000	15,750	89,100
5	Ruang Perdagangan (Super Kinta)	3,067,918	-	-	3,067,918
Jumlah		3,774,941	70,393	80,087	3,765,247

Sumber: Laporan Tunggakan (AKT)

6.4.4.3. Semakan Audit selanjutnya terhadap laporan tunggakan sewa bulan Oktober 2010 bagi Pasar Besar Ipoh, Wisma Bougainvillea dan Bengkel Perindustrian Falim serta laporan tunggakan sewa bagi 16 medan selera yang melebihi 2 bulan mendapati tempoh tunggakan adalah di antara 3 hingga 18 bulan seperti di **Jadual 6.6**.

Jadual 6.6
Kedudukan Tunggakan Sewa Premis Setakat Bulan Oktober Dan November 2010

Bil.	Jenis Premis	Bilangan Penyewa Tertunggak	Tempoh Tunggakan (Bulan)	Jumlah Tunggakan (RM)
1.	Pasar Besar Ipoh	196	3 hingga 12	67,094
2.	16 Medan Selera/Gerai/Dataran	184	3 hingga 18	103,390
3.	Wisma Bougainvillea	3	4 hingga 10	132,774
4.	Bengkel Perindustrian Falim	14	3 hingga 9	26,700
Jumlah		397		329,958

Sumber: Laporan Tunggakan

6.4.4.4. Pemeriksaan Audit terhadap fail penyewa mendapati Majlis tidak mengambil tindakan susulan terhadap penyewa yang gagal menjelaskan tunggakan sewa menyebabkan jumlah tunggakan terus meningkat.

- a. Pemeriksaan Audit di Wisma Bougainvillea mendapati penyewa iaitu Kiasu Computer Retail Store mempunyai tunggakan sewa selama 9 bulan berjumlah RM77,389 setakat bulan Oktober 2010, tetapi masih menjalankan perniagaan seperti di **Gambar 6.23**.

Gambar 6.23
Kiasu Computer Retail Store



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Wisma Bougainvillea
Tarikh: 24 Disember 2010*

- b. Pemeriksaan Audit di Bengkel Perindustrian Falim mendapati seramai 11 penyewa yang mempunyai tunggakan sewa berjumlah RM21,700 setakat bulan Oktober 2010 dengan tempoh tunggakan antara 3 hingga 9 bulan masih menjalankan perniagaan seperti **Gambar 6.24** dan **Gambar 6.25**.

Gambar 6.24
Syarikat Yang Mempunyai
Tunggakan Sewa 4 Bulan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bengkel Perindustrian Falim
 Tarikh: 20 November 2010

Gambar 6.25
Syarikat Yang Mempunyai
Tunggakan Sewa 4 Bulan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bengkel Perindustrian Falim
 Tarikh: 20 November 2010

- c. Pihak Majlis perlu mengambil tindakan terhadap peniaga yang mempunyai tunggakan sewa seperti memberi amaran lisan, mengeluarkan notis tunggakan dan tindakan mengunci atau menyita premis. Semakan Audit di 5 medan selera mendapati seramai 31 peniaga yang mempunyai tunggakan sewa melebihi 4 bulan sehingga bulan September 2010 masih tidak diberi sebarang notis seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.7
Tunggakan Sewa Sehingga Bulan September 2010

Bil.	Medan Selera	Bilangan Penyewa	Jumlah Tunggakan (RM)
1.	Medan Selera Dato' Sagor	2	400-600
2.	Medan Selera Tahwil Azhar	8	500-1,000
3.	Medan Selera Desa Aman	3	400-900
4.	Gerai Berkunci Sam Poh Tong	6	400-600
5.	Medan Selera Tun Abdul Razak	12	400-1,600
Jumlah		31	

Sumber: Rekod Majlis

- d. Berdasarkan maklum balas, Majlis telah bersetuju untuk menerima permohonan penyewa Wisma Bougainvillea untuk menangguhkan pembayaran sewaan dan bayaran dibuat secara ansuran memandangkan pihak Syarikat telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar bagi kerja-kerja ubahsuai. Syarat yang ditetapkan adalah pembayaran bagi tahun semasa mesti dijelaskan. Mengikut rekod terkini sewaan bagi tahun 2011 telah pun dijelaskan. Bagi Bengkel Perindustrian Falim, Majlis telah mengeluarkan notis bagi tunggakan sewaan dan penyewa telah datang membuat perjanjian untuk membayar secara ansuran. Majlis masih membenarkan penyewa meneruskan perniagaan setelah mereka menandatangani perjanjian tersebut. Bagi tunggakan Ruang Perdagangan Super Kinta, pada penghujung tahun 2010, proses hapuskira sebanyak RM3.07 juta telah dibuat dan diluluskan dan disahkan dalam Majlis Penuh. Penyewa yang mempunyai tunggakan melebihi 3 bulan telah

menjelaskan sebahagian tunggakan dan telah menandatangani perjanjian pembayaran secara ansuran.

Pada pendapat Audit, kutipan hasil sewa premis perniagaan dan pasar tidak memuaskan kerana masih terdapat tunggakan yang tidak dapat dikutip sepenuhnya. Tindakan terhadap penyewa yang gagal menjelaskan tunggakan sewa perlu dilaksanakan segera supaya premis tersebut dapat disewakan kepada pihak lain sekiranya mereka tidak mampu menyelesaikan tunggakan.

6.4.5. Kutipan Hasil Lesen Pasar Dan Medan Selera

Semua bil pembaharuan lesen premis, iklan, penaja dan pasar akan dikeluarkan sebelum 15 Januari setiap tahun. Merujuk kepada peraturan yang ditetapkan bayaran lesen perlu dijelaskan sebelum atau dalam tempoh 2 minggu (14 hari) dari tarikh bil dikeluarkan atau diterima. Analisis Audit mendapati jumlah kutipan lesen pasar dan gerai berkunci MBI bagi tempoh tahun 2008 hingga Oktober 2010 adalah berjumlah RM3.23 juta. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada tunggakan berkaitan kutipan lesen dilaporkan di dalam penyata. Pendapatan kutipan lesen bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 6.8**.

Jadual 6.8
Pendapatan Lesen Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Jenis Premis	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (Oktober) (RM)	Jumlah (RM)
1.	Pasar	1,080,710	980,3480	920,166	2,981,224
2.	Gerai Berkunci	91,620	86,700	70,944	249,264
Jumlah		1,172,330	1,067,048	991,110	3,230,488

Sumber: Laporan Penyata Bulanan Hasil Dan Kutipan

6.4.6. Syarat Sewaan Dan Lesen Tidak Dipatuhi

Setiap penyewa dan pelesen dikehendaki mematuhi setiap syarat sewaan dan lesen yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Kegagalan peniaga berbuat demikian akan dikenakan tindakan kompaun mengikut jenis kesalahan yang dilakukan. Pemeriksaan Audit di beberapa premis perniagaan Majlis mendapati masih terdapat peniaga yang melanggar syarat sewaan dan lesen yang ditetapkan seperti berikut:

6.4.6.1. Perniagaan Tidak Dijalankan Oleh Penyewa/Pelesen Asal

- a. Mengikut syarat perjanjian, penyewa tidak dibenarkan menyewakan tapak, memindah usaha, menyerahkan milik atau mencagarkan premis tersebut atau mana-mana bahagian darinya kepada orang lain tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis dan jika didapati penyewa melanggar syarat, perjanjian akan terbatal dan penyewa boleh didakwa kerana telah menyalahgunakan harta milik Majlis. Semakan Audit terhadap pelesen di 4 buah pasar dan 7 medan selera adalah seperti di **Jadual 6.9**.

Jadual 6.9
Perniagaan Tidak Dijalankan Oleh Pelesen Asal

Lokasi Premis Perniagaan	Bil Pelesen Disemak	Perniagaan Dijalankan Oleh Pelesen	Perniagaan Tidak Dijalankan Oleh Pelesen
Pasar Borong Sg. Pari	10	7	3
Pasar Besar Ipoh	10	5	5
Pasar Menglembu	10	6	4
Pasar Falim	4	0	4
7 Medan Selera	37	19	18
Jumlah	71	37	34

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Semakan Audit mendapati 34 pelesen atau 47.9% daripada 71 pelesen tidak menjalankan perniagaan semasa lawatan. Pihak Audit dimaklumkan oleh peniaga di lokasi tersebut mereka bekerja bagi pihak pelesen dan dalam proses pertukaran hak milik. Oleh sebab itu pelesen tiada di lokasi. Majlis membenarkan penyewa premis melantik nominee sekiranya penyewa asal sakit, mengerjakan haji dan lain-lain. Lantikan ini adalah sementara dan tempoh maksimum adalah setahun dan ini memang dibenarkan dalam syarat- syarat perlesenan gerai.

6.4.6.2. Lesen Perniagaan Tidak Dipamerkan

- a. Merujuk kepada Undang-undang Kecil Mengawal Pasar Awam Dan Pasar Swasta (Majlis Bandaraya Ipoh) Bahagian XIV Seksyen 107(5), tiap-tiap orang yang telah diberi lesen hendaklah mempamerkan lesennya itu pada setiap masa di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis berlesen itu dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa meminta lesen itu dikemukakan. Sekiranya tidak dipamerkan, individu tersebut boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM500.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Semakan Audit di 6 pasar yang dilawati mendapati kesemua peniaga di pasar tersebut tidak mempamerkan lesen perniagaan mereka. Pihak Audit dimaklumkan, pelesen tidak mempamerkan lesen mereka kerana berpendapat ia tidak praktikal dipamerkan disebabkan jenis perniagaan mereka boleh menyebabkan lesen tersebut mudah rosak selain bimbang ia dicuri. Semakan Audit di 7 medan selera melibatkan 37 pelesen mendapati hanya 4 pelesen sahaja yang mempamerkan lesen perniagaan mereka manakala seramai 33 pelesen tidak mempamerkan lesen seperti di **Jadual 6.10**.

Jadual 6.10
Pematuhan Syarat Mempamerkan Lesen Perniagaan

Bil.	Lokasi	Bilangan Pelesen Disemak	Lesen Dipamerkan	Tidak Mempamerkan Lesen
1.	Medan Selera Dato' Sagor	6	1	5
2.	Dataran Niaga Taman Keledang	3	0	3
3.	Medan Selera Tun Abdul Razak	10	3	7
4.	Gerai Sungai Tapah (Berhawa Dingin)	1	0	1
5.	Gerai Berkunci Sam Poh Tong	8	0	8
6.	Medan Selera Dato' Tahwil Azhar	7	0	7
7.	Medan Selera Desa Aman	2	0	2
Jumlah		37	4	33

Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Berdasarkan maklum balas, sebanyak 5,460 kompaun telah dikeluarkan berjumlah RM148,600 untuk kesalahan-kesalahan pelesenan perniagaan untuk tahun 2010. Nasihat/amaran/notis dan kompaun akan dikeluarkan terhadap peniaga sekiranya didapati peniaga tidak mempamerkan lesen perniagaan. Pihak Majlis akan mempergiatkan tindakan penguatkuasaan bagi kes-kes ini.

6.4.6.3. Menghalang Dan Menutup Longkang Awam Dan Laluan Disebabkan Oleh Aktiviti Perniagaan


- a. Merujuk kepada syarat perjanjian, penyewa dilarang meletak, berdiri atau menempatkan gerai atau tempat jualan melebihi had yang diperuntukkan dan tiada kajang atau penutup boleh merentang melebihi 30 sentimeter daripada gerai atau tempat jualan. Lawatan Audit mendapati peniaga meletakkan barangan perniagaan mereka di atas longkang seperti **Gambar 6.26** dan **Gambar 6.27**. Pihak Audit dimaklumkan tindakan peniaga meletakkan barang perniagaan dan menghalang laluan longkang akan menyukarkan kakitangan Majlis untuk melakukan kerja-kerja pembersihan.

Gambar 6.26
Kotak Menghalang Longkang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Canning
Tarikh: 20 November 2010

Gambar 6.27
Barang Perniagaan Diletakkan Menghalang Longkang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Besar Ipoh
Tarikh: 24 Disember 2010

- b. Berdasarkan maklum balas, Majlis secara budi bicara telah membenarkan peniaga meletakkan barang-barang perniagaan di atas kawasan longkang atas alasan ruang perniagaan yang kecil dan barang perniagaan yang banyak. Persetujuan bersama telah dibuat dimana barang-barang akan dialihkan semasa kerja-kerja pembersihan dilaksanakan.

6.4.6.4. Meletakkan Barang Perniagaan Dan Menjalankan Perniagaan Melebihi Had Yang Diperuntukkan

- a. Mengikut syarat perjanjian, peniaga tidak dibenarkan meletakkan barang perniagaan dan menjalankan perniagaan melebihi had yang diperuntukkan. Lawatan Audit ke beberapa buah pasar mendapati kebanyakan peniaga melanggar syarat tersebut dengan meletakkan barang perniagaan mereka melebihi had yang dibenarkan seperti di **Gambar 6.28** hingga **Gambar 6.31**.

Gambar 6.28
Barang Perniagaan Diletakkan Melebihi Had Yang Dibenarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Besar Ipoh
Tarikh: 24 Disember 2010

Gambar 6.29
Barang Perniagaan Diletakkan Melebihi Had Yang Dibenarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Medan Selera Dato' Sagor
Tarikh: 24 Disember 2010

Gambar 6.30
Barang Perniagaan Diletakkan Melebihi Had Yang Dibenarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Canning
Tarikh: 20 November 2010

Gambar 6.31
Barang Perniagaan Diletakkan Melebihi Had Yang Dibenarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Bercham
Tarikh: 24 Disember 2010

- b. Berdasarkan maklum balas, Majlis telah mengambil tindakan segera di Medan Selera Dato' Sagor. Bagi pelesen di Pasar Besar Ipoh, satu permohonan telah diterima daripada pelesen di kawasan tersebut bagi meletakkan barang niaga tambahan 2 kaki daripada petak gerai. Majlis secara budi bicara telah memberikan kebenaran ini atas alasan saiz petak gerai yang kecil dan terhad.

6.4.6.5. Menjalankan Perniagaan Menggunakan Petak Yang Tidak Mempunyai Pelesen Atau Penyewa

Ketiadaan pemantauan terhadap premis perniagaan yang kosong menyebabkan peniaga lain menggunakan premis tersebut untuk berniaga seperti di **Gambar 6.32** hingga **Gambar 6.35**.

Gambar 6.32
Peniaga Menggunakan Petak Kosong Untuk Menjalankan Perniagaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Besar Ipoh
Tarikh: 24 Disember 2010

Gambar 6.33
Peniaga Menggunakan Petak Kosong Untuk Menjalankan Perniagaan Bermasak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Falim
Tarikh: 23 Disember 2010

Gambar 6.34
Peniaga Menggunakan Petak Kosong Untuk
Menjalankan Perniagaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pasar Falim
 Tarikh: 23 Disember 2010

Gambar 6.35
Peniaga Menggunakan Petak Kosong Untuk
Menjalankan Perniagaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pasar Tambun
 Tarikh: 20 November 2010

6.4.6.6. Peniaga Tidak Memperbaharui Lesen

Sehingga tahun 2010, bilangan pelesen aktif bagi 19 pasar awam adalah seramai 3,607 orang melibatkan kutipan lesen berjumlah RM1.17 juta. Semakan Audit mendapati sehingga bulan November 2010, seramai 176 pelesen atau 4.9% masih belum memperbaharui lesen melibatkan kutipan berjumlah RM34,992. Ini boleh menyumbang kepada kerugian hasil Majlis sekiranya peniaga ini menjalankan perniagaan tanpa lesen. Mengikut maklum balas, Majlis telah mengambil tindakan pengeluaran notis dan pembatalan lesen. Sebanyak 72 pelesen telah pun menjelaskan lesen perniagaan manakala bakinya telah dibatalkan lesen. Bagi mengelakkan perniagaan tanpa lesen beroperasi, Majlis telah mengeluarkan 100 kompaun bernilai RM7,550 kepada pihak berkenaan.

6.4.7. Kebersihan Kawasan Persekitaran Premis Perniagaan Kurang Memuaskan

Merujuk kepada piagam pelanggan, Majlis perlu memberikan perkhidmatan pungutan sampah setiap hari di pusat perdagangan dan pasar manakala 3 kali seminggu di kawasan perumahan. Selain itu pasar-pasar awam perlu dibersihkan pada tahap yang memuaskan.

- a. Di Pasar Tambun, didapati sampah-sarap tidak diuruskan dengan memuaskan. Rumah sampah serta tong sampah ada disediakan di bahagian pintu masuk pasar tetapi sampah dibiarkan bertaburan di luar rumah sampah Terdapat sampah sarap dilonggokkan di merata kawasan. Keadaan ini menjejaskan pemandangan persekitaran dan boleh mengundang pelbagai penyakit serta berbahaya sekiranya tidak diuruskan dengan teratur. Keadaan kawasan persekitaran premis perniagaan adalah seperti di **Gambar 6.36** dan **Gambar 6.37**.

Gambar 6.36
Sampah-sarap Yang Tidak Disenggarakan
Selepas Waktu Perniagaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pasar Tambun
 Tarikh: 30 Ogos 2010

Gambar 6.37
Sampah-sarap Yang Tidak Disenggarakan
Selepas Waktu Perniagaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pasar Tambun
 Tarikh: 30 Ogos 2010

- b. Di kawasan bengkel perindustrian Falim, didapati kawasan persekitaran bengkel tidak disenggarakan dengan memuaskan. Terdapat rangka kenderaan yang telah rosak dan terbiar diletakkan di persekitaran kawasan. Pihak Audit dimaklumkan kenderaan tersebut telah dibiarkan sekian lama dan tidak diketahui pemiliknya. Ada antara kenderaan tersebut yang telah dihantar untuk dibaiki tetapi tidak dituntut semula oleh pemilik. Keadaan persekitaran bengkel adalah seperti di **Gambar 6.38** dan **Gambar 6.39**.

Gambar 6.38
Sampah-sarap Dilonggokkan Berhampiran
Kawasan Bengkel



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bengkel Perindustrian Falim
 Tarikh: 24 Disember 2010

Gambar 6.39
Kenderaan Rosak Dan Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bengkel Perindustrian Falim
 Tarikh: 24 Disember 2010

6.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan mutu pengurusan premis perniagaan, adalah disyorkan Majlis mengambil langkah-langkah seperti berikut:

6.5.1. Perancangan pembinaan premis perlu diberi penekanan bagi memastikan setiap pembinaan dapat memberikan pulangan kepada pihak Majlis.

6.5.2. Mengambil tindakan serta-merta dan tegas terhadap penyewa yang mempunyai tunggakan melebihi tempoh tertentu.

6.5.3. Kaedah pemantauan yang dilaksanakan perlu dipertingkatkan dan dikaji dari semasa ke semasa supaya lebih bersesuaian dan mendatangkan kesan yang positif terhadap Majlis dan peniaga.

LEMBAGA AIR PERAK

7. PENGURUSAN PENGEBILAN AIR

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Lembaga Air Perak (LAP) merupakan agensi Kerajaan Negeri yang bertanggung jawab memproses dan membekalkan air bersih yang selamat kepada pengguna sama ada untuk kegunaan industri, domestik atau komersial. Oleh itu pengurusan pengebilan yang cekap akan membantu memaksimumkan keuntungan serta memberi kepuasan kepada pengguna. Aktiviti utama pengebilan ialah melibatkan pengeluaran bil air kepada pengguna mengikut kuantiti air yang telah digunakan, memungut hasil, mengemaskini akaun pengguna serta pengurusan tunggakan hasil. Bagi memastikan pengurusan pengebilan diuruskan dengan cekap, LAP telah menggunakan *Water Billing System (WBS)* secara berpusat mulai bulan Jun 2006. Sistem ini sentiasa dibuat penambahbaikan dari masa ke semasa bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan aktiviti pengebilan semasa dan akan datang seperti penyediaan pusat aduan yang beroperasi 24 jam, penambahbaikan dalam *Standard Operating Procedure*, peningkatan penguatkuasaan, pelaksanaan sistem berkomputer kutipan hasil serta kemudahan pembayaran bil di kaunter agensi kerajaan lain dan bank terpilih. LAP telah dibahagikan kepada 5 Wilayah mengandungi 19 *service center* yang boleh akses terus kepada sistem/WBS. Di Negeri Perak terdapat 4 kumpulan pengguna iaitu berasaskan kod tarif 11 (Domestik/Kerajaan), 21 (Perniagaan/Industri), 41 (Rumah Ibadat/Badan Kebajikan) dan 81 (Pukal) di mana kadar caj penggunaan air adalah berbeza seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Pengguna, Kod Tarif, Kadar Bulanan Dan Bayaran Minima

Kumpulan Pengguna	Kod Tarif	Penggunaan (m3)	Kadar/m3 (RM)	Bayaran Minima (RM)
Domestik/Kerajaan	11	0 – 10	0.30	3.00
		11 – 20	0.70	
		Lebih 20	1.03	
Perniagaan/Industri	21	0 – 20	1.20	12.00
		11 – 20	1.40	
		Lebih 20	1.61	
Rumah Ibadat/ Badan Kebajikan	41	0 – 20	0.30	3.00
		Lebih 20	0.34	
Pukal	81	0 – 20	0.60	100.00
		Lebih 20	0.69	

Sumber: Lembaga Air Perak

7.1.2. Daripada 4 kod tariff tersebut, pembaca meter akan mengeluarkan satu daripada 3 jenis bil iaitu bacaan sebenar, anggaran atau hitung panjang. Pengebilan, kutipan dan peratus kutipan berbanding pengebilan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Pengebilan, Kutipan Hasil Dan Peratus Kutipan Berbanding Pengebilan

Tahun	Pengebilan (RM Juta)	Kutipan Bil Air (RM Juta)	Kutipan Berbanding Pengebilan (%)
2007	240.41	243.84	101.4
2008	248.35	246.78	99.4
2009	255.86	255.42	99.8
2010	271.63	268.94	99.0

Sumber: Laporan Pengebilan, Kutipan dan Tunggakan (Selepas Pelarasan)

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengebilan air oleh LAP telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomik dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

7.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop kajian ini merangkumi tahun 2007 sehingga tahun 2010 yang meliputi aktiviti pengeluaran bil, kutipan hasil, pelarasan debit dan kredit, pengurusan tunggakan hasil serta pengurusan perkhidmatan pelanggan dan aduan. Kaedah pengauditan adalah memeriksa dokumen dan menganalisis data yang dikeluarkan oleh sistem di Ibu Pejabat Lembaga Air Perak. Selain itu temu bual dengan pegawai berkaitan serta lawatan ke premis pelanggan terpilih di Wilayah Tengah 1, Barat dan Utara juga telah diadakan.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pengebilan air oleh LAP adalah baik kerana prestasi pungutan air berbanding dengan pengebilan melebihi 99% bagi tahun 2007 hingga 2010. Penguatkuasaan menghantar notis pemetongan dan pemetongan bekalan air yang berterusan telah berjaya mengurangkan tunggakan. Bagaimanapun LAP perlulah mengambil langkah segera untuk menggantikan meter rosak walaupun telah lebih daripada 2 kali bacaan berturut-turut dibuat. Selain itu, keadaan bilik di Pusat Aduan adalah kurang selesa kepada pengguna. Penjelasan lanjut adalah seperti di perenggan berikut:

7.4.1. Jenis Bacaan

LAP hanya menetapkan 3 jenis bacaan pengguna air iaitu bacaan sebenar, anggaran dan hitung panjang. Bacaan Sebenar adalah untuk meter yang berfungsi dengan baik dan dapat dilihat bacaan angka dalam meter berkenaan. Bacaan Anggaran dibuat apabila meter rosak atau hilang. Bacaan Hitung Panjang pula dibuat apabila meter tidak dapat dibaca akibat halangan seperti pagar berkunci, halangan merbahaya menuju ke meter atau terdapat anjing garang di premis pengguna. Rekod pengebilan LAP bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 7.3**.

Jadual 7.3
Jenis Bacaan, Bilangan Bil Dan Jumlah Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2010

Tahun	Jenis Bacaan					
	Sebenar		Anggaran		Hitung Panjang	
	Bilangan Bil	(RM Juta)	Bilangan Bil	(RM Juta)	Bilangan Bil	(RM Juta)
2007	3,738,622	240.41	82,207	6.31	59,068	3.35
2008	3,808,009	248.35	83,462	5.43	62,793	3.16
2009	3,900,887	255.86	80,715	6.04	63,395	2.95
2010	3,990,005	271.63	88,112	7.05	61,062	3.08

Sumber: Laporan Sebenar, Anggaran Dan Hitung Panjang

7.4.1.1. Bacaan Anggaran (Meter Rosak)

Sehingga akhir tahun 2010, terdapat 94,283 meter rosak atau 14.2% berbanding sebanyak 665,674 akaun aktif yang dicatatkan dalam sistem. Daripada sampel yang dipilih serta lawatan ke premis pengguna iaitu 22 di Wilayah Utara, 17 di Wilayah Barat dan 23 di Wilayah Tengah I mendapati 33 meter rosak masih belum diganti walaupun telah lebih daripada 2 kali bacaan berturut-turut dibuat seperti di **Jadual 7.4**. Setelah teguran Audit dibuat, LAP telah menetapkan penggantian meter rosak perlu dibuat dalam tempoh 2 kali bacaan anggaran bagi meter kecil domestik dan 1 kali bacaan anggaran bagi meter besar industri berkuatkuasa mulai 22 April 2011. Berdasarkan maklum balas, arahan daripada Pengurus Besar Lembaga Air Perak menetapkan meter rosak perlu diganti dalam tempoh 60 hari bagi meter domestik dan 30 hari bagi meter industri.

Jadual 7.4
Bacaan Anggaran Melebihi 2 Kali Secara Berturut-Turut

Bil	Bil. Bacaan Anggaran	Bil. Meter Pengguna Terlibat
1	3 – 5 kali	13
2	6 – 10 kali	13
3	11 – 15 kali	4
4	16 – 19 kali	3

Sumber: Lembaga Air Perak

7.4.1.2. Bacaan Hitung Panjang

- Bacaan hitung panjang dibuat apabila meter tidak dapat dibaca akibat halangan seperti pagar berkunci, halangan merbahaya menuju ke meter atau terdapat anjing garang di premis pengguna. Peraturan yang digunakan oleh LAP bagi bacaan hitung panjang adalah melalui kaedah penambahan 20% isipadu penggunaan air sebelumnya. Pengguna boleh membuat bantahan sekiranya tidak bersetuju dengan isipadu penggunaan air yang dicaj. Bila keadaan ini berlaku, pembaca meter akan ke premis berkenaan untuk mengambil bacaan sebenar dan seterusnya pelarasan penggunaan air dibuat.
- Berdasarkan maklum balas, meter terlibat terdiri daripada akaun-akaun lama. LAP tidak boleh mengarahkan pengguna mengalihkan meter tersebut kerana LAP tiada peruntukan undang-undang menyatakan meter mesti berada di luar pagar rumah. Bagaimanapun LAP telah menetapkan semua pemohonan baru mesti memasang

meter di luar pagar rumah atau pada tempat-tempat yang mudah dan tidak berbahaya bagi pembaca meter untuk mengambil bacaan.

7.4.1.3. Analisis seterusnya dibuat bagi peratusan bacaan anggaran dan hitung panjang berbanding dengan bacaan sebenar. Adalah didapati peratusan bacaan anggaran antara 2.1% dan 2.2% sementara bacaan hitung panjang antara 1.5% dan 1.6% berbanding bacaan sebenar bagi tahun 2007 hingga 2010. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 7.5**.

Jadual 7.5
Peratusan Bacaan Anggaran Dan Hitung Panjang Berbanding Sebenar

Bil.	Tahun	Bacaan Sebenar	Bilangan Bacaan			
			Anggaran	%	Hitung Panjang	%
1.	2007	3,738,622	82,207	2.2	59,068	1.6
2.	2008	3,808,009	83,462	2.2	62,793	1.6
3.	2009	3,900,887	80,715	2.1	63,395	1.6
4.	2010	3,990,005	88,112	2.2	61,062	1.5

Sumber: Laporan bacaan hitung panjang

Pada pendapat Audit, peratusan bacaan anggaran boleh dikurangkan sekiranya penggantian meter rosak dibuat dengan kadar segera.

7.4.2. Kutipan Hasil Bil Air

7.4.2.1. Bil air merupakan hasil utama LAP. Oleh yang demikian, pusat kutipan dan kaedah pembayaran mestilah mesra pengguna. Ketika ini bayaran bil boleh dibuat di semua 19 *service center* LAP dan pusat pembayaran bil setempat seperti TNB, Telekom Malaysia, Majlis Bandaran Ipoh, Majlis Perbandaran Taiping, Majlis Perbandaran Teluk Intan dan Pos Malaysia. Bayaran bil juga boleh dibuat melalui Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat dan AGRO Bank. Bagi bayaran *online* ianya boleh dibuat melalui MBF Card, CIMB Clicks dan Maybank2u. Pada masa kini, kutipan bil air di LAP dibuat secara tunai, cek, wang pos dan *money order*. Bagi kutipan yang dibuat melalui pusat kutipan LAP, pengemaskinian akaun pengguna akan dibuat pada hari berikutnya sementara pungutan daripada pusat kutipan lain, pemindahan data dibuat secara e-mel, *dial-up* dan internet. Pembayaran secara pukal untuk agensi besar juga dibuat melalui Jabatan Akauntan Negara menggunakan sistem Gfmas dan Sistem Pukal WBS. Pengebilan dan kutipan hasil bil air bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 seperti di **Jadual 7.6**.

Jadual 7.6
Pengebilan Dan Kutipan Hasil Bil Air Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2010

Bil.	Tahun	Pengebilan (RM Juta)	Kutipan Hasil (RM Juta)	Kutipan Berbanding Pengebilan (%)
1.	2007	240.41	243.84	101.4
2.	2008	248.35	246.78	99.4
3.	2009	255.86	255.42	99.8
4.	2010	271.63	268.94	99.0

Sumber: Laporan Pengebilan, kutipan dan tunggakan

7.4.2.2. Oleh kerana kutipan hasil setiap hari agak besar jumlahnya, ciri-ciri keselamatan semasa kutipan dan memasukkan wang ke bank perlu diberi perhatian serius. Lawatan ke Pusat Pungutan Hasil Ibu Pejabat mendapati ciri-ciri keselamatan semasa kutipan adalah baik. Dua orang pengawal keselamatan disediakan iaitu di luar dan di dalam bangunan,

pungutan dibankkan setiap hari kecuali pungutan daripada satu kaunter yang dibuka hingga jam 4.45 petang. Pungutan ini di simpan dalam peti besi dan dibankkan keesokan harinya. Penghantaran wang/cek ke bank juga diuruskan oleh syarikat pengawal keselamatan secara kontrak.

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan bil air adalah baik kerana prestasi kutipan melebihi 99% berbanding dengan pengebilan bagi tempoh tahun 2007 hingga tahun 2010 di samping ciri-ciri keselamatan semasa kutipan dan penghantaran wang ke bank.

7.4.3. Ujian Meter


Pengguna perlu memastikan bekalan air yang mereka gunakan dikenakan caj bayaran yang betul berdasarkan bacaan meter yang tidak diragui. Bagaimanapun terdapat pengguna yang meragui bacaan meter yang dibuat oleh pembaca meter. Bagi memenuhi kepuasan pengguna, LAP mengesyorkan meter mereka menjalani ujian ketepatan kadar aliran di Bengkel yang terletak di Tambun, Ipoh. Bengkel ini hanya membuat ujian bagi meter bersaiz 15 mm dan 20 mm sahaja. Permohonan untuk menguji meter boleh dibuat di *service center* berdekatan. Pengguna perlu menjelaskan bayaran deposit terlebih dahulu sebelum ujian dilaksanakan. Deposit bagi setiap kali ujian yang dikenakan adalah antara RM30 hingga RM150 bergantung kepada saiz meter yang digunakan dan deposit ini akan dikembalikan sekiranya didapati meter berkenaan lulus ujian tersebut. Lulus ujian bermakna perbezaan isi padu air digunakan dan air yang keluar daripada meter melebihi 3% bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010. LAP telah menjalankan 703 ujian meter di 3 wilayah di mana 111 meter berjaya melepasi ujian ini. Bagi menghindarkan keputusan ujian meter dipertikaikan oleh pengguna, LAP memastikan peralatan ujian dikalibrasi setiap tahun. Ujian ini mematuhi standard yang dikeluarkan oleh SIRIM. Ujian kalibrasi telah dilaksanakan pada 22 Februari 2010 seperti di **Gambar 7.1** dan **Gambar 7.2**.

Gambar 7.1
Sijil Kalibrasi Mesin Ujian Meter



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 November 2010
Tempat: Stor Tambun, Ipoh

Gambar 7.2
Ujian Meter Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 November 2010
Tempat: Stor Tambun, Ipoh.

Pada pendapat Audit, ujian meter oleh LAP dilaksanakan dengan baik di mana pemilik meter menyaksikan sendiri ujian dijalankan, melihat keputusan ujian dan mesin ujian dikalibrasi setiap tahun.

7.4.4. Pengurusan Tunggakan Bil Air

7.4.4.1. Kecekapan sesuatu agensi memungut hasil adalah berasaskan kutipan yang dibuat berbanding dengan bil yang dikeluarkan. Ini bermakna usaha berterusan dengan kaedah-kaedah yang praktikal perlu diambil untuk mengurangkan tunggakan hasil. Usaha yang diambil oleh LAP bagi mengurangkan tunggakan adalah dengan cara menghantar notis pemotongan dan membuat potongan bekalan air. LAP telah menetapkan bahawa sekiranya sistem (WBS) mengesan pengguna tidak melunaskan 2 bil berturut-turut, notis pemotongan akan dikeluarkan oleh Pembaca Meter. Tindakan memotong bekalan air akan diambil sekiranya pengguna tidak melunaskan bayaran dalam tempoh 14 hari selepas notis pemotongan dihantar. Semakan Audit mendapati pada tahun 2007 hingga 2010 sebanyak 803,441 notis pemotongan melibatkan bil bernilai RM134.32 juta telah dikeluarkan dan sejumlah RM87.00 juta telah dijelaskan oleh pengguna terlibat. Tindakan menghantar notis pemotongan dan pembayaran diterima sebelum pemotongan adalah seperti di **Jadual 7.7**.

Jadual 7.7
Notis Pemotongan Dan Bayaran Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2010

Bil.	Tahun	Notis Dihantar		Pembayaran	
		Bil. Akaun	Amaun (RM Juta)	Bil. Akaun	Amaun (RM Juta)
1.	2007	201,242	36.66	115,499	24.39
2.	2008	187,495	33.05	96,304	22.58
3.	2009	201,906	37.89	89,075	21.07
4.	2010	212,798	26.72	85,784	18.96
Jumlah		803,441	134.32	386,662	87.00

Sumber: Laporan Tunggakan Penguatkuasaan LAP (Ikut Service Center)

7.4.4.2. Pada tempoh yang sama juga, LAP telah mengambil tindakan memotong bekalan air terhadap 50,447 pengguna dan akibatnya seramai 23,580 pengguna memohon untuk dibuat sambungan semula bekalan air dan dikenakan bayaran berjumlah RM4.95 juta. Tindakan pemotongan dan bayaran diterima selepas pemotongan seperti di **Jadual 7.8**. Tindakan menghantar notis pemotongan dan juga pemotongan bekalan air dari tahun 2007 hingga 2010 telah membolehkan LAP memungut tunggakan bil berjumlah RM91.95 juta.

Jadual 7.8
Pemotongan Bekalan Air Dan Bayaran Bagi Tempoh 2007 Hingga 2010

Bil.	Tahun	Pemotongan		Pembayaran	
		Bil. Akaun	Jumlah (RM Juta)	Bil. Akaun	Jumlah (RM Juta)
1.	2007	19,641	3.11	9,387	2.03
2.	2008	15,980	2.28	8,173	1.70
3.	2009	9,547	1.35	4,173	0.83
4.	2010	5,279	1.31	1,847	0.39
Jumlah		50,447	8.05	23,580	4.95

Sumber: Laporan Tunggakan Penguatkuasaan LAP (Ikut Service Center)

Pada pendapat Audit, tindakan mengeluarkan notis pemotongan dan pemotongan bekalan air adalah baik dan perlu diteruskan bagi mengurangkan tunggakan.

7.4.5. Penggantian Meter Lama Dan Meter Rosak

Pada kebiasaannya, semakin berusia meter tersebut, bacaan yang dicatatkan semakin berkurangan ketepatannya. Oleh itu, LAP telah merangka rancangan tahunan penggantian meter lama di samping penggantian meter rosak yang tidak dijangka dan ianya tidak bergantung kepada usianya. Pada tahun 2007 hingga 2010, LAP telah memperuntukkan sejumlah RM20.48 juta untuk memenuhi keperluan rancangan penggantian meter lama dan penggantian meter rosak iaitu daripada meter bersaiz 15 mm hingga 100 mm. Daripada data rancangan penggantian meter lama dan meter rosak berbanding dengan penggantian sebenar mendapati, LAP telah membuat anggaran lebih rendah. Bagaimana pun tiada berlaku kekurangan meter untuk penggantian memandangkan LAP sentiasa menyimpan stok bekalan pelbagai saiz meter untuk keperluan ini. Pembelian pelbagai saiz meter berbanding penggantian sebenar bagi tahun 2007 hingga 2010 seperti di **Jadual 7.9**.

Jadual 7.9
Pembelian Meter Pelbagai Saiz Berbanding Penggantian Sebenar

Bil.	Tahun	Pembelian (Unit)	Penggantian (Unit)	Beza (Unit)
1.	2007	65,880	39,768	26,112
2.	2008	89,491	52,739	36,752
3.	2009	121,832	101,013	20,819
4.	2010	35,300	88,361	(53,061)
Jumlah		312,503	281,881	30,662

Sumber: Rekod LAP dan Laporan Penukaran Meter- Daripada WBS

Pada pendapat Audit, proses perolehan meter air pelbagai saiz adalah baik kerana perolehan dibuat secara tender terbuka di kalangan bumiputera dan mendapat perakuan daripada Lembaga Pengarah serta justifikasi pemilihan pembekal dinyatakan dengan jelas setelah meneliti biodata pembekal dan keputusan tender ditandatangani oleh ketiga-tiga Ahli Lembaga Tender serta dokumen kontrak telah disediakan dengan mengambilkira kepentingan Kerajaan.

7.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan diambil tindakan sewajarnya perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

7.5.1. LAP perlu menetapkan bilangan bacaan anggaran yang dibenarkan supaya penggantian meter rosak dapat dilakukan dengan segera di samping menyediakan rancangan tahunan penggantian meter. Langkah segera yang diambil akan dapat mengurangkan peratusan bacaan anggaran.

7.5.2. Tindakan mengeluarkan notis pemotongan dan pemotongan bekalan air perlu dibuat berterusan bagi mengurangkan tunggakan.

7.5.3. Bahagian Pusat Aduan Pengguna perlu dinaik taraf agar ianya dapat memberi keselesaan kepada kakitangan dan pelanggan yang datang berurusan.

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

8. SISTEM e-PIHAK BERKUASA TEMPATAN (e-PBT)

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Jabatan Kerajaan Tempatan bersama-sama Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan MAMPU telah membangunkan Sistem e-Pihak Berkuasa Tempatan (Sistem e-PBT) yang menggunakan kombinasi konsep *client-server* dan *web* bermula tahun 2006. Syarikat G.W. *Intech* Sdn. Bhd. (Pembekal) telah dilantik sebagai kontraktor untuk membangunkan sistem tersebut. Sistem e-PBT dibangunkan dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran dan pelaksanaan selaras dengan rancangan atau dasar Kerajaan berkenaan ICT, merapatkan jurang perbezaan teknologi maklumat antara PBT yang berkemampuan dengan PBT yang kurang berkemampuan dan memaksimumkan kegunaan sumber melalui budaya perkongsian pintar di mana PBT yang maju dalam sesebuah Negeri membantu PBT yang kurang maju dalam sistemnya.

8.1.2. Ciri-ciri penting Sistem e-PBT adalah seperti modul sistem dibangunkan secara integrasi antara semua modul, mampu melaksanakan kutipan luar (*off-line*), mampu membuat kutipan bagi PBT lain dalam Negeri yang sama, mampu melaksanakan kaunter setempat kerana semua sistem boleh dicapai melalui satu skrin, modul kutipan cukai tanah telah disediakan untuk digunakan secara opsyen, boleh berintegrasi dengan alat *Handheld* untuk modul kompaun kenderaan, segala kutipan dikemas kini secara automatik ke sistem perakaunan dan data-data di PBT dihantar ke Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), Pejabat Setiausaha Kerajaan (PSUK) bagi Sistem Pelaporan SUK.

8.1.3. Perjanjian bernilai RM2.95 juta bagi projek Perintis dan RM5.65 juta bagi Fasa 1 telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh KPKT dengan G.W. *Intech* Sdn. Bhd. untuk membangunkan sistem dan melantik Syarikat *Innovision Business Solution* (M) Sdn. Bhd. untuk membekalkan perkakasan komputer. Perjanjian ini melibatkan 5 Negeri yang melaksanakan Sistem e-PBT iaitu Negeri Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Perlis dan Selangor. Bagi Negeri Perak, kos pelaksanaan dan kos peralatan serta perisian bagi Fasa 1 adalah RM3.07 juta. Di bawah sistem ini, semua maklumat akan dikunci masuk di PBT masing-masing. Maklumat mengenai laporan berkaitan akan dihantar melalui talian ke BKT dan PSUK. Kos keseluruhan projek adalah seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Kos Projek Perintis Dan Fasa 1

Perkara	Perintis	Fasa 1
Aplikasi	G.W Intech Sdn. Bhd.	G.W Intech Sdn. Bhd.
Perkakasan	Syarikat Innovision Business Solution (M) Sdn. Bhd.	G.W Intech Sdn. Bhd.
Tempoh	5 Januari 2006 hingga 4 Januari 2007 (Aplikasi) 3 Januari 2006 hingga 2 Januari 2007 (Perkakasan)	11 Oktober 2007 hingga 31 Mac 2010
Kos Projek	RM2.95 juta	RM5.65 juta

Sumber: Surat Perjanjian Sistem ePBT

8.1.4. Komponen Sistem e-PBT

Sistem e-PBT terdiri daripada 6 sistem utama yang berintegrasi dan mempunyai 23 modul seperti di **Jadual 8.2**. Bagi sistem *e-Submission*, pelaksanaannya dibatalkan dan digantikan dengan pelaksanaan Pusat Setempat (OSC).

Jadual 8.2
Komponen Sistem e-PBT

Bil.	Sistem	Modul
1.	Sistem Hasil	Sistem Kutipan, Sistem Taksiran, Sistem Penilaian, Sistem Pelesenan, Sistem Sewaan, Sistem Kampaun dan Sistem Terimaan Pelbagai.
2.	Sistem Perakaunan	Sistem Lejar Am, Sistem Jurnal, Sistem Belanjawan, Sistem Akaun Kena Bayar, Sistem Pengurusan Tunai, Sistem Personal Dan Gaji, Sistem Pinjaman, Sistem Pelaburan, Sistem Pengurusan Harta, Sistem Pengurusan Projek Dan Sistem Penutupan Hujung Tahun.
3.	Sistem ID Pelanggan	Sistem ID Pelanggan.
4.	Sistem Aduan	Sistem Aduan.
5.	Sistem Pelaporan ke SUK	Sistem Pelaporan ke SUK.
6.	Sistem <i>e-Submission</i>	Sistem Kebenaran Merancang Dan Sistem Pelan Bangunan.

Sumber: Rekod 5 PBT

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan adalah untuk menilai sama ada aplikasi dan infrastruktur Sistem e-PBT dilaksana dengan cekap, berkesan serta mencapai matlamatnya.

8.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pembangunan dan pelaksanaan sistem dari tahun 2007 sehingga 2010 yang merangkumi projek Perintis melibatkan Majlis Perbandaran Manjung (MPM) dan Majlis Daerah Kampar (MDK) dan projek Perluasan Fasa 1 iaitu Majlis Daerah Lenggong (MDL), Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) dan Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG). Pengauditan ini juga termasuk di Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, memeriksa, mengkaji dan menganalisis data melalui fail, rekod dan dokumen berkaitan seperti minit mesyuarat,

laporan, kontrak perjanjian, daftar aduan dan dokumen kewangan. Ujian *walkthrough* terhadap modul dijalankan bagi sistem yang telah dibangunkan oleh Pembekal. Analisis data yang terdapat pada pangkalan data Sistem e-PBT dibuat menggunakan *Computer Assisted Audit Technique And Tools (CAATTs)*. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat juga diadakan. Borang soal selidik diedarkan kepada pengguna dan pihak pengurusan untuk menilai tahap penggunaan, kecekapan dan keberkesanan Sistem e-PBT.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan Sistem e-PBT adalah tidak memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang menyebabkan kemudahan yang disediakan tidak berfungsi sepenuhnya untuk dimanfaatkan oleh pengguna. Kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti adalah penyata kewangan tidak dapat dijana sepenuhnya melalui Sistem e-PBT, pengurusan dokumen perjanjian termasuk pelaksanaan dan penggunaan Sistem e-PBT tidak memuaskan, perkhidmatan meja bantuan tidak berkesan, tiada *Standard Operating Procedure (SOP)* untuk kaedah pelaksanaan *back-up* data e-PBT serta kawalan am Sistem e-PBT tidak memuaskan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

8.4.1. Pelaksanaan Sistem e-PBT Tidak Memuaskan

8.4.1.1. Kelewatan Pelaksanaan Sistem

Mengikut Jadual Pelaksanaan, dokumen Perjanjian Tambahan No. 1 yang ditandatangani pada 31 Mac 2008, Sistem e-PBT yang perlu disempurnakan pada 10 Mei 2008 merangkumi tiga peringkat. Peringkat pertama adalah *implementasi* sistem iaitu menjalankan kajian keperluan, pembersihan data, instalasi sistem, migrasi dan konfigurasi data dan uji guna sistem dan pelaksanaan aplikasi. Peringkat kedua ialah perbekalan perolehan ICT iaitu perbekalan *hardware*, *software*, penerimaan dan pengujian. Peringkat ketiga ialah mengenai latihan penggunaan sistem dan latihan teknikal. Semakan Audit mendapati, perkakasan yang dibekalkan di MDTM adalah pada 22 April 2008 dan sepatutnya dibekalkan pada 22 Februari 2008 iaitu lewat selama 59 hari. Selain itu, pelaksanaan *Instalasi Software* dan *User Acceptance Test (UAT) & Final Acceptance Test (FAT)* di MDTM, MDBG dan MDL juga lewat antara 9 hingga 39 hari dan 4 bulan hingga melebihi 12 bulan. Perkara ini berlaku kerana pembekal lewat membekal peralatan *hardware*, lewat melaksanakan instalasi *software* dan penerimaan serta pengujian *UAT* dan *FAT*. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 8.3** dan **Jadual 8.4**. Berdasarkan maklum balas daripada MDTM dan MDBG, PBT tidak dimaklumkan jadual pembekalan *hardware* dan instalasi *software* oleh KPKT. Kelewatan membekal *hardware* adalah di bawah tanggungjawab KPKT. Kelewatan proses *UAT* dan *FAT* adalah disebabkan kelewatan instalasi *software* dan menyelesaikan masalah *User Change Request* yang tertunggak oleh pembekal.

Jadual 8.3
Kelewatan Perbekalan Hardware

Bil.	PBT	Tarikh		Kelewatan (Bulan/Hari)
		Perbekalan Sepatut Dibekalkan	Pelaksanaan Sebenar	
1.	Majlis Daerah Tanjong Malim	22.2.2008	22.4.2008	59 Hari

Sumber: Rekod Majlis Daerah Tanjong Malim

Jadual 8.4
Kelewatan Pelaksanaan Instalasi Software Dan Penerimaan & Pengujian UAT/FAT

Bil.	PBT	Tarikh Perbekalan Perolehan	Tarikh Pelaksanaan Sebenar		Kelewatan	
		Instalasi Software Dan Penerimaan & Pengujian	Instalasi Software	Penerimaan & Pengujian	Instalasi Software (Hari)	Penerimaan & Pengujian
1.	Majlis Daerah Lenggong	5 hingga 15.3.2008	8.4.2008	18.7.2008 (UAT)	24	4 Bulan 3 Hari
				31.3.2009 (FAT)		12 ½ Bulan
2.	Majlis Daerah Tanjong Malim	5 hingga 15.3.2008	24.3.2008	31.7- 1.8.2008 (UAT)	9	5 ½ Bulan
				31.3.2009 (FAT)		12 ½ Bulan
3.	Majlis Daerah Batu Gajah	5 hingga 15.3.2008	23.4.2008	22.7.2008 (UAT)	39	4 Bulan 7 Hari
				31.3.2009 (FAT)		12 ½ Bulan

Sumber: Rekod 3 PBT

8.4.1.2. Tiada User Acceptance Test Dan Final Acceptance Test Untuk Projek Perintis

Dokumen Perjanjian untuk Peningkatan Sistem Perakauan Bersepadu Berkomputer PBT kepada Sistem e-PBT dan Pelaksanaan Perintis Sistem e-PBT telah menetapkan *User Acceptance Test (UAT)* dan *Final Acceptance Test (FAT)* perlu dilaksanakan dan ditandatangani bagi memastikan Sistem telah berjaya dipasang, diuji dan boleh diguna pakai. Semakan Audit mendapati, tiada bukti *User Acceptance Test (UAT)* dan *Final Acceptance Test (FAT)* dijalankan dan ditandatangani di MPM dan MDK. Ini kerana Sijil berkaitan UAT dan FAT tidak dikemukakan. Bagaimanapun bagi MDL, MDBG dan MDTM, UAT dan FAT telah dijalankan dan ditandatangani.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Sistem e-PBT tidak memuaskan kerana Pembekal lewat membekal peralatan *hardware* dan *software*. Pelaksanaan pengujian kesediaan sistem juga tidak memuaskan kerana UAT dan FAT lewat atau tidak dilaksanakan oleh Pembekal.

8.4.2. Penggunaan Sistem e-PBT Tidak Memuaskan

8.4.2.1. Sistem Perakaunan

- a. Sistem perakaunan terdiri daripada 11 modul seperti di **Jadual 8.2**. *Output* utama kepada sistem perakaunan sekiranya digunakan 100% adalah boleh menjana Imbangan Duga, Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan. Bagaimanapun 2 modul iaitu Sistem Pengurusan Harta dan Sistem Pengurusan Projek tidak digunakan kerana sistem tersebut tidak dapat menjana maklumat seperti mana kehendak pekeliling dan perubahan dalam prosedur kerja. Peratus Penggunaan Sistem Perakaunan adalah seperti di **Jadual 8.5**.

Jadual 8.5
Peratus Penggunaan Sistem Perakaunan

Bil.	Nama PBT	Peratus (%)	Catatan
1.	Majlis Perbandaran Manjung	77.2	Sistem Personel Emolumen, Pinjaman dan Pelaburan - Tahap penggunaan antara 50%-95%.
2.	Majlis Daerah Kampar	100	Imbangan Duga, Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan dapat dihasilkan.
3.	Majlis Daerah Lenggong	91.9	Sistem AKB, Personel Emolumen, Pinjaman dan Pelaburan - Tahap penggunaan antara 70%-92%.
4.	Majlis Daerah Tanjong Malim	100	Penutupan hujung tahun telah selesai.
5.	Majlis Daerah Batu Gajah	97.3	Sistem AKB dan pelaburan - Tahap penggunaan antara 80%-96%.

Sumber: Rekod 5 PBT

- b. Semakan Audit mendapati walaupun peratusan bagi penggunaan sistem di MDTM adalah 100% tetapi Majlis tidak melaksanakan penutupan akaun tunai bulanan secara sistem sehingga bulan Disember 2010 menyebabkan Imbangan Duga, Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan tidak dapat dijana. Penutupan akaun tunai bulanan secara sistem belum ditutup sepenuhnya kerana data pembayaran belum diterima dari PBT lain dan kesilapan kemasukan data berkaitan pembayaran secara online.

i. Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank

Penyata Penyesuaian Bank hendaklah disediakan pada setiap bulan bagi menyesuaikan baki di buku tunai dengan baki di bank. Bagi Negeri Perak, terdapat kemudahan kutipan PBT lain yang boleh dilaksanakan melalui sistem. Pada akhir bulan, setiap PBT akan menghantar data kutipan PBT lain melalui e-mail dan pos. Data tersebut akan dikemas kini di dalam Sistem e-PBT bagi PBT berkaitan. Semakan Audit mendapati, Penyata Penyesuaian Bank bagi tiga PBT tidak disediakan melalui sistem. Ini kerana PBT berkenaan masih menunggu laporan kutipan daripada PBT lain dan pihak bank untuk tindakan penutupan akaun tunai bulanan. Kedudukan penyediaan Penyata Penyesuaian Bank yang disediakan melalui sistem setakat 31 Disember 2010 adalah antara bulan Januari hingga Mac 2010 seperti di **Jadual 8.6**.

Jadual 8.6
Kedudukan Penyata Penyesuaian Bank

Bil.	Nama PBT	Penyata Penyesuaian Terakhir Disediakan	Selepas Teguran Audit
1.	Majlis Perbandaran Manjung	Mac 2010	Disediakan mulai April 2010
2.	Majlis Daerah Lenggong	Januari 2010	Disediakan mulai Disember 2010
3.	Majlis Daerah Tanjong Malim	Januari 2010	-

Sumber: Rekod Tiga PBT

ii. Penyata Kewangan Tidak Dijana Sepenuhnya Melalui Sistem e-PBT

Penyata Kewangan terdiri daripada lima elemen utama iaitu Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Nota-nota Kepada Penyata Kewangan. Sistem e-PBT juga bertujuan untuk memudahkan penyediaan penyata kewangan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Sistem e-PBT tidak menyediakan kemudahan tersebut sepenuhnya. Sistem e-PBT hanya berupaya menjana Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan sahaja manakala Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Nota-nota Kepada Penyata Kewangan tidak boleh disediakan melalui sistem ini. Ini adalah kerana pembangunan sistem tidak mengambil kira semua elemen penyata kewangan. Selain itu, Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan yang dijana daripada Sistem kurang tepat. Dengan demikian, PBT terpaksa menyediakan ketiga-tiga komponen tersebut secara manual. Pihak Audit dimaklumkan Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Nota-nota Kepada Akaun tidak disediakan dalam sistem e-PBT. Penambahbaikan mengenai perkara ini telah dikemukakan kepada Bahagian ICT, Jabatan Kerajaan Tempatan pada bulan Jun 2010.

Pada pendapat Audit, penggunaan modul penyediaan penyata kewangan melalui Sistem e-PBT dapat dijana sekiranya semua elemen Penyata Kewangan disediakan.

8.4.2.2. Perkhidmatan Meja Bantuan Tidak Berkesan (*User Change Request (UCR)*) - Lewat Diambil Tindakan Oleh Pembekal

- a. Klausula 11, Jadual 1 Para 11.1 dalam Dokumen Perjanjian untuk Peningkatan Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer PBT Kepada Sistem e-PBT dan Pelaksanaan Perintis e-PBT menetapkan bahawa pembekal hendaklah menjalankan kerja-kerja khidmat sokongan dan penyelenggaraan bagi Sistem e-PBT. Pembekal perlu memberi khidmat bantuan kepada pengguna apabila pengguna menghadapi masalah menggunakan aplikasi tersebut. Klausula 11.2 pula menetapkan bahawa tahap perkhidmatan yang perlu dipastikan oleh Pembekal bagi penggunaan e-PBT adalah seperti di **Jadual 8.7**.

Jadual 8.7
Tahap Perkhidmatan

Perkara	Sasaran Minimum
Masa respon bagi aduan	Tidak melebihi 2 jam
Masa diambil bagi menyelesaikan masalah/memperbaiki sistem	Tidak melebihi 72 jam
<i>Service Level Assurance</i>	95%

Sumber: Rekod 5 PBT

- b. Semakan Audit mendapati 15 daripada 91 aduan pengguna (*UCR*) bagi tempoh tahun 2008 hingga 2009 di Majlis Daerah Lenggong lewat diambil tindakan pembetulan oleh pihak Pembekal antara 2 hingga 70 hari adalah seperti di **Jadual 8.8**.

Jadual 8.8
Kelewatan Tindakan Pembetulan Aduan Pengguna (*UCR*)

Bil.	Bahagian	No. UCR	Tarikh Aduan	Tarikh Tindakan	Kelewatan (Hari)
1.	Akaun/Kewangan	-	21.2.2008	7.4.2008	45
2.	Akaun/Kewangan	-	3.3.2008	6.3.2008	2
3.	Akaun/Kewangan	-	13.3.2008	7.4.2008	26
4.	Kaunter	-	25.3.2008	7.4.2008	11
5.	Pentadbiran	-	26.3.2008	7.4.2008	12
6.	Akaun/Kewangan	-	2.4.2009	7.4.2008	4
7.	Teknologi Maklumat	-	23.5.2008	26.5.2008	2
8.	Teknologi Maklumat	-	14.7.2008	17.7.2008	2
9.	Kewangan	SSPT/01/2009	13.1.2009	20.1.2009	6
10.	Kewangan	SSPT/02/2009	13.1.2009	20.1.2009	6
11.	Kewangan	MTKN/01/2009	14.1.2009	20.1.2009	5
12.	Kewangan	MSWN/01/2009	14.1.2009	20.1.2009	5
13.	Kewangan	SAKB/01/2009	15.1.2009	20.1.2009	4
14.	Teknologi Maklumat	-	11.9.2008	20.1.2009	70
15.	Kewangan	SSBN/SEPT/2009	11.9.2008	20.1.2009	70

Sumber: Rekod MD Lenggong

Pada pendapat Audit, perkhidmatan meja bantuan tidak berkesan kerana aduan lewat diambil tindakan oleh pembekal.

8.4.2.3. Sistem ID Pelanggan

Sistem e-PBT menggunakan satu nombor pengenalan untuk setiap pelanggan. Nombor Kad Pengenalan bagi orang perseorangan dan nombor pendaftaran syarikat bagi syarikat. Sistem ID Pelanggan adalah untuk mengenal pasti dan bagi mengelak nama dan ID Pelanggan bertindih. Analisis Audit terhadap data Sistem ID Pelanggan mendapati nama dan nombor ID pelanggan berulang-ulang atau bertindih. Contohnya adalah seperti di **Jadual 8.9**. Manakala di Majlis Daerah Kampar, didapati sebanyak 14 rekod nombor ID

pelanggan bertindih. Nombor ID Pelanggan sepatutnya tidak berulang-ulang atau bertindih bagi setiap satu nama pelanggan. Data yang bertindih ini disebabkan oleh pelanggan mempunyai alamat yang berbeza. Oleh itu, aktiviti pembersihan data hendaklah dijalankan dengan sempurna dan secara berterusan. Pengemaskinian ID pelanggan menggunakan nombor kad pengenalan atau nombor pendaftaran syarikat perlu dibuat dengan lebih cekap agar data lama dapat dipadam sepenuhnya daripada sistem.

Jadual 8.9
Analisis Sistem ID Pelanggan

Bil.	PBT	Jumlah Rekod Di Analisis	Jumlah Rekod Bertindih
1.	Majlis Perbandaran Manjung	252,179	164,723
2.	Majlis Daerah Kampar	49,120	23,996
3.	Majlis Daerah Lenggong	4,396	1,421
4.	Majlis Daerah Tanjong Malim	20,480	7,163
5.	Majlis Daerah Batu Gajah	38,006	7,883

Sumber: Rekod 5 PBT

8.4.2.4. Modul Sistem Taksiran

Modul Sistem Taksiran adalah untuk mengenal pasti pegangan yang tiada nombor lot dan hakmilik yang tidak dimasukkan ke dalam Modul Sistem Taksiran. Analisis Audit terhadap Modul Sistem Taksiran (MTKN) mendapati maklumat nombor hak milik tidak dikunci masuk ke dalam maklumat pegangan bagi setiap akaun Cukai Taksiran Am dan Caruman Bantu Kadar. Antara sebab yang diberi oleh pihak PBT terlibat ialah kurang kerjasama daripada pemilik dan pemaju untuk memberi maklumat nombor lot dan nombor hak milik, maklumat dari Pejabat Tanah lewat diterima, skim perumahan baru masih belum ada nombor lot, rekod tidak dimasukkan kerana sebahagiannya adalah data lama dan maklumat tidak lengkap dan sebahagian besar tidak mempunyai no. hak milik kerana dari kategori geran besar dan juga kes harta yang tidak mempunyai geran. Maklumat adalah seperti di **Jadual 8.10**.

Jadual 8.10
Analisis Modul Sistem Taksiran

Bil.	PBT	Jumlah Rekod Di Analisis	Jumlah Rekod Tidak Di Masuk Ke Dalam Sistem
1.	Majlis Perbandaran Manjung	427,106	7,076
2.	Majlis Daerah Kampar	31,979	6,796
3.	Majlis Daerah Lenggong	2,424	1,001
4.	Majlis Daerah Tanjong Malim	17,290	5,421
5.	Majlis Daerah Batu Gajah	32,236	7,577

Sumber: Rekod 5 PBT

8.4.2.5. Modul Sistem Kutipan

- a. Modul Sistem Kutipan adalah untuk mengenal pasti kutipan yang tidak ada nombor bil dan resit kutipan bertindih. Analisis Audit terhadap Modul Sistem Kutipan mendapati kutipan tiada nombor bil, nombor resit kutipan dan nombor transaksi berulang-ulang. Butirannya adalah seperti di **Jadual 8.11**.

Jadual 8.11
Hasil Analisis Modul Sistem Kutipan

Bil.	PBT	Hasil Analisis		
		Kutipan Tiada No. Bil. (Rekod)	No. Resit Kutipan Berulang-ulang (Rekod)	No. Transaksi Kutipan Berulang-ulang (Rekod)
1.	Majlis Daerah Kampar	11,764 dari 380,000	306 dari 80,000	Tiada rekod
2.	Majlis Daerah Tanjong Malim	2,262 dari 436,094	288,542 dari 436,094	288,114 dari 436,094
3.	Majlis Daerah Batu Gajah	4,575 dari 298,311	53,673 dari 298,311	53,562 dari 298,311

Sumber: Rekod 3 PBT

- b. Berdasarkan maklum balas daripada:
- MDK - kutipan yang tiada nombor bil adalah urus niaga bagi bayaran tunggakan dan cagaran. Nombor resit berulang kerana penggunaan semula kod operator yang tidak lagi bertugas sebagai juruwang.
 - MDTM - data yang disenaraikan adalah data dari Sistem SPBT. Rekod tahun 2008 dan 2009, transaksi dimasukkan secara serentak di dalam skrin kutipan yang akan mempunyai nombor resit yang sama.
 - MDBG - kutipan tidak dimasukkan nombor bil tetapi nombor akaun. Nombor resit kutipan berulang dan nombor transaksi berulang disebabkan juruwang menutup dan membuka kaunter pada hari yang sama.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan modul-modul seperti Sistem ID Pelanggan, Sistem Taksiran dan Sistem Kutipan tidak memuaskan kerana rekod menunjukkan data yang tidak tepat.

8.4.3. Kawalan Am Terhadap Sistem e-PBT

Kawalan am merupakan kawalan terhadap pemprosesan komputer yang merangkumi prosedur secara manual dan program. Kawalan am dalam persekitaran ICT dapat memberi jaminan yang munasabah terhadap pencapaian objektif kawalan dalaman. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

8.4.3.1. Kawalan Akses Logikal

Kawalan akses logikal perlu diwujudkan bagi memastikan capaian pengguna terhadap aplikasi dan data yang sensitif adalah dihadkan. Ia penting untuk mengelakkan pengubahsuaian terhadap sistem tanpa kelulusan. Semakan Audit terhadap kelima-lima PBT mendapati tiada polisi atau prosedur khas diwujudkan untuk mencipta ID pengguna yang baru. ID pengguna pegawai atau kakitangan baru di PBT akan diwujudkan jika ada

arahan daripada Ketua Jabatan masing-masing kepada Pegawai Teknologi Maklumat secara lisan dan tiada borang khas dan kelulusan pegawai tertentu atau PTM di buat secara dokumentasi. Selain itu didapati sistem e-PBT tidak mempunyai jejak Audit. Jejak Audit adalah log transaksi yang merekodkan setiap aktiviti transaksi yang berlaku di dalam sistem. Jika berlaku apa-apa perubahan pada sistem, PTM tidak dapat membuat semakan kembali ke atas semua transaksi e-PBT yang telah berlaku.

8.4.3.2. Kawalan Rancangan Kesenambungan Urusan (*Business Continuity Plan*)

Kawalan Rancangan Kesenambungan Urusan adalah untuk memastikan penggunaan yang cekap terhadap sumber komputer, wujudnya *back-up* terhadap aplikasi dan data serta memastikan bahawa sistem boleh beroperasi semula dalam tempoh yang ditetapkan selepas bencana berlaku. Semakan Audit mendapati tiada *Standard Operating Procedure (SOP)* untuk kaedah pelaksanaan *back-up* data e-PBT. *Back-up* merupakan satu kaedah bagi menjaga keselamatan data agar sentiasa terpelihara daripada sebarang kejadian yang boleh mengakibatkan kehilangan data. *Back-up* bagi data adalah penting kerana data kutipan dan kewangan di dalam sistem adalah perlu untuk meneruskan pemprosesan sekiranya berlaku gangguan *server*. *SOP* untuk kaedah pelaksanaan *back-up* data hendaklah diwujudkan untuk memastikan bahawa data/maklumat e-PBT dapat dipulihkan sekiranya berlaku gangguan terhadap Sistem e-PBT dan kaedah *back-up* yang dilaksanakan adalah tidak seragam. Ini kerana pihak KPKT tidak memastikan *SOP* disediakan. Selain itu, didapati tiada arahan dan prosedur yang dikeluarkan untuk mewajibkan PTM dan PPTM PBT menjalankan *back-up* data setiap hari. PTM hanya melaksanakan *back-up* berdasarkan inisiatif sendiri. Semakan seterusnya terhadap Senarai Tugas PTM MDL dan MDBG mendapati kaedah *back-up* data adalah secara berkala manakala bagi MDK kaedah *back-up* adalah setiap hari. Bagaimanapun, pada Senarai Tugas PTM MDTM dan PPTM MPM kaedah *back-up* data tidak dinyatakan. Maklumat pelaksanaan *back-up* adalah seperti di **Jadual 8.12**.

Jadual 8.12
Maklumat *Back-up* Yang Dilaksanakan

Bil.	PBT	Jenis <i>Back-up</i>	Media Storan	Lokasi Simpanan	
				<i>Local</i>	<i>Off Site Backup</i>
1.	Majlis Perbandaran Manjung	Harian	<i>Auto Script/Aplikasi E2 Back-up</i>	Blok A	Blok B <i>Mirror Server</i>
2.	Majlis Daerah Kampar	Harian	<i>Pita/External Hardisk</i>	Bilik <i>Server</i>	Tiada
3.	Majlis Daerah Lenggong	Harian	<i>External Hardisk</i>	Bilik PTM/ Bilik <i>Server</i>	Tiada
4.	Majlis Daerah Tanjong Malim	Harian	<i>Pita</i>	Peti Besi	Tiada
5.	Majlis Daerah Batu Gajah	Harian	<i>Pita/External Hardisk</i>	Bilik PTM	Tiada

Sumber: Rekod 5 PBT

Pada pendapat Audit, KPKT perlu memastikan *Standard Operating Prosedur* diwujudkan supaya kaedah pelaksanaan *back-up* dapat diseragamkan.

8.4.4. Pengurusan Dokumen Perjanjian Tidak Memuaskan

8.4.4.1. PBT Tidak Diberi Dokumen Perjanjian

Bagi melaksanakan Sistem e-PBT, terdapat tiga dokumen perjanjian yang ditandatangani antara Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT dengan G.W. *Intech* Sdn. Bhd. sebagai Pembekal. Dokumen Perjanjian tersebut adalah Peningkatan Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan kepada Sistem e-PBT Dan Pelaksanaan Perintis e-PBT, Perluasan Sistem e-PBT dan Perluasan Sistem e-PBT (Perjanjian Tambahan No.1) yang telah ditandatangani masing-masingnya pada 19 Jun 2006, 31 Disember 2007 dan 31 Mac 2008. Semakan Audit mendapati BKT PSUK dan 4 PBT tidak diberi sesalinan dokumen perjanjian oleh KPKT kecuali MPM. Perkara ini berlaku disebabkan perjanjian yang ditandatangani adalah di antara KPKT dan Pembekal. Ketiadaan dokumen perjanjian menyukarkan pihak PBT terlibat untuk memantau sama ada pelaksanaan projek yang merangkumi pembangunan aplikasi, perkakasan dan latihan mengikut syarat perjanjian.

8.4.4.2. Dokumentasi Perjanjian Tidak Dipatuhi

Klausa 8.3 dalam Dokumen Perjanjian untuk Peningkatan Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer PBT Kepada Sistem e-PBT Dan Pelaksanaan Perintis e-PBT menyatakan *The Company shall furnish free of charge to the Goverment a minimum of three (3) copies of all manuals and documents in both hardcopy and softcopy for the effective implementation, use and operation of the system.* Semakan Audit mendapati kelemahan adalah seperti berikut:

a. Tiada *Data Dictionary* (Kamus Data) Bagi Pangkalan Data

Kamus Data ialah dokumen yang menerangkan data yang ada dalam pangkalan data iaitu jenis data, sumber data, panjang data dan juga maksud setiap *table* dan *field*. Semakan Audit mendapati tiada bukti PBT mempunyai Kamus Data untuk Sistem e-PBT. Ini kerana pembekal tidak menyerahkan maklumat tersebut semasa penyerahan dokumen projek. Oleh kerana itu Pegawai Teknologi Maklumat (PTM) Majlis tidak mengetahui dengan jelas fungsi setiap *table* dan *field* yang diwujudkan di dalam pangkalan data. Keadaan ini menyebabkan banyak *table* yang tidak digunakan dan mengambil ruang dalam pangkalan data tersebut. PTM juga sukar untuk menyenggara dan membetulkan kesilapan di dalam sistem serta pengesahan pangkalan data juga tidak dapat dilaksanakan.

b. *Entity Relationship Diagrams* Tidak Lengkap

Entity Relationship Diagrams (ERD) digunakan untuk memahami carta aliran sistem secara keseluruhan. Semakan Audit mendapati ERD yang diberi oleh Pembekal kepada PBT adalah tidak lengkap dan ini menyukarkan PTM untuk memahami dan menguruskan pelaksanaan sistem. Selain itu, pengubahsuaian yang dilaksanakan oleh PTM dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (PPTM) juga adalah tidak menyeluruh dan boleh mengakibatkan kepincangan pada laporan yang dihasilkan oleh sistem.

- c. Berdasarkan maklum balas MPM, MDK, MDL, MDTM dan MDBG, Kamus Data tidak dibekalkan oleh pembekal semenjak mulanya Sistem e-PBT. ERD yang dibekalkan oleh pembekal tidak kemas kini dan memerlukan versi terkini. Selepas mendapat teguran Audit, Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan akan mengemukakan permohonan kepada pihak pembekal untuk mendapatkan salinan dokumen berkaitan Kamus Data dan ERD yang lengkap dan kemas kini.

Pada pendapat Audit, Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan dan PBT perlu mendapatkan sesalinan dokumen perjanjian supaya dapat memantau pelaksanaan Sistem e-PBT mematuhi syarat perjanjian. Kamus Data dan *Entity Relationship Diagrams (ERD)* perlu disedia dan dilengkapkan oleh pembekal supaya PTM dan PPTM dapat menyenggara, melaksana dan memahami Sistem e-PBT. Sekiranya pihak Pembekal gagal membekalkan Kamus Data dan *Entity Relationship Diagrams*, pihak Kerajaan patut berunding untuk mengurangkan bayaran kepada pembekal.

8.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya Sistem e-PBT adalah tidak memuaskan kerana masih tidak mencapai matlamat pada tahap optimum walaupun pelaksanaan penggunaannya telah hampir 4 tahun. Pengguna Sistem e-PBT masih menghadapi masalah dan sistem tersebut tidak dapat memenuhi sepenuhnya keperluan semasa pengguna. Bagi tujuan penambahbaikan, adalah disyorkan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan/Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan mengambil tindakan berikut:

- 8.5.1. Mendapatkan salinan dokumen perjanjian yang ditandatangani oleh KPKT dan pihak pembekal.
- 8.5.2. Memastikan pembekal menyediakan Kamus Data Sistem e-PBT dan *Entity Relationship Diagrams (ERD)* kepada semua PBT.
- 8.5.3. PBT menggunakan sepenuhnya semua modul yang diwujudkan dalam Sistem e-PBT.
- 8.5.4. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan hendaklah membuat penambahbaikan kepada Sistem e-PBT dengan menyediakan 3 elemen Penyata Kewangan iaitu Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai Dan Nota-nota Kepada Akaun. Elemen yang disediakan hanyalah Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan.
- 8.5.5. PBT perlu memastikan semua data Sistem e-PBT melalui Sistem ID Pelanggan, Modul Sistem Taksiran dan Modul Sistem Kutipan dapat dibersihkan dengan sempurna supaya data yang tepat dapat dihasilkan.



BAHAGIAN II PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

9. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2010, Jabatan Audit Negara Negeri Perak telah memilih untuk mengaudit syarikat subsidiari Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) iaitu Perak E-Organisation Sdn. Bhd. dan syarikat subsidiari Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) iaitu Syarikat Perak SADC Management Sdn. Bhd. (PSMS) dan Syarikat Subsidiari Lembaga Air Perak (LAP) iaitu Millenia Aqua Services Sdn. Bhd. (MASSB).

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

10. PERAK E-ORGANIZATION SDN. BHD.

10.1. LATAR BELAKANG

Perak E-Organization Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (Perbadanan) dengan 100% ekuiti. Syarikat ditubuhkan pada 23 Mei 2001 di bawah Akta Syarikat 1965 bagi menjalankan aktiviti perniagaan berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Sehingga 31 Disember 2009, Syarikat beroperasi dengan modal dibenarkan RM10 juta dan modal berbayar RM6.50 juta. Syarikat mempunyai 2 syarikat subsidiari iaitu Perak Multimedia Dotcom Sdn. Bhd. dan Nova Beta (M) Sdn. Bhd. yang ditubuhkan bagi menjalankan pelbagai aktiviti. Selain itu, Syarikat mempunyai 3 Syarikat Bersekutu iaitu The Red Snapper (M) Sdn. Bhd., Perak Security Systems Corporation Sdn. Bhd. dan Perak Technology Dotcom Sdn. Bhd. Pada tahun 2009, Syarikat telah menjual pegangan ekuiti dalam Syarikat Perak Technology Dotcom Sdn. Bhd. Pentadbiran pengurusan Syarikat diketuai oleh seorang Ketua Eksekutif yang dibantu oleh 2 pegawai pengurusan, 3 Ahli Lembaga Pengarah dan 19 kakitangan.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

10.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan yang dilaksanakan di pejabat Syarikat meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama Syarikat bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan juga diperluaskan sebelum tahun 2008 seperti di peringkat penubuhan Syarikat. Semakan Audit dijalankan di Syarikat terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan. Analisis kewangan dilakukan bagi tempoh 3 tahun berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2007 hingga 2009. Temu bual dan perbincangan diadakan dengan pegawai Syarikat dan Perak Techno Trade Centre (PTTC) yang terlibat. Pemeriksaan fizikal terhadap aset juga dijalankan di bangunan PTTC.

10.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan Syarikat yang dijalankan antara bulan Julai 2010 hingga Oktober 2010 mendapati Syarikat memperoleh kerugian bersih sejumlah RM3.34 juta pada tahun 2009 berbanding kerugian bersih sejumlah RM4.08 juta pada tahun 2008. Adalah didapati Syarikat tidak mempunyai kecairan tunai yang mencukupi untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya. Sehingga 31 Disember 2009, kerugian terkumpul Syarikat berjumlah RM8.35 juta. Pengurusan aktiviti utama Syarikat adalah tidak memuaskan kerana terdapat kelemahan seperti penyewa tidak mematuhi syarat perjanjian dengan Syarikat sehingga mengakibatkan tunggakan sewa yang tinggi. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti serta pematuhan terhadap peraturan dan kewangan Syarikat adalah seperti berikut:

10.4.1. Prestasi Kewangan

10.4.1.1. Analisis Trend

- a. Pada tahun 2007, Syarikat mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM4.41 juta. Namun, pada tahun 2008 dan 2009, Syarikat mengalami kerugian bersih berjumlah RM4.08 juta dan RM3.34 juta masing-masing. Kerugian pada tahun 2008 dan 2009 adalah disebabkan oleh jumlah perbelanjaan kos operasi yang tinggi seperti penyenggaraan bangunan dan bayaran bil elektrik berbanding pendapatan yang diperoleh.
- b. Pendapatan Syarikat setakat ini hanya disumbangkan daripada hasil sewaan bangunan PTTC. Pendapatan Syarikat pada tahun 2007 adalah berjumlah RM10.6 juta dan menurun kepada RM1.36 juta pada tahun 2008 dan seterusnya meningkat kepada RM1.69 juta pada tahun 2009. Analisis Audit mendapati peningkatan terhadap pendapatan lain pada tahun 2007 adalah dari jualan tanah di Teluk Dalam, Pulau Pangkor kepada The Red Snapper (M) Sdn. Bhd. dan Hiroshi Industries Sdn. Bhd. berjumlah RM8.81 juta. Selain itu, pada tahun 2007, pendapatan Syarikat adalah daripada jualan saham Syarikat Perak Integrated Networks Services Sdn. Bhd. berjumlah RM0.38 juta. Pendapatan pada tahun 2008 hanya dari punca sewaan sahaja berbanding dengan tahun 2007 terdapat hasil jualan tanah dan saham. Peningkatan tahun 2009 disebabkan hasil bayaran sewaan bangunan bertambah.


- c. Analisis Audit terhadap perbelanjaan Syarikat pula mendapati berlaku penurunan terhadap jumlah perbelanjaan pada tahun 2008. Pada tahun 2007, perbelanjaan Syarikat adalah berjumlah RM5.33 juta menurun kepada RM4.01 juta pada tahun 2008 dan meningkat kepada RM5.03 juta pada tahun 2009. Penurunan perbelanjaan sejumlah RM1.32 juta atau 24.8% pada tahun 2008 adalah disebabkan penurunan dalam perbelanjaan kos operasi sejumlah RM0.13 juta dan kos perbelanjaan am dan pentadbiran sejumlah RM1.19 juta. Pada tahun 2009 pertambahan perbelanjaan berlaku disebabkan peningkatan perbelanjaan kos operasi berjumlah RM0.03 juta dan kos perbelanjaan am dan pentadbiran sejumlah RM0.99 juta.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung atau rugi bersih Syarikat bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 10.1**, **Carta 10.1** dan **Carta 10.2**.

Jadual 10.1
Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Bersih
Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan	1.00	1.24	1.50
Perbelanjaan Operasi	(2.63)	(2.50)	(2.53)
Rugi Kasar	(1.63)	(1.26)	(1.03)
Pendapatan Lain	9.60	0.12	0.19
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(2.70)	(1.51)	(2.50)
Untung/(Rugi) Operasi	5.27	(2.65)	(3.34)
Kerugian Dalam Syarikat	(0.86)	(1.43)	-
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	4.41	(4.08)	(3.34)
Cukai	-	-	-
Untung/(Rugi) Bersih	4.41	(4.08)	(3.34)


Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 10.1
Trend Keuntungan Bersih Syarikat Bagi
Tahun Kewangan
2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 10.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan
Syarikat Bagi Tahun Kewangan
2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

10.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata

Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun Kewangan		
	2007	2008	2009
Nisbah Semasa	1.19:1	0.55:1	0.49:1
Margin Untung/(Rugi) Bersih(%)	441	(326)	(223)
Nisbah Pulangan Atas Aset	5.1:1	(4.4):1	(3.7):1
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	60.5:1	(266.7):1	(184.5):1

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan untuk mengukur kecairan Syarikat iaitu sejauh mana Syarikat berkemampuan menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dengan tanggungan semasa. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan keadaan yang baik. Berdasarkan analisis Audit, Nisbah Semasa Syarikat adalah 1.19:1 pada tahun 2007, 0.55:1 pada tahun 2008 dan 0.49:1 pada tahun 2009. Kedudukan nisbah ini menunjukkan Syarikat tidak mempunyai kecairan yang mencukupi dan tidak berupaya menampung keseluruhan tanggungan semasanya. Tahap kecairannya yang menurun adalah disebabkan oleh pengurangan tunai dan penghutang sewa berbanding peningkatan pemiutang dan liabiliti lain. Keadaan ini menyebabkan Syarikat terpaksa menghadapi risiko yang tinggi untuk menyelesaikan hutangnya.

b. Margin Keuntungan

Margin keuntungan mengukur kadar keuntungan bersih bagi setiap ringgit yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah Syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah Syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan Syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan bagi tahun 2007, Syarikat telah memperoleh keuntungan sejumlah RM4.41. Bagi tahun 2008 dan 2009 bagi setiap ringgit hasil pendapatan, Syarikat telah mengalami kerugian sejumlah RM3.26 dan RM2.23. Nisbah ini menunjukkan pengurusan Syarikat tidak berkemampuan untuk menjana keuntungan kepada Syarikat bagi 2 tahun iaitu 2008 dan 2009.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset merupakan petunjuk kepada kadar pulangan yang diperoleh daripada penggunaan semua aset. Nisbah ini adalah pendekatan yang diguna bagi menilai kecekapan Syarikat menggunakan aset untuk menjana keuntungan. Peratusan yang tinggi menunjukkan kecekapan pengurusan Syarikat menjana keuntungan manakala peratusan yang rendah menunjukkan ketidakcekapan. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Aset Syarikat adalah positif iaitu 5.1:1 pada tahun 2007. Bagaimanapun, ia menjadi negatif iaitu 4.4:1 pada tahun 2008 dan 3.7:1 pada tahun 2009. Ini menunjukkan pengurusan

Syarikat hanya mampu menjana keuntungan pada tahun 2007 manakala bagi tahun 2008 dan 2009 Syarikat tidak berupaya menjana keuntungan menggunakan asetnya.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur kecekapan Syarikat menjana pendapatan kepada pemegang saham. Peratusan yang tinggi menunjukkan Syarikat berkemampuan untuk memberi pulangan yang tinggi kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti adalah positif iaitu 60.5:1 pada tahun 2007. Bagaimanapun, nisbah ini menjadi negatif iaitu 266.7:1 pada tahun 2008 dan 184.5:1 pada tahun 2009. Ini menunjukkan pengurusan Syarikat tidak berkemampuan memberi pulangan yang baik kepada Syarikat dan Perbadanan yang memegang 100% ekuiti saham dalam Syarikat.

- e. Mengikut maklum balas Syarikat, hasil penyewaan PTTC sahaja tidak cukup untuk menampung keperluan perbelanjaan Syarikat dan Syarikat akan berusaha mempelbagaikan aktivitinya seperti memanfaatkan aset-aset hartanah dan perkhidmatan-perkhidmatan ICT lain untuk menampung pendapatan Syarikat. Kecairan tunai adalah tidak mencukupi kerana terdapat cara pembayaran secara kontra bagi sebahagian penyewa-penyewa yang berkaitan dengan Perbadanan dan Syarikat kumpulan Perbadanan yang diambil kira sebagai pembayaran balik pendahuluan ke Perbadanan.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Syarikat adalah tidak memuaskan kerana Syarikat ini menghadapi masalah kecairan aliran tunai dan menanggung kerugian dua tahun berturut-turut berjumlah RM7.42 juta bagi tahun 2008 dan 2009. Manakala kerugian terkumpul Syarikat sehingga 31 Disember 2009 berjumlah RM8.35 juta. Secara keseluruhannya, pengurusan Syarikat masih belum mampu mendapatkan pulangan atas pelaburannya dalam bidang ICT. Ini adalah berdasarkan peratusan nisbah pulangan ke atas aset dan ekuiti yang negatif bagi tahun 2008 dan 2009 di samping tidak berupaya menampung keseluruhan tanggungannya dengan jumlah aset yang ada.

10.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan Syarikat dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan. Aktiviti utama Syarikat adalah pengurusan perniagaan berkaitan dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) serta penyewaan bangunan PTTC.

10.4.2.1. Pengurusan Data Centre

Data Centre (DC) dibangunkan dengan tujuan untuk membolehkan kakitangan Perbadanan, Syarikat dan Syarikat subsidiarinya serta komuniti perniagaan di Pusat *Multimedia Super Corridor* (MSC) Perak dan juga warga Negeri Perak memperoleh laluan (*access*) kepada perkhidmatan yang disediakan oleh DC. Perkhidmatan yang disediakan adalah *Web/Email Hosting*, *Server Co-Location*, *Dedicated Server* dan *Disaster Recovery*. Sehubungan itu, satu perjanjian ditandatangani pada 3 Januari 2006 antara Perbadanan, Syarikat dan sebuah Syarikat untuk membangunkan *Data Centre* dengan kos

RM3.25 juta. Surat lantikan bertarikh 22 Januari 2007 telah dikeluarkan kepada Syarikat yang dilantik untuk menjalankan operasi, perniagaan dan penyelenggaraan di *Data Centre* dengan kos RM1.7 juta bagi tempoh 5 tahun. Bagi menjaga kepentingan Syarikat khususnya, satu perjanjian pembangunan dan penyelenggaraan *Data centre* hendaklah ditandatangani antara Syarikat dan Syarikat berkenaan. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

- a. Sehingga kini perjanjian masih dalam peringkat draf.
- b. Rekod penyewa disimpan oleh Syarikat dan tidak ada semakan dan pemantauan oleh Syarikat.
- c. Semakan terhadap lejar am bagi tahun 2008 hingga 2010 mendapati inbois tidak dikeluarkan kepada semua penyewa.

Pada pendapat Audit, Syarikat hendaklah memuktamadkan perjanjian pengurusan *Data Centre* bagi menjaga kepentingan Syarikat.

10.4.2.2. Kadar Sewaan

Bangunan Perak Techno Trade Centre (PTTC) milik Syarikat setinggi 20 tingkat dan mempunyai 61 lot ruang niaga/pejabat dan disewakan dengan kadar sewaan RM1.00 sekaki persegi, dan ditambah RM1.30 untuk caj perkhidmatan menjadikan kadar sewaan berjumlah RM2.30 sekaki persegi. Sehingga 31 Disember 2010, 51 daripada 61 lot ruang niaga/pejabat telah disewakan. Semakan Audit mendapati, kadar sewaan yang dikenakan adalah rendah berbanding dengan kos operasi yang tinggi seperti bayaran bil elektrik, penggunaan penghawa dingin dan penyelenggaraan bangunan. Jumlah kutipan sewa pada masa sekarang tidak dapat membantu Syarikat mendapat keuntungan secara berterusan dalam jangka panjang. Selain itu, satu kajian atau *survey* terhadap kadar sewaan yang patut dikenakan tidak dijalankan oleh pihak Syarikat atas alasan tiada bangunan tinggi berhampiran lokasi iaitu di Jelapang untuk dijadikan perbandingan. Pihak Audit dimaklumkan, kadar sewaan yang rendah adalah bagi membantu Syarikat-syarikat tempatan dan juga sebagai satu insentif kepada Syarikat-syarikat untuk terus beroperasi di bangunan PTTC. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa pada tahun 2010, satu kertas kerja bagi tujuan penstrukturan semula kadar sewaan di PTTC telah disemak oleh Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan Syarikat. Bagaimanapun, kertas kerja berhubung perkara ini masih belum dikemuka dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Syarikat untuk mendapat kelulusan. Syarikat memaklumkan bahawa semakan semula bagi kadar sewaan dan kadar caj perkhidmatan sewaan di PTTC telah dibuat. Kadar ini akan dikuatkuasakan setelah tempoh surat perjanjian setiap penyewa tamat.

Pada pendapat Audit, Syarikat hendaklah menyemak atau menstrukturkan semula kadar sewaan dan kadar caj perkhidmatan yang dikenakan dan menetapkan kadar sewaan kepada yang lebih kompetitif dengan pasaran ekonomi semasa.

10.4.3. Tadbir Urus Korporat

10.4.3.1. Pengurusan Risiko

Setiap aktiviti perniagaan terdedah kepada pelbagai risiko kewangan dan pengurusan termasuk risiko kredit, kadar faedah, pasaran, kecairan dan aliran tunai. Objektif pengurusan risiko adalah untuk mengenal pasti, mengimbangi dan mengawal risiko yang terdedah kepadanya. Justeru, kaedah atau tindakan dapat dikenal pasti bagi meminimumkan atau mengelakkan kerugian daripada kesan risiko tersebut serta meningkatkan pulangan. Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan sesebuah Syarikat adalah bertanggungjawab bagi menangani risiko tersebut secara lebih teratur dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya. Semakan Audit mendapati Syarikat telah menyediakan Draf Polisi Pengurusan Risiko pada tahun 2006 bagi mengenal pasti risiko yang dihadapi Syarikat. Bagaimanapun, pihak Audit difahamkan bahawa ada beberapa pindaan yang perlu dimasukkan dalam draf tersebut sebelum dimuktamadkan. Ia akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan sebelum diterima pakai. Berdasarkan maklum balas Syarikat akan menyediakan Polisi Risiko untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah bagi mendapatkan kelulusan dan diguna pakai. Walau bagaimanapun Syarikat mempunyai Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan yang juga akan mengkaji dan menganalisa setiap perniagaan yang diceburi oleh Syarikat.

10.4.3.2. Pelan Peralihan Tugas

Pelan peralihan tugas (*succession plan*) perlu disediakan bagi membantu pihak pengurusan membuat keputusan dengan lebih teratur apabila timbul keperluan mengisi jawatan penting akibat persaraan atau peletakan jawatan. Dengan adanya perancangan sumber manusia yang tersusun, program Syarikat akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektif Syarikat. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menyediakan pelan peralihan tugas.

10.4.3.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik dipatuhi oleh Syarikat.

a. Penghutang Perdagangan

Penghutang perdagangan adalah terdiri daripada sewa bangunan, sewa dewan, *Data Centre* dan lain-lain. Sehingga 31 Disember 2009, Syarikat mempunyai baki hutang penyewa berjumlah RM1.03 juta setelah ditolak RM0.03 juta peruntukan hutang ragu. Syarikat telah mengambil tindakan untuk mengutip hutang ini dengan mengeluarkan surat peringatan, surat amaran dan hanya satu surat arahan mahkamah telah dikeluarkan. Kedudukan baki hutang penyewa adalah seperti di **Jadual 10.4**. Sehingga September 2010, semakan Audit terhadap 31 penyewa bangunan mendapati terdapat tunggakan sewa berjumlah RM0.88 juta. Tunggakan ini adalah bagi tempoh dari tahun 2005 hingga 2010. Daripada 31 penyewa, 15 daripadanya telah berhenti menyewa dan baki tunggakan sewa adalah berjumlah RM0.43 juta.

Jadual 10.4
Kedudukan Penghutang Perdagangan Sehingga 31 Disember 2009

Bil.	Butiran	Tahun		
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Penghutang Perdagangan	3.75	3.85	1.06
2.	Peruntukan Hutang Ragu	-	-	0.03
	Jumlah Baki Hutang	3.75	3.85	1.03

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan Syarikat adalah memuaskan kecuali dari segi pemiutang sewaan. Adalah penting bagi Syarikat untuk mewujudkan polisi dan peraturan yang jelas berhubung kawalan terhadap pengurusan penyewaan.

b. Pinjaman/Pendahuluan Daripada Perbadanan Dan Syarikat Subsidiari Perbadanan

Pada tahun 2007 hingga 2009, baki pinjaman Syarikat daripada Perbadanan adalah masing-masing berjumlah RM76.30 juta, RM88.85 juta dan RM89.06 juta. Tujuan pinjaman adalah bagi membiayai bayaran gaji, elaun perluasan tugas, bonus, bil elektrik, kos penyelenggaraan kawasan bangunan, bayaran khidmat kepakaran, bayaran kerja memotong rumput, bayaran kepada SKM, penyelenggaraan penghawa dingin, cukai taksiran, bayaran guaman dan kos operasi. Pinjaman tersebut adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh bayaran balik yang ditetapkan. Sejumlah RM0.56 juta pula adalah pendahuluan yang diterima Syarikat daripada Syarikat PCB Development Sdn. Bhd. bagi menampung perbelanjaan penambakan tanah. Semakan Audit mendapati dalam tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2007 hingga 2009 pinjaman yang diterima Syarikat semakin meningkat dari RM77.66 juta kepada RM91.03 juta. Selain itu, tiada perjanjian ditandatangani antara Syarikat dengan Perbadanan dan juga Syarikat Subsidiari Perbadanan. Kedudukan baki pinjaman adalah seperti di **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5
Kedudukan Baki Pinjaman Syarikat Daripada Perbadanan Dan Syarikat Subsidiari Perbadanan Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Perbadanan/Syarikat Subsidiari Perbadanan	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	76.29	88.85	89.06
2.	Star Career Sdn. Bhd.	0.81	0.93	0.90
3.	PCB Development Sdn. Bhd.	0.56	0.56	0.56
4.	Kuda Sejati Sdn. Bhd	-	-	0.51
	Jumlah	77.66	90.34	91.03

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman/pendahuluan Syarikat adalah tidak memuaskan kerana tiada perjanjian di antara Syarikat dengan Perbadanan. Selain itu, polisi dan peraturan berhubung kawalan pinjaman/pendahuluan adalah tidak jelas dan lengkap.

10.4.3.4. Pengurusan Aset

Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan tindakan sewajarnya diambil bagi memastikan aset-aset Syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Sehingga bulan September 2010, Syarikat mempunyai aset tetap yang terdiri daripada bangunan PTTC, tanah, rumah kedai, kilang, komputer, kelengkapan pejabat, dan infrastruktur ICT yang bernilai RM68.30 juta. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai polisi dan prosedur yang jelas berhubung penyenggaraan aset dan inventori. Hasil semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Pemeriksaan Aset Tidak Dijalankan

Semakan Audit mendapati tiada rekod diselenggara bagi menunjukkan pemeriksaan aset ada dijalankan terhadap aset-aset Syarikat. Ini adalah untuk memastikan ia berada dalam keadaan baik dan kemas kini dari segi fizikal, rekod dan lokasinya. Berdasarkan penyata akaun Syarikat, didapati Syarikat memiliki komputer Network PC bernilai RM0.18 juta. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memeriksa secara fizikal dan mengesahkan kewujudan komputer-komputer tersebut kerana rekod tidak diselenggara. Dengan itu, lokasi dan kuantiti sebenarnya tidak dapat dikenal pasti.

b. Daftar Aset Tidak Lengkap Dan Kemas kini

Semakan Audit mendapati daftar aset tidak lengkap dan dikemas kini kerana ada aset seperti televisyen, *monitor LCD* dan *finger print* yang berada di lokasi seperti di **Gambar 10.1** hingga **Gambar 10.4** tidak didaftarkan dalam Daftar Aset. Selain itu, didapati daftar aset adalah tidak lengkap kerana tidak merekodkan kuantiti dan harga perolehan aset.

Gambar 10.1
TV Plasma 42' Samsung Yang Tidak Didaftar
Dalam Daftar Aset



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan PTTC
Tarikh: 22 Oktober 2010

Gambar 10.2
Televisyen Jenama Sanyo Yang Tidak
Didaftar
Dalam Daftar Aset



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan PTTC
Tarikh: 22 Oktober 2010

Gambar 10.3
Monitor LCD Tidak Didaftarkan
Dalam Daftar Aset



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan PTTC
Tarikh: 22 Oktober 2010

Gambar 10.4
Finger Print Tidak Didaftarkan
Dalam Daftar Aset



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan PTTC
Tarikh: 22 Oktober 2010

Pada pendapat Audit, pengurusan aset adalah memuaskan kecuali dari aspek pemeriksaan aset tidak dijalankan dan daftar aset tidak lengkap dan kemas kini.

10.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Syarikat adalah tidak memuaskan kerana Syarikat tidak mampu memberi pulangan pelaburan kepada Perbadanan yang memegang 100% ekuiti sahamnya. Syarikat mengalami kerugian bersih terkumpul berjumlah RM7.42 juta untuk 2 tahun berturut-turut pada tahun 2008 dan 2009, manakala kerugian terkumpul Syarikat sehingga 31 Disember 2009 berjumlah RM8.35 juta. Syarikat menghadapi masalah kecairan tunai kerana tidak berupaya menampung keseluruhan tanggungan semasanya. Bahkan hutang syarikat kepada Perbadanan semakin meningkat. Selain itu, pendapatan utama Syarikat adalah hasil dari penyewaan bangunan PTTC sedangkan pelaburan Syarikat dalam bidang ICT belum memberikan pulangan walaupun Syarikat ini telah beroperasi selama 9 tahun. Adalah disyorkan Syarikat mengambil tindakan berikut bagi tujuan penambahbaikan dan mengukuhkan prestasi kewangan Syarikat:

10.5.1. Mengenal pasti punca kerugian Syarikat supaya kerugian tidak berterusan. Ini bagi menjaga kepentingan Perbadanan yang memegang 100% ekuiti saham dalam Syarikat.

10.5.2. Mengadakan polisi risiko sebagai panduan bagi memperkemaskan lagi pengurusan Syarikat.

10.5.3. Tindakan penguatkuasaan terhadap syarat perjanjian berhubung penyewaan bangunan PTTC dan mengutip tunggakan sewa berjumlah RM0.88 juta.

10.5.4. Memastikan perjanjian ditandatangani dengan Syarikat bagi pengurusan *Data Centre* bagi menjaga kepentingan Syarikat.

10.5.5. Memastikan perjanjian berkaitan pinjaman/pendahuluan di antara Syarikat dengan PKNP disediakan.

10.5.6. Memastikan kejayaan pelaburan Syarikat dalam bidang ICT membawa pulangan seperti yang dirancang.

10.5.7. Memastikan aset Syarikat disenggara dan dijaga dengan baik serta daftar aset di selenggara dengan lengkap, tepat dan kemas kini.

PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK

11. PERAK SADC MANAGEMENT SERVICES SDN. BHD.

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Perak SADC Management Services Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah anak syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perbadanan) yang memiliki 100% ekuiti. Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada Disember 1979 atas nama Fimaly-Perbadanan Management Services Sdn. Bhd. dan telah ditukarkan kepada Perak SADC Management Services Sdn. Bhd. pada bulan Mac 1997. Syarikat menjalankan aktiviti utama di bidang pengurusan ladang-ladang milik Perbadanan dan pemprosesan Buah Tandan Segar (BTS) bagi penghasilan Minyak Sawit Mentah (MSM). Sehingga akhir tahun 2010, modal dibenarkan Syarikat adalah RM25 juta dan modal berbayar RM10.3 juta.

11.1.2. Syarikat menguruskan sebanyak 27 buah ladang di bawah kumpulan Perbadanan. Pemprosesan buah tandan segar kelapa sawit untuk minyak mentahnya adalah sebanyak 60% daripada ladang-ladang kumpulan Perbadanan. Manakala selebihnya adalah pekebun-pekebun kecil dan peniaga-peniaga BTS di persekitaran kilang yang dapat menyumbang bekalan BTS tambahan.

11.1.3. Lembaga Pengarah Syarikat dianggotai oleh 4 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dan melaksanakan tanggungjawab melalui kuasa yang diperuntukkan oleh Memorandum & Artikel (M&A) dan Akta Syarikat 1965. Struktur organisasi Syarikat diketuai oleh seorang Pengurus Kanan yang bertanggungjawab melaporkan hal ehwal pengurusan Syarikat kepada Pengarah Eksekutif. Manakala untuk Pengurusan Kilang Kelapa Sawit pula diuruskan oleh seorang Pengurus Kilang yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan memantau aktiviti memproses BTS. Semua aktiviti dan pengurusan kilang akan dilaporkan kepada Pengurus Kanan.

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

11.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di pejabat Syarikat meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama Syarikat dengan tujuan untuk menilai sama ada wang yang disumbangkan oleh Perbadanan diurus dan digunakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Aspek yang dinilai ialah Prestasi Kewangan, Pengurusan Aktiviti Syarikat dan Tadbir Urus Korporat. Semakan Audit di pejabat Syarikat meliputi semakan terhadap dokumen, fail serta rekod

yang berkaitan polisi dan prosedur, urusan niaga biasa dan luar biasa, model perniagaan yang digunakan serta pematuan peraturan dan undang-undang bagi tempoh 3 tahun dari tahun 2008 hingga 2010. Selain itu, temu bual dengan pegawai berkenaan dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut serta pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan aset juga dilaksanakan. Lawatan ke tapak projek/aktiviti dilaksanakan bagi menilai pelaksanaan yang dirancang. Analisis kewangan merangkumi nisbah dan *trend* yang dilakukan secara perbandingan dengan indeks prestasi syarikat bagi tempoh tiga tahun berdasarkan penyata kewangan tahun 2007 hingga 2009.

11.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati kedudukan kewangan Syarikat adalah baik. Syarikat memperoleh keuntungan bersih bagi 3 tahun berturut-turut iaitu berjumlah RM4.11 juta pada tahun 2009 berbanding keuntungan bersih RM2.29 juta pada tahun 2008 dan RM2.31 juta pada tahun 2007. Secara keseluruhannya, pengurusan Syarikat adalah baik kerana Syarikat didapati mampu memberi pulangan kepada Perbadanan yang memegang 100% ekuiti sahamnya. Kemampuan ini adalah berasaskan pendapatan tertahan (*retained earnings*) sehingga akhir tahun 2009 berjumlah RM16.6 juta. Syarikat juga mampu meningkatkan margin keuntungan dengan mengurus dan mengurangkan kos perbelanjaan syarikat dengan baik. Prestasi aktiviti Kilang Kelapa Sawit Kampung Gajah (Kilang) juga adalah memuaskan kerana telah mencapai standard yang ditetapkan oleh *Malaysian Palm Oil Board* (MPOB) bagi aktiviti pemprosesan BTS. Penjelasan lanjut berhubung dengan Prestasi Kewangan, Pengurusan Aktiviti dan Tadbir Urus Korporat adalah seperti berikut:

11.4.1. Prestasi Kewangan

11.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit mendapati keuntungan bersih Syarikat menurun 1.3% daripada RM3.18 juta pada tahun 2007 kepada RM3.14 juta pada tahun 2008 manakala meningkat 74.8% kepada RM5.49 juta pada tahun 2009. Penurunan keuntungan bersih pada tahun 2008 adalah kerana peningkatan harga buah tandan segar serta peningkatan perbelanjaan operasi kilang. Pada tahun 2009 pula, kenaikan keuntungan bersih adalah kerana penurunan dalam kos pengeluaran disebabkan harga buah tandan segar yang menurun.
- b. Pendapatan utama Syarikat diperolehi melalui aktiviti pengurusan ladang-ladang milik Perbadanan dan pemerosesan Buah Tandan Segar (BTS) bagi penghasilan Minyak Sawit Mentah (MSM). Jumlah pendapatan Syarikat pada tahun 2008 meningkat sejumlah RM23.17 juta iaitu 23.7% kepada RM121.08 juta daripada RM97.91 juta pada tahun 2007. Pada tahun 2009, jumlah pendapatannya menurun sejumlah RM24.84 juta iaitu 20.5% daripada RM121.08 juta kepada RM96.24 juta. Peningkatan dan penurunan jumlah pendapatan Syarikat adalah bergantung kepada paras harga buah kelapa sawit di pasaran.


- c. Jumlah perbelanjaan Syarikat pada tahun 2008 menunjukkan peningkatan sejumlah RM23.21 juta iaitu 24.5% daripada RM94.73 juta pada tahun 2007 kepada RM117.94 juta. Manakala jumlah perbelanjaan pada tahun 2009 menurun sejumlah RM27.19 juta iaitu 23.1% kepada RM90.75 juta berbanding RM117.94 juta pada tahun 2008. Jumlah perbelanjaan yang meningkat pada tahun 2008 adalah kerana peningkatan dalam kos pengeluaran iaitu peningkatan harga bagi pembelian buah tandan segar dan kos buruh langsung. Perbelanjaan yang menurun pada tahun 2009 pula adalah kerana penurunan kos pengeluaran iaitu penurunan harga bagi pembelian buah tandan segar.
- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan Syarikat bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 11.1**, **Carta 11.1** dan **Carta 11.2**.

Jadual 11.1
Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Bersih Syarikat
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun 2007 (RM Juta)	Tahun 2008 (RM Juta)	Tahun 2009 (RM Juta)
Pendapatan	96.95	120.56	96.03
Perbelanjaan Operasi	(92.47)	(115.42)	(88.55)
Untung Kasar	4.48	5.14	7.48
Pendapatan Lain	0.30	0.23	0.19
Perbelanjaan Jualan dan Pentadbiran	(1.53)	(2.22)	(2.19)
Untung/(Rugi) Operasi	3.25	3.15	5.48
Kos Kewangan	(0.73)	(0.30)	(0.01)
Pendapatan Pelaburan	0.66	0.29	0.02
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	3.18	3.14	5.49
Cukai	(0.87)	(0.85)	(1.38)
Untung/(Rugi) Bersih	2.31	2.29	4.11


Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 11.1
Trend Keuntungan Bersih
Syarikat Bagi Tahun Kewangan
2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 11.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan
Syarikat Bagi Tahun Kewangan
2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

11.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 11.2**.

Jadual 11.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun Kewangan		
	2007	2008	2009
Nisbah Semasa	1.08:1	2.08:1	1.97:1
Margin Untung Bersih (%)	3.28	2.60	5.72
Pulangan Ke Atas Aset	4.7:1	8.0:1	10.7:1
Pulangan Ke Atas Ekuiti	11.3:1	10.0:1	15.3:1

Sumber: Penyata Kewangan Perak SADC Management Services Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur kecairan Syarikat iaitu sejauh mana Syarikat berkemampuan menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan tanggungan semasa. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan keadaan yang baik. Berdasarkan perkiraan Audit, Nisbah Semasa Syarikat adalah 1.08:1 pada tahun 2007, 2.08:1 pada tahun 2008 dan 1.97:1 pada tahun 2009. Kedudukan nisbah ini menunjukkan Syarikat mempunyai kecairan tunai yang mencukupi dan berupaya menampung tanggungan semasanya.

b. Margin Keuntungan

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, Syarikat telah memperoleh keuntungan sejumlah 3 sen pada tahun 2007, 3 sen pada tahun 2008 dan 6 sen pada tahun 2009. Peningkatan nisbah ini menunjukkan Syarikat telah meningkatkan keupayaannya menjana keuntungan kepada Syarikat pada tahun 2009 berbanding pada tahun 2007 dan 2008.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset merupakan petunjuk kepada kadar pulangan yang diperoleh daripada penggunaan semua aset. Nisbah ini adalah pendekatan yang diguna bagi menilai kecekapan syarikat menggunakan aset untuk menjana keuntungan. Peratusan yang tinggi menunjukkan kecekapan pengurusan syarikat menjana keuntungan manakala peratusan yang rendah menunjukkan ketidakcekapan. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Ke Atas Aset Syarikat adalah 4.7% pada tahun 2007, menaik kepada 8% pada tahun 2008 dan menaik sedikit kepada 10.7% pada tahun 2009. Ini menunjukkan pengurusan Syarikat mampu menjana keuntungan menggunakan asetnya.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur kecekapan syarikat menjana pendapatan kepada pemegang saham. Peratusan yang tinggi menunjukkan syarikat berkemampuan untuk memberi pulangan yang tinggi kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti Syarikat adalah 11.3% pada tahun 2007, 10% pada tahun 2008 dan 15.3% pada tahun 2009. Ini menunjukkan syarikat berkemampuan memberi pulangan yang baik kepada pemegang saham.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Syarikat menunjukkan peningkatan pada tahun 2009 berbanding pada tahun 2007 dan tahun 2008. Ini adalah kerana salah satu aktiviti utama Syarikat iaitu pengurusan Kilang banyak bergantung kepada naik turun harga pasaran sawit yang dipengaruhi oleh ekonomi global.

11.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pada tahun 2000, Syarikat telah membina sebuah Kilang Kelapa Sawit di Kampung Gajah (Kilang) dan beroperasi secara komersial pada 1 Ogos 2001. Kos pembinaan kilang adalah bernilai RM25 juta. Kilang ini berkapasiti untuk memproses Buah Tandan Segar (BTS) sebanyak 30 tan/sejam. Hasil Pengeluaran Kilang terdiri daripada minyak sawit mentah CPO (*crude palm oil*), isirong (*Kernel*), *Sludge Oil*, *Palm Shell*, *Fibre* dan *EFB (Empty Fruit Bunch)*. Bagaimanapun, jualan terbesar dan penyumbang terbanyak pendapatan jualan adalah daripada CPO dan *Kernel*.

11.4.2.1. Prestasi Operasi Pengurusan Ladang Dan Kilang

a. Pengurusan Ladang-ladang Kumpulan Perbadanan

Pengurusan Ladang-ladang Kumpulan Perbadanan oleh Syarikat meliputi pengurusan memproses dan pembayaran tender/sebut harga kontrak kerja. Selain itu Syarikat juga menguruskan kontrak pembelian BTS serta kawalan terhadap tindakan susulan bagi permohonan kerja ladang yang dicadangkan termasuk kerja-kerja luar jangka dan kecemasan. Semakan Audit mendapati, pengurusan Ladang-ladang milik Kumpulan Perbadanan oleh Syarikat adalah baik kerana Syarikat sentiasa memantau ladang-ladang melalui penyelia dan konduktor yang dilantik untuk berkhidmat di ladang-ladang Kumpulan Perbadanan.

b. Pengurusan Kilang

i. Pemprosesan BTS Dari Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Dan Pembekal Luar

Aktiviti pemprosesan BTS di Kilang mendapat bekalan dari 2 sumber BTS iaitu dari Ladang-ladang Kumpulan Perbadanan dan Pembekal Luar. Semakan Audit mendapati, pada tahun 2007 hingga 2009 BTS dari Ladang-ladang Kumpulan Perbadanan yang diproses di Kilang adalah sebanyak 358,436 metrik tan atau 63%. Manakala BTS dari Pembekal Luar yang diproses di Kilang adalah sebanyak 209,387 metrik tan atau 37%. Rujuk **Jadual 11.3**.

Jadual 11.3
Pengeluaran Produk BTS Dari Ladang-ladang Kumpulan Perbadanan Dan Pembekal Luar
Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2009

Produk BTS	Tahun 2007 (Metrik Tan)	(%)	Tahun 2008 (Metrik Tan)	(%)	Tahun 2009 (Metrik Tan)	(%)	Jumlah	(%)
BTS dari Ladang-ladang Kumpulan Perbadanan	110,163	62	114,148	59	134,125	68	358,436	63
BTS dari Pembekal Luar	67,128	38	79,013	41	63,246	32	209,387	37
Jumlah	177,291	100	193,161	100	197,371	100	567,823	100

Sumber: Laporan Bulanan Syarikat.

ii. Lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Pengurusan Kilang telah mendapat kelulusan daripada MPOB untuk memproses BTS. Lesen ini diberi kepada Kilang berdasarkan kemampuan dan keupayaan Syarikat untuk meningkatkan kapasiti pemprosesannya setiap tahun. Pada tahun 2001, Syarikat telah diberi lesen untuk memproses BTS sebanyak 125,000 metrik tan dan pada tahun 2003 pula 180,000 metrik tan. Manakala pada Ogos 2010, Syarikat telah diberi penambahan sebanyak 60,000 metrik tan lagi kepada 240,000 metrik tan setahun. Ini menunjukkan bahawa sasaran Syarikat mulai tahun 2010 adalah berdasarkan kepada kelulusan yang diperolehi. Prestasi pembelian BTS adalah seperti di **Jadual 11.4**.

Jadual 11.4
Prestasi Pembelian BTS Bagi Tujuan Pemprosesan CPO Dan Kernel

Tahun	Kapasiti Pembelian BTS Yang Diluluskan Oleh MPOB (Metrik Tan)
2001	125,000
2003	180,000
2010 (Bulan Ogos 2010)	240,000

Sumber: Laporan Bulanan Syarikat

iii. Prestasi Penjualan Minyak Sawit Mentah (CPO) Dan Isirong (Kernel)

Penjualan CPO dan *Kernel* di Kilang adalah bergantung kepada jumlah BTS yang berjaya diproses. Kilang mempunyai pelanggan atau pemborong tetap bagi penjualan CPO dan *Kernel*. Jumlah jualan CPO pada tahun 2007 hingga tahun 2010 berjumlah RM274.35 juta dan prestasi penjualan *Kernel* adalah RM42.86 juta. Pendapatan daripada jualan CPO dan *Kernel* adalah bergantung kepada harga semasa minyak sawit Malaysia. Keterangan penjualan minyak sawit mentah dan isi rong adalah seperti di **Jadual 11.5**.

Jadual 11.5
Prestasi Penjualan Minyak Sawit Mentah Dan Isirong
Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Minyak Sawit Mentah		Isirong (Kernel)	
	Metrik Tan	(RM Juta)	Metrik Tan	(RM Juta)
2008	36,380.83	101.25	10,286.04	16.30
2009	37,516.82	82.52	10,917.52	11.66
2010	33,183.79	90.58	8,418.00	14.90
Jumlah Besar	107,081.44	274.35	29,621.56	42.86

Sumber: Laporan Bulanan Syarikat.

11.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat adalah penting sebagai peraturan dan amalan yang berkesan bagi menyumbang kepada daya tarikan negara untuk pelaburan dalaman dan perkembangan perniagaan serta meningkatkan integriti syarikat. Mengekalkan amalan tadbir urus korporat yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan penjenamaan (*branding*) bagi syarikat, disamping meningkatkan budaya sihat kepada tanggungjawab korporat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko.

11.4.3.1. Polisi Dan Prosedur Sistem Perakaunan OBM

- a. Sistem maklumat yang cepat dan tepat adalah penting supaya setiap keputusan syarikat dapat dibuat dengan pantas. Syarikat menggunakan sistem perakaunan berkomputer iaitu *Open Business Management (OBM)* seperti di **Jadual 11.6**.

Jadual 11.6
Sistem Maklumat Yang Digunakan Syarikat

Bahagian	Sistem Maklumat	Catatan
Korporat Kewangan, Perbendaharaan, Pentadbiran dan Kesetiausahaan.	Sistem Perakaunan (<i>Open Business Management (OBM) Financial Accounting System</i>).	Melibatkan modul seperti lejar am, kos, lejar penghutang, lejar pemiutang, produk dan laporan.

Sumber: Rekod Maklumat Syarikat.

- b. Sistem ini mengandungi maklumat perakaunan dan pembayaran, butiran selenggaraan serta panduan pengguna bagi sistem OBM. Semakan Audit seterusnya mendapati *back-up* terhadap data/maklumat bagi kedua-dua sistem dibuat dengan menggunakan cakera padat sahaja. Selain itu, didapati pegawai yang bertanggungjawab tidak dibekalkan dengan kata laluan yang dikawal bagi memasuki sistem ini. Perbadanan dan Syarikat juga didapati tidak mempunyai satu dasar keselamatan *Information and Communication Technology (ICT)* memandangkan tiada satu garis panduan berhubung pengendalian data yang dikeluarkan. Dengan itu, sejauh mana integriti capaian data adalah terjamin dan terkawal tidak dapat disahkan. Berdasarkan kepada maklum balas, Perbadanan sedang dalam usaha membangunkan satu sistem perakaunan yang baru untuk digunakan oleh kumpulan Perbadanan.

Pada pendapat Audit, Perbadanan dan Syarikat perlu mengadakan satu kawalan untuk capaian akses ke dalam sistem perakaunan Syarikat. Kelemahan ini boleh memberi ruang dan peluang kepada penyalahgunaan dan keselamatan ICT.

11.4.3.2 Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Semakan Audit mendapati, Syarikat tidak menubuhkan Unit Audit Dalam sendiri kerana ianya di bawah skop pengurusan Perbadanan. Oleh kerana Syarikat tidak menubuhkan Unit Audit Dalam, fungsi Unit Audit Dalam sepatutnya dijalankan oleh Unit Audit Dalam Perbadanan. Walau bagaimanapun, semakan selanjutnya mendapati Perbadanan tidak mengambil langkah untuk memainkan peranan di Syarikat.

11.4.3.3. Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan setiap syarikat perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat masing-masing sebagai misi syarikat untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan sedemikian perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Ianya juga hendaklah selaras dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat. Rancangan korporat penting bagi merangka strategi pelaksanaannya selain membentuk objektif dan matlamat yang lebih realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Perancangan strategik juga boleh membantu syarikat bagi memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif serta mewujudkan hubungan baik antara kakitangan dan pengurusan. Perancangan Strategik memberi tumpuan kepada keseluruhan organisasi manakala Pelan Perniagaan adalah lebih fokus kepada produk dan perkhidmatan yang disediakan. Jenis perancangan strategik yang dibentuk adalah bergantung kepada keadaan kepimpinan, budaya, saiz, persekitaran dan kepakaran perancang bagi sesebuah organisasi. Bagaimanapun, Syarikat tidak dapat mengemukakan sebarang dokumen berkaitan dengan perancangan korporatnya untuk tujuan pengauditan.

11.4.3.4. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat-syarikat Kerajaan. Bagi syarikat-syarikat Kerajaan yang dikawal oleh Kerajaan Negeri, cadangan bagi bayaran dividen hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan Menteri Besar setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Dividen perlu dibayar sekurang-kurangnya 10% setiap tahun daripada keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan syarikat berkenaan. Lembaga Pengarah Syarikat Induk hendaklah memastikan supaya semua syarikat subsidiari membayar dividen kepada syarikat induk masing-masing. Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan Syarikat mendapati, sepanjang tempoh perakaunan tahun 2007 hingga 2009, tiada sebarang dividen dibayar kepada Perbadanan. Berdasarkan maklum balas, Syarikat telah mengisytiharkan bayaran dividen interim bagi tahun 2010 sebanyak 10% dan pembayaran telah dibuat kepada Perbadanan pada 30 Disember 2010.

11.5. SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan Syarikat adalah baik. Bagaimanapun bagi tujuan peningkatan prestasi kewangan dan pengurusan Syarikat, beberapa langkah penambahbaikan perlu diambil terutama aspek tadbir urus korporat. Adalah disyorkan Syarikat mengambil tindakan berikut:

11.5.1. Menyediakan dengan segera Rancangan Korporat yang menggariskan hala tuju Syarikat.

11.5.2. Mempertingkatkan kawalan terhadap akses ICT dan keselamatan data bagi menjamin integriti data dan sistem supaya tidak diceroboh atau dipinda oleh pihak lain.

LEMBAGA AIR PERAK

12. MILLENIA AQUA SERVICES SDN. BHD.

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Millenia Aqua Services Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah satu syarikat subsidiari milik penuh Lembaga Air Perak (LAP) yang memiliki 100% ekuiti. Syarikat ditubuhkan pada 20 Mei 2002 di bawah Akta Syarikat 1965. Sehingga akhir tahun 2009, modal dibenarkan adalah RM10 juta dan modal berbayar RM2 juta. Objektif penubuhan Syarikat adalah untuk menjalankan aktiviti berkaitan kadar pengurangan Air Tidak Berhasil (*NRW*) kepada LAP. Syarikat berfungsi sebagai Kontraktor Utama dalam mengesan dan mengurangkan kadar kebocoran air dalam sistem bekalan. Aktiviti Syarikat meliputi 3 lokasi utama iaitu Daerah Kinta, Daerah Hilir Perak dan Daerah Wilayah Barat.

12.1.2. Sepanjang penubuhan, syarikat telah menyempurnakan kontrak pertamanya dengan LAP bagi projek *NRW* di Daerah Kinta bagi tempoh Oktober 2003 sehingga Mac 2007. Bagaimanapun, Syarikat telah menyambung 2 kontrak dengan LAP bagi projek *NRW* di Wilayah Barat sejak Februari 2006 bagi tempoh 5 tahun dan akan berakhir pada Februari 2011. Kontrak bagi projek *NRW* Daerah Kinta dan Daerah Hilir Perak pula dilaksanakan bagi tempoh 5 tahun bermula dari 1 Ogos 2007 sehingga 31 Julai 2012.

12.1.3. Lembaga Pengarah Syarikat dianggotai oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dan melaksanakan tanggungjawab melalui kuasa yang diperuntukkan oleh Memorandum & Artikel (M&A) dan Akta Syarikat 1965. Struktur organisasi Syarikat diketuai oleh seorang Pengurus yang bertanggungjawab melaporkan hal ehwal pengurusan syarikat kepada Lembaga Pengarah. Manakala urusan kewangan diuruskan oleh seorang Eksekutif Akaun yang ditugaskan mengemas kini rekod kewangan serta urusan kewangan yang berkaitan. Sehingga 30 September 2010, Syarikat mempunyai seramai 70 kakitangan yang terdiri daripada 5 orang Ahli Lembaga Pengarah dan 65 pegawai sokongan.

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

12.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di pejabat Syarikat meliputi aspek kewangan dan aktiviti Syarikat dengan tujuan untuk menilai sama ada peruntukan yang disumbangkan oleh LAP diurus dan digunakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Aspek yang dinilai ialah Prestasi Kewangan, Pengurusan Aktiviti Syarikat dan Tadbir Urus Korporat. Semakan Audit

meliputi semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh 3 tahun dari tahun 2008 hingga 2010. Sekiranya perlu, skop pengauditan diperluaskan sebelum tahun 2008 seperti di peringkat penubuhan syarikat. Selain itu, temu bual dengan pegawai berkenaan dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut serta pemeriksaan fizikal peralatan dan aset. Lawatan ke tapak projek juga dilaksanakan bagi menilai pelaksanaan yang dirancang. Analisis kewangan merangkumi nisbah dan *trend* yang dilakukan secara perbandingan dengan indeks prestasi syarikat bagi tempoh 3 tahun berdasarkan penyata kewangan beraudit tahun 2007 hingga 2009.

12.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2010 mendapati Syarikat memperoleh keuntungan bersih RM0.81 juta pada tahun 2009 berbanding keuntungan bersih RM1.11 juta pada tahun 2008 dan RM0.72 juta pada tahun 2007. Pengurusan aktiviti Syarikat yang meliputi aktiviti perniagaan yang berteraskan perkhidmatan berkaitan dengan industri air adalah tidak memuaskan dari segi pencapaian sasaran NRW yang ditetapkan dalam kontrak. Walau bagaimanapun, pencapaian peratusan NRW ada menunjukkan kemajuan penurunan sepanjang tempoh projek. Pihak Audit mendapati pengurusan Syarikat adalah memuaskan kerana keuntungan Syarikat mampu memberi pulangan yang baik. Ini adalah berasaskan pendapatan tertahan (*retained earnings*) Syarikat sehingga akhir tahun 2009 iaitu RM6.60 juta. Bagaimanapun, Syarikat masih tidak mencapai sasaran penurunan NRW seperti yang telah digariskan di dalam kontrak. Penjelasan lanjut berhubung dengan Prestasi Kewangan, Pengurusan Aktiviti dan Tadbir Urus Korporat adalah seperti berikut:

12.4.1. Prestasi Kewangan

12.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit selanjutnya mendapati keuntungan bersih Syarikat menaik 53.1% daripada RM0.96 juta pada tahun 2007 kepada RM1.47 juta pada tahun 2008 manakala menurun 29.3% kepada RM1.04 juta pada tahun 2009. Kenaikan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2008 adalah kerana peningkatan kerja-kerja dan perkhidmatan yang dilaksanakan di Daerah Kinta, Daerah Hilir Perak dan Daerah Wilayah Barat. Manakala penurunan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2009 pula adalah kerana penurunan dalam aktiviti projek dan perkhidmatan yang dilaksanakan terutama bagi kerja-kerja pembaikan kebocoran di Daerah Kinta. Trend keuntungan sebelum cukai pada tahun 2008 dan 2009 ini adalah selari dengan pendapatan yang diperoleh dan perkhidmatan yang dilaksanakan pada tahun tersebut.
- b. Pendapatan utama Syarikat ialah melalui perkhidmatan mengesan dan mengurangkan NRW dalam sistem bekalan air LAP di Daerah Kinta, Daerah Hilir Perak dan Daerah Wilayah Barat. Analisis terhadap penyata kewangan Syarikat bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 menunjukkan jumlah pendapatan Syarikat pada tahun 2008 meningkat sejumlah RM3.13 juta iaitu 39.8% kepada RM11 juta daripada RM7.87 juta pada tahun 2007. Pada tahun 2009, jumlah pendapatannya menurun

sejumlah RM0.83 juta iaitu 7.6% daripada RM11 juta kepada RM10.17 juta. Penurunan jumlah pendapatan pada tahun 2009 adalah kerana penurunan dalam aktiviti projek dan perkhidmatan yang dilaksanakan. Manakala peningkatan jumlah pendapatan pada tahun 2008 adalah berikutan kontrak baru yang diperoleh bagi Projek NRW di Daerah Kinta dan Hilir Perak.


- c. Analisis Audit terhadap perbelanjaan Syarikat pada tahun 2008 menunjukkan peningkatan sejumlah RM2.62 juta iaitu 37.9% daripada RM6.91 juta pada tahun 2007 kepada RM9.53 juta. Manakala jumlah perbelanjaan pada tahun 2009 menurun sejumlah RM0.4 juta iaitu 4.2% kepada RM9.13 juta berbanding RM9.53 juta pada tahun 2008. Jumlah perbelanjaan yang meningkat pada tahun 2008 adalah kerana peningkatan dalam perbelanjaan operasi iaitu peningkatan dalam kos upah dan kerja-kerja sub kontrak. Jumlah perbelanjaan yang menurun pada tahun 2009 pula adalah kerana penurunan dalam perbelanjaan operasi iaitu penurunan kos perbelanjaan material dan peralatan serta kerja-kerja sub kontrak.
- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan Syarikat bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 12.1**, **Carta 12.1** dan **Carta 12.2**.

Jadual 12.1
Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Bersih Syarikat
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	2007	2008	2009
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Pendapatan	7.80	10.96	10.15
Perbelanjaan Operasi	(6.39)	(9.03)	(8.63)
Untung Kasar	1.41	1.93	1.52
Pendapatan Lain	0.07	0.04	0.02
Perbelanjaan Pentadbiran	(0.50)	(0.47)	(0.48)
Untung/(Rugi) Operasi	0.98	1.50	1.06
Kos Kewangan	(0.02)	(0.03)	(0.02)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	0.96	1.47	1.04
Cukai	(0.24)	(0.36)	(0.23)
Untung/(Rugi) Bersih	0.72	1.11	0.81


Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 12.1
Trend Keuntungan Bersih Syarikat
Bagi Tahun Kewangan
2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 12.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan
Syarikat Bagi Tahun Kewangan
2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

12.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 12.2**.

Jadual 12.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun Kewangan		
	2007	2008	2009
Nisbah Semasa	4.55:1	5.62:1	7.31:1
Margin Untung Bersih (%)	12.3	13.4	10.2
Pulangan Ke Atas Aset	0.08:1	0.11:1	0.08:1
Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.11:1	0.14:1	0.09:1

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur kecairan syarikat iaitu sejauh mana syarikat berkemampuan menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan tanggungan semasa. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan keadaan yang baik. Berdasarkan perkiraan Audit, Nisbah Semasa Syarikat adalah 4.55:1 pada tahun 2007, 5.62:1 pada tahun 2008 dan 7.31:1 pada tahun 2009. Kedudukan nisbah ini menunjukkan Syarikat mempunyai kecairan yang mencukupi dan berupaya menampung keseluruhan tanggungan semasanya.

b. Margin Keuntungan

Margin keuntungan mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, Syarikat telah memperoleh keuntungan sejumlah 12 sen pada

tahun 2007, 13 sen pada tahun 2008 dan 10 sen pada tahun 2009. Kedudukan nisbah ini menunjukkan Syarikat berupaya menjana keuntungan kepada syarikat.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset merupakan petunjuk kepada kadar pulangan yang diperoleh daripada penggunaan semua aset. Nisbah ini adalah pendekatan yang diguna bagi menilai kecekapan syarikat menggunakan aset untuk menjana keuntungan. Peratusan yang tinggi menunjukkan kecekapan pengurusan syarikat menjana keuntungan manakala peratusan yang rendah menunjukkan ketidakcekapan. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Ke Atas Aset Syarikat adalah 8.1% pada tahun 2007, menaik kepada 11.4% pada tahun 2008 dan menurun kepada 8.1% pada tahun 2009. Ini menunjukkan pengurusan Syarikat mampu menjana keuntungan menggunakan asetnya.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur kecekapan syarikat menjana pendapatan kepada pemegang saham. Peratusan yang tinggi menunjukkan syarikat berkemampuan untuk memberi pulangan yang tinggi kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti Syarikat adalah 10.7% pada tahun 2007, 14.2% pada tahun 2008 dan 9.4% pada tahun 2009. Ini menunjukkan syarikat berkemampuan memberi pulangan yang baik kepada pemegang saham.

Pada pendapat Audit, prestasi dan kedudukan kewangan Syarikat adalah memuaskan kerana berupaya menjana keuntungan, mengawal perbelanjaan dan mampu memberi pulangan yang baik kepada pemegang saham. Ini adalah kerana pemantauan yang konsisten daripada pihak pengurusan terhadap aktiviti dan pengurusan kewangan syarikat melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dilakukan pada setiap bulan.

12.4.2. Pengurusan Aktiviti Syarikat

Pengurusan Operasi/Aktiviti Syarikat telah menetapkan langkah untuk melaksanakan pengawalan NRW. Tujuan aktiviti ini dijalankan adalah untuk mengurangkan peratusan NRW bagi zon atau kawasan di bawah pengawasan Syarikat. Langkah yang terpenting dalam pengawalan NRW adalah penentuan tahap kebocoran bagi sesuatu sistem agihan bekalan air. Ini kerana kebocoran dalam sistem rangkaian agihan bekalan air merupakan penyumbang utama kehilangan air. Keberkesanan dalam mengurangkan bilangan dan isi padu kebocoran akan mengurangkan NRW dan sekali gus mengurangkan pembaziran sumber air dan kos operasi. Kerja utama yang dilaksanakan di bawah pengawasan Syarikat adalah kerja penyelenggaraan, pemasangan paip dan mewujudkan zon-zon baru. Kerja-kerja penyelenggaraan ini akan dilaksanakan berdasarkan kepada aduan yang diterima. Kebanyakan aduan adalah daripada LAP sendiri dan pengesanan ke atas kebocoran juga di kesan melalui sistem *VIS (Visual Inspection and Sounding)*. Peralatan yang digunakan adalah seperti *Data Logger*, *Noise Logger*, *Sounding Stick* dan *Leak Noise Correclator*. **Gambar 12.1** hingga **Gambar 12.6** menunjukkan beberapa kaedah pengesanan ke atas kebocoran.

Gambar 12.1
Pengesanan Ke atas Kebocoran
Kaedah Data Logger



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Fair Park Ipoh
 Tarikh: 22 Disember 2010

Gambar 12.2
Pengesanan Ke atas Kebocoran
Kaedah Uji kaji Lopak Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Taman Canning Ipoh
 Tarikh: 17 Disember 2010

Gambar 12.3
Kaedah Pengesanan Kebocoran
Menggunakan Sound Stick



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Taman Canning Ipoh
 Tarikh: 17 Disember 2010

Gambar 12.4
Sound Stick Digunakan Untuk
Memeriksa Tekanan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Taman Canning Ipoh
 Tarikh: 17 Disember 2010

Gambar 12.5
Penyambung Paip Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Canning Ipoh
Tarikh: 17 Disember 2010

Gambar 12.6
Penyambung Paip Yang Telah Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Canning Ipoh
Tarikh: 17 Disember 2010

12.4.2.1. Perlantikan Kontraktor

Bagi melaksanakan kerja-kerja pengesanan ke atas kebocoran di zon-zon dan seterusnya membuat pembaikan, kontraktor yang dilantik adalah berdasarkan kepada kelayakan dan memenuhi syarat kontrak yang telah ditandatangani antara Syarikat dan pihak kontraktor. Selain itu, kontraktor yang dilantik oleh Syarikat juga perlu mendapatkan permit dari Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Semua barang-barang dan alat-alat ganti yang digunakan akan dikawal oleh Unit Kontrak bagi memastikan alat-alat ganti yang digunakan adalah bermutu dan memenuhi spesifikasi kontrak. Semakan Audit mendapati kontraktor yang telah dilantik bagi melaksanakan kerja tersebut tidak mempunyai permit SPAN.

12.4.2.2. Pencapaian Sasaran NRW

Kontrak antara Syarikat dan LAP adalah kontrak yang melibatkan projek NRW Negeri Perak bermatlamat untuk menurunkan kadar keseluruhan NRW bagi Daerah Kinta daripada 24% kepada 18%, Daerah Hilir Perak dari 38% kepada 20% dan Wilayah Barat secara keseluruhannya dari 40% kepada 20%. Semakan Audit mendapati, Syarikat masih tidak berjaya mencapai sasaran penurunan NRW seperti yang dirancang. Berdasarkan kepada maklum balas, Syarikat masih tidak mampu mencapai sasaran yang ditetapkan kerana kadar sasaran yang ditetapkan adalah tinggi. Pencapaian sasaran bagi 3 Daerah adalah seperti di **Jadual 12.3**.

Jadual 12.3
Pencapaian Sasaran Projek NRW Di Daerah Kinta Dan Daerah Wilayah Barat

Bil.	Projek	Sasaran NRW (%)	Pencapaian Sebenar Pengurangan NRW (%)				
	Tahun		2006	2007	2008	2009	2010
1.	Daerah Kinta	18	-	24.2	25.3	24.9	25
2.	Wilayah Barat	20	40.1	39.2	35.3	33.7	33
3.	Daerah Hilir Perak	20	35.92	38.18	44.78	39.5	38.42

Sumber: Millenia Aqua Services Sdn. Bhd.

12.4.3. Tadbir Urus Korporat

12.4.3.1. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mewujudkan Unit Audit Dalam sendiri kerana ianya di bawah skop pengurusan LAP. Walau bagaimanapun semakan selanjutnya mendapati LAP tidak mengambil langkah untuk memainkan peranannya di Syarikat. Berdasarkan kepada maklum balas, pihak pengurusan LAP akan mengarahkan Bahagian Audit Dalam LAP untuk memasukkan program pengauditan Syarikat sebagai sebahagian daripada Program Audit Tahunan yang dijalankan oleh Bahagian Audit Dalam LAP.

a. Rancangan Korporat

Rancangan korporat adalah merupakan misi syarikat untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan sedemikian perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Ianya juga hendaklah selaras dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat. Rancangan korporat ini juga penting bagi merangka strategi pelaksanaannya selain membentuk objektif dan matlamat yang lebih realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Perancangan Strategik memberi tumpuan kepada keseluruhan organisasi manakala Pelan Perniagaan adalah lebih fokus kepada produk dan perkhidmatan yang disediakan. Semakan Audit mendapati Syarikat mempunyai perancangan strategik NRW yang telah dirangka dengan lengkap, jelas dan teratur. Rancangan Strategik ini telah didokumenkan bersama dengan Kontrak Projek Mengurangkan Air Tak Berhasil (NRW).

b. Pengurusan Rekod Kewangan

i. Rekod Penghutang

Semakan Audit mendapati, kawalan penghutang adalah memuaskan. Laporan pengumuman penghutang telah disediakan bagi tahun 2007 dan 2009. Bagaimanapun laporan Penghutang bagi tahun 2008 tidak dikemukakan untuk tujuan pengauditan kerana rekod perakaunan bagi tahun 2008 tidak dapat dikesan.

ii. Daftar Simpanan Tetap

Setiap syarikat Kerajaan perlu mempunyai polisi dan peraturan yang jelas mengenai urusan pelaburan syarikat. Selain itu, satu penetapan berkenaan kawalan perlu diwujudkan bagi mengurus, mengawal serta memantau transaksi dan prestasi pelaburan syarikat. Semakan Audit mendapati, setakat 30 Jun 2009, Syarikat telah melabur sejumlah RM1 juta dalam Simpanan Tetap di CIMB Cawangan Jalan Sultan Idris Shah Ipoh. Semakan Audit juga mendapati Syarikat tidak menyediakan daftar simpanan tetap. Bagi meningkatkan urusan syarikat dalam pengurusan simpanan tetap adalah disyorkan daftar simpanan tetap

diselenggara dengan merekodkan semua urus niaga termasuk tambahan atau pengeluaran, kadar faedah serta tempoh setiap tahun.

iii. Polisi Dan Prosedur Perakaunan

Polisi dan Prosedur Perakaunan yang lengkap dan kemas kini memudahkan pemantauan terhadap aktiviti pengurusan kewangan terutamanya pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, Syarikat gagal menyerahkan polisi dan prosedur perakaunan bagi tujuan pengauditan. Berdasarkan kepada maklum balas, pihak pengurusan LAP mengarahkan Syarikat supaya mendokumenkan Polisi dan Peraturan Kewangan dan Perakaunan sebagai satu dokumen lengkap terhadap aktiviti pengurusan kewangan syarikat dan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Syarikat untuk kelulusan. Bagaimanapun pihak Syarikat telah mengemukakan Peraturan Perakaunan dan Kewangan kepada pihak Audit selepas *Exit Conference* yang diadakan pada bulan Mei 2011.

Pada pendapat Audit, pengurusan penyelenggaraan rekod kewangan dan daftar simpanan tetap Syarikat adalah tidak memuaskan kerana rekod kewangan tidak diselenggara dengan baik. Syarikat perlu menyediakan satu Polisi Dan Prosedur Perakaunan untuk rujukan kakitangan.

12.5. SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan Syarikat adalah memuaskan kecuali Syarikat masih tidak mencapai sasaran penurunan NRW seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Beberapa langkah untuk penambahbaikan terutama aspek pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat perlulah diambil tindakan. Adalah disyorkan Syarikat mengambil tindakan berikut bagi tujuan meningkatkan prestasi Syarikat:

12.5.1. Memastikan kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan perkhidmatan mematuhi mempunyai permit pembaikan SPAN.

12.5.2. Menyediakan Polisi dan Peraturan Kewangan dan Perakaunan yang lengkap mengandungi fungsi, prosedur dan proses dalam penyelenggaraan dokumen kewangan Syarikat.

12.5.3. LAP perlu melaksanakan tanggungjawab sebagai badan yang memantau dan mengawal melalui Unit Audit Dalamnya.



BAHAGIAN III PERKARA AM

13. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan, Agensi Negeri dan Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, tindakan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian ini** di bawah tajuk berikut:

13.1. Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009.

13.2. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2009.

13.3. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Perak.

14. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009

Bagi membantu Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri membetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2009, sejumlah 46 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapati setakat 30 April 2011, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap 44 syor bagi tahun 2009. Bagi 2 syor lagi, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan susulan, bagaimana pun perkara tersebut masih belum selesai dan butirannya adalah seperti berikut:

Jadual 14.1
Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi bagi tahun 2009

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK		
- Pengurusan Pembekalan Dan Penyediaan Makanan Mentah Dan Bermasak Di Sekolah Menengah Agama Negeri Perak		
1.	Pegawai yang menandatangani dokumen kontrak perlu diberi kuasa secara bertulis oleh YAB. Menteri Besar.	Perkara ini telah dimaklumkan kepada Pejabat Kewangan Negeri.
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING		
- Pusat Penyembelihan Ayam Perindustrian Tupai, Taiping.		
2.	Pusat Penyembelihan Ayam Perindustrian Tupai, Taiping Tiada Penyewa.	Pengisian penempatan semula ke tapak tersebut belum dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana mengambil kira keputusan dan arahan Kerajaan Negeri untuk menangguhkan program pemindahan ke Pusat Penyembelihan berkenaan. Sebahagian peniaga dari Pasar Ayam Taiping melibatkan 11 orang telah berpindah atas dasar sukarela. Baki kekosongan sebanyak 14 unit dari 38

Bil.	Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
		unit adalah merupakan keperluan bagi penempatan sebahagian dari peniaga Pasar Ayam Taiping yang belum berpindah.

Sumber: Jabatan Audit Negara

15. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PERAK TAHUN 2009

Mengikut Seksyen 9, Akta Audit 1957, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri seberapa segera yang boleh, selepas diaudit oleh Ketua Audit Negara. Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan pula menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Sehubungan itu, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 telah dibentangkan di sidang Dewan Undangan Negeri pada 30 November 2010.

16. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PERAK

Pada tahun 2010, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri bukan sahaja bermesyuarat tetapi melakukan lawatan susulan serta mengadakan sesi soal jawab dengan Ketua-ketua Jabatan yang terlibat. Tindakan ini telah berjaya mengatasi kelemahan-kelemahan Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri kerana Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri telah dapat membincangkan isu-isu terkini dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2009. Sehingga 31 Mei 2011, sebanyak 9 Mesyuarat termasuk dua Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perak telah diadakan. Laporan Jawatankuasa terhadap Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2002 hingga 2007 dan tahun 2008 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perak masing-masing pada 3 Ogos 2010 dan pada 30 November 2010. Perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 16.1**

Jadual 16.1
Mesyuarat Dan Sesi Soal Jawab Jawatankuasa
Kira-kira Wang Negeri Setakat 31 Mei 2011

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 6/2010 4 Jun 2010	Jabatan Pengairan dan Saliran Perak dan Jurutera Daerah, Larut Matang Dan Selama	Jawatankuasa akan mengadakan semula sesi soal jawab dengan Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Jurutera Daerah, Larut Matang Dan Selama untuk mendapat maklum balas terkini selepas sesi soal jawab yang lalu.
	Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Jawatankuasa akan mengadakan lawatan ke Hutan Lipur Kuala Woh untuk meninjau penyenggaraan Hutan Lipur ini.
	Majlis Sukan Negeri	Jawatankuasa akan mengadakan semula sesi soal jawab dengan Pengarah Majlis Sukan Negeri bagi mendapat maklum balas terkini selepas sesi soal jawab pada 15 April 2011.
	Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Bahagian Perumahan Awam (SUK)	Jawatankuasa menangguhkan sesi soal jawab dengan Ketua Penolong SUK Bahagian Perumahan Awam berikutan Jawatankuasa menghendaki maklumat terkini berkaitan kajian terhadap Pengurusan Program Perumahan Awam Kos Rendah dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 .
	Majlis Daerah Kampar dan Tanjong Malim	Jawatankuasa meminta penjelasan Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim dan Kampar serta berpuas hati dengan keterangan terhadap isu yang berbangkit berhubung Kajian Terhadap Pengurusan Kutipan Tunggakan Hasil dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006.
	Majlis Perbandaran Taiping	Jawatankuasa berpuas hati dengan keterangan dan maklumat terkini daripada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping terhadap isu yang berbangkit berhubung Kajian Terhadap Pengurusan Sisa Pepejal dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007. Mesyuarat dimaklumkan penswastaan pengurusan sisa pepejal diteruskan dengan menggunakan teknologi yang terkini oleh pihak swasta.
Mesyuarat Khas Jawatankuasa 14 Julai 2010	Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak	Membincangkan Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak berhubung dengan Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2002 hingga 2007.
Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 7/2010 8 Oktober 2010	Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak	Mesyuarat mendengar taklimat daripada Pensyarah Kanan Universiti Utara Malaysia mengenai perisian <i>PAC KEY (Public Accounts Committee Evaluation Yardstick)</i> . Menurut beliau, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Perak dipilih untuk kajian rintis berikutan Jawatankuasa telah dapat menyelesaikan Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2002 hingga 2007 serta berjaya menjadi antara kalangan Jawatankuasa yang paling aktif. Mesyuarat bersetuju perisian <i>PAC KEY</i> diguna pakai di Negeri Perak sekiranya pembangunan sistem ini telah diselesaikan.
	Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak	Mesyuarat memaklumkan Jawatankuasa telah membuat lawatan ke Hutan Lipur Kuala Woh pada 5 Julai 2010.

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 8/2010 18 Oktober 2010	Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Mesyuarat meminta penjelasan Pengarah Perhutanan Negeri Perak terhadap isu yang berbangkit berhubung Kajian Terhadap Pengurusan Hutan Lipur dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006. Jawatankuasa menasihatkan Jabatan sentiasa berusaha memastikan tindakan diambil supaya harta-harta yang dimiliki di Hutan Lipur seperti kuarters kakitangan dan lain-lain kemudahan digunakan sepenuhnya dan disenggarakan dengan baik.
	Majlis Sukan Negeri	Jawatankuasa mengadakan sesi soal jawab dengan Pengarah Majlis Sukan Negeri bagi mendapatkan penjelasan dan kedudukan terkini berhubung perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 berkaitan Kajian Terhadap Program Pembangunan Sukan. Jawatankuasa meminta pihak Majlis Sukan Negeri membuat usaha penambahbaikan bagi memastikan program pembangunan sukan lebih berkesan dan teratur. Maklumat yang memerlukan perhatian pihak tertinggi pengurusan Majlis Sukan Negara perlu disampaikan dengan lebih berkesan bagi mengelakkan berlaku kerosakan dan pembaziran peralatan sukan yang dibeli bagi menjayakan program pembangunan sukan terbabit.
	Majlis Daerah Tanjong Malim	Jawatankuasa meminta penjelasan Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim dan berpuas hati dengan keterangan terhadap isu yang berbangkit berhubung Kajian Terhadap Pengurusan Kutipan Tunggakan Hasil dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006. Jawatankuasa mengesyorkan agar pihak pengurusan Majlis Daerah Tanjong Malim sentiasa mengkaji kaedah-kaedah penambahbaikan dalam usaha untuk mengutip tunggakan hasil Majlis.
	Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Perak	Pengarah Audit Negeri membentangkan isu-isu dan kedudukan terkini Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 bagi Kajian Terhadap Projek Pengurusan Permohonan dan Pemberimilikan Tanah yang dilaksanakan oleh Pejabat Tanah Larut Matang, Taiping. Pengarah Audit Negeri juga turut membentangkan isu-isu Audit dan kedudukan terkini bagi dua pengauditan pengurusan syarikat subsidiari Kerajaan/Agensi yang turut dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006. Syarikat subsidiari terbabit ialah Syarikat Maju Kayu Sdn. Bhd. dan Syarikat YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. Jawatankuasa memaklumkan telah berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh agensi.

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 9/2010 25 Oktober 2010	Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	Mesyuarat berpuas hati terhadap jawapan daripada Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 mengenai Kuda Sejati Sdn Bhd (KSSB) iaitu syarikat subsidiari milik Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP).
Mesyuarat Khas Jawatankuasa 1 November 2010	Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak	Membincangkan Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak berhubung dengan Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2008.
Mesyuarat Jawatankuasa Bil.1/2011 28 Januari 2011	Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak	Pengarah Audit Negeri membentangkan kajian yang terlibat dan isu-isu Audit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009. Pengarah memaklumkan Jawatankuasa terdapat 8 kajian prestasi, 3 pengurusan syarikat kerajaan negeri dan 37 jabatan/pejabat/agensi terlibat termasuk Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dengan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti. Kajian dan Jabatan/Agensi terlibat yang dibentangkan seperti berikut: 1) Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Perak - Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar; 2) Jabatan Agama Islam Negeri Perak- Pengurusan Pembekalan Dan Penyediaan Makanan Mentah Dan Bermasak Di Sekolah Menengah Agama Negeri Perak; 3) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak- Pengurusan Program Pemberian Bantuan Am; 4) Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta- Pengurusan Hasil Cukai Tanah; 5) Jabatan Kerja Raya - Pembinaan Jalan Dan Jambatan Pekan Chikus/Langkap, Teluk Intan; 6) Jabatan Pertanian Negeri Perak - Program Pembangunan Usahawan Pemprosesan Makanan Produk Pertanian; 7) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak - Pengurusan Pinjaman Pelajaran; dan 8) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) – Perolehan Dan Pengurusan Aset. Pengarah turut memaklumkan isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 berkaitan pengurusan syarikat subsidiari kerajaan/agensi negeri terhadap tiga Syarikat iaitu: 1) Syarikat Ladang Jalong Sdn. Bhd 2) Syarikat Abid Samudra Sdn. Bhd. 3) Syarikat Pengurusan Murni Sdn. Bhd.
Mesyuarat Jawatankuasa Bil.2/2011 1 Mac 2011	Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	Jawatankuasa menangguhkan sesi soal jawab dengan Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Khidmat Pengurusan) berhubung dengan Kajian Terhadap Pengurusan Pinjaman Pelajaran. Pengerusi meminta penjelasan dengan lebih terperinci dan maklumat terkini.
	Jabatan Perkhidmatan	Jawatankuasa meminta penjelasan daripada

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
	Veterinar Negeri Perak	Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak berkaitan isu program PINTAF dan kaedah pengagihannya.
	Majlis Bandaraya Ipoh	Jawatankuasa meminta penjelasan daripada Datuk Bandar Ipoh berhubung isu tapak pelupusan sampah yang tidak disenggara dengan baik. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa isu tersebut telah diambil tindakan dan tapak pelupusan sampah yang baru akan dibina di Lahat Ipoh.
Mesyuarat Jawatankuasa Bil.3/2011 25 Mei 2011	Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	Jawatankuasa mengadakan sesi soal jawab dengan Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Khidmat Pengurusan) berhubung dengan Kajian Terhadap Pengurusan Pinjaman Pelajaran. Pengerusi meminta penjelasan dengan lebih terperinci dan maklumat terkini dan Mesyuarat berpuas hati dengan penjelasan yang diberi.
		Jawatankuasa mengadakan sesi soal jawab dengan 4 Yang Dipertua Majlis PBT berkaitan dengan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 mengenai Perolehan Dan Pengurusan Aset di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) – Mesyuarat berpuas hati tindakan telah diambil terhadap premis yang terbiar, premis tidak disewa dan projek lewat siap.
	Majlis Perbandaran Taiping	Telah mengambil tindakan menyewakan premis kepada pihak koperasi mulai 1 Oktober 2009 hingga 30 September 2011.
	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	Telah mengambil tindakan terhadap projek lewat siap dan terbengkalai termasuk pengurusan kontrak penswastan Resort Sg. Perak.
	Majlis Daerah Kampar	Pembinaan Rumah Rehat Kampar telah siap pada 1 Julai 2009 dan diletak di bawah pengurusan MDK.
	Majlis Daerah Perak Tengah	Mesyuarat memutuskan untuk memanggil pihak kontraktor untuk mendapatkan penjelasan lanjut terhadap pembinaan projek yang dilaporkan.



PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pematuhan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan diberi kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

20 Mei 2011

